



PWR MEMPERSAKSA MASA DEPAN



Laporan Tahunan
Bersepadu 2024
Penyata Kewangan



MENERAJUI



MEMENANGI



MERANCAKKAN

RINGKASAN

TM memasuki fasa transformasi seterusnya, didorong oleh aspirasinya untuk menjadi *Digital Powerhouse* menjelang 2030, sambil meletakkan Malaysia sebagai hab digital untuk ASEAN. Perjalanan ini dipandu oleh strategi PWR 2030 kami – Menerajui (*Pioneer*), Memenangi (*Win*) dan Merancakkan (*Revitalise*) – mencerminkan komitmen kami untuk Memperkasakan Masa Depan.



P

Menerajui Pertumbuhan Industri menerusi Pendigitalan dan Kelestarian

Sebagai penyedia digital bersepadu terkemuka dengan rangkaian dan infrastruktur digital terbesar di Malaysia, kami membolehkan kesalinghubungan yang lancar dan selamat untuk komuniti, perniagaan dan Kerajaan sambil memacu pertumbuhan industri menerusi pendigitalan dan kelestarian. Perkhidmatan dan *backhaul* 5G yang unggul serta pusat data yang canggih memperkasakan kami untuk merintis penyelesaian digital generasi akan datang seperti awan, perkhidmatan pintar dan GPU-sebagai-satu-Perkhidmatan (*GPU-as-a-Service*, GPUaaS) yang dikuasakan oleh Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*, AI) yang meletakkan kami sebagai pemangkin utama dalam menghubungkan Malaysia ke dunia dan dunia ke Malaysia.



W

Memenangi Kedudukan Sebagai Peneraju Infrastruktur di Kawasan Berimpak Tinggi (Komuniti, Perniagaan, Kerajaan)

Kami memimpin pasaran sebagai Peneraju Konvergensi yang menawarkan perkhidmatan *quad-play* di Malaysia dan adalah Rakan Kongsi Digital pilihan untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui portfolio penyelesaian komprehensif kami. Kami juga memacu transformasi digital untuk perusahaan besar dan Kerajaan merentasi sektor utama, termasuk automotif, minyak dan gas, pendidikan dan penjagaan kesihatan melalui tawaran canggih seperti perkhidmatan pintar, awan dan keselamatan siber. Sementara itu, rangkaian gentian kami yang meluas di seluruh negara dan kabel dasar laut antarabangsa membolehkan kesalinghubungan sempadan ke sempadan yang lancar. Semua ini menekankan peranan penting TM sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi digital Malaysia.



R

Merancakkan Ekosistem Bakat dan Inovasi untuk Malaysia dan Serantau

Kami komited untuk merancakkan bakat sedia ada kami bagi mewujudkan tenaga kerja yang celik teknologi dan memberikan nilai yang luar biasa kepada pihak berkepentingan kami. Menerusi Universiti Multimedia (*Multimedia University*, MMU), kami melahirkan bakat digital yang terbaik yang menyumbang kepada agenda digital negara. Kami juga bekerjasama dalam teknologi baru muncul dengan rakan kongsi industri dan teknologi untuk menggiatkan semula ekosistem inovasi di Malaysia dan rantau ini.

Didorong oleh matlamat PWR 2030, kelestarian kekal menjadi teras kepada operasi kami yang dipandu oleh Rangka Kerja Kelestarian kami.

Dengan usaha ini, kami komited untuk memperkasakan masa depan yang lebih cerah dan lebih terhubung, memastikan Malaysia dan rantau ini berkembang maju dalam era digital.

KANDUNGAN

DI DALAM

Kalendar Kewangan	3
Prestasi Saham	4
Maklumat Penting Kewangan Kumpulan	6
Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan	8
Prestasi Kewangan Suku Tahunan Kumpulan	10
Analisis Segmen	11
Ulasan Kewangan Kumpulan	12
Penyata Nilai Tambah	17
Pengagihan Nilai yang Dicipta	18
Penyata Strategi Cukai	19
Penyata Tanggungjawab Para Pengarah	20
Laporan Para Pengarah	21
Penyata-penyata Pendapatan	27
Penyata-penyata Pendapatan Komprehensif	28
Penyata-penyata Kedudukan Kewangan	29
Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan	30
Penyata Perubahan Ekuiti Syarikat	32
Penyata-penyata Aliran Tunai	34
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	35
Penyata Pengarah	134
Akuan Berkanun	134
Laporan Juruaudit Bebas	135
Statistik Pegangan Saham	139
30 Pemegang Saham Teratas	141
Senarai Sepuluh Hartanah Teratas	142
Nilai Buku Bersih Tanah & Bangunan	143
Penggunaan Hartanah	144



KOMITMEN TERHADAP KELESTARIAN

Dalam mendukung tanggungjawab kami terhadap persekitaran, kami komited untuk mengurangkan jejak karbon dalam pengeluaran IAR bercetak kami. Kami amat menyokong semua pemegang saham untuk mengakses laporan kami yang boleh muat turun di tm.com.my/iar2024

KALENDAR KEWANGAN

2024

23

FEBRUARI

Pengumuman keputusan yang disatukan dan belum diaudit bagi suku tahun keempat berakhir 31 Disember 2023 dan pengisytiharan dividen setingkat interim kedua sebanyak 10.5 sen sesaham dan dividen setingkat akhir sebanyak 5.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir (TKB) 31 Disember 2023.

13

MAC

Tarikh kelayakan dividen setingkat interim kedua sebanyak 10.5 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2023.

29

MAC

Tarikh pembayaran dividen setingkat interim kedua sebanyak 10.5 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2023.

2

APRIL

Tarikh kelayakan dividen setingkat akhir sebanyak 5.0 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2023.

19

APRIL

Tarikh pembayaran dividen setingkat akhir sebanyak 5.0 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2023.

30

APRIL

Pengeluaran Notis MAT Ke-39, Laporan Tahunan Bersepadu (LTB) 2023 dan Pekeliling Syarikat kepada Pemegang Saham.

30

MEI

- MAT ke-39 Syarikat: Hasil Mesyuarat.
- Pengumuman keputusan yang disatukan dan belum diaudit bagi suku tahun pertama berakhir 31 Mac 2024.

26

OGOS

Pengumuman keputusan yang disatukan dan belum diaudit bagi suku tahun kedua berakhir 30 Jun 2024 dan pengisytiharan dividen setingkat interim sebanyak 12.5 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2024.

11

SEPTEMBER

Tarikh kelayakan dividen setingkat interim sebanyak 12.5 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2024.

30

SEPTEMBER

Tarikh pembayaran dividen setingkat interim sebanyak 12.5 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2024.

26

NOVEMBER

Pengumuman keputusan yang disatukan dan belum diaudit bagi suku tahun ketiga berakhir 30 September 2024.

2025

25

FEBRUARI

Pengumuman keputusan yang disatukan dan belum diaudit bagi suku tahun keempat berakhir 31 Disember 2024 dan pengisytiharan dividen setingkat interim kedua sebanyak 12.5 sen sesaham dan dividen setingkat khas sebanyak 6.0 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2024.

14

MAC

Tarikh kelayakan dividen setingkat interim kedua dan dividen setingkat khas masing-masing sebanyak 12.5 sen sesaham dan 6.0 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2024.

28

MAC

Tarikh pembayaran dividen setingkat interim kedua dan dividen setingkat khas masing-masing sebanyak 12.5 sen sesaham dan 6.0 sen sesaham bagi TKB 31 Disember 2024.

25

APRIL

Pengeluaran Notis MAT Ke-40, LTB 2024 dan Pekeliling Syarikat kepada Pemegang Saham.

27

MEI

MAT ke-40 Syarikat.

PRESTASI SAHAM

HARGA SAHAM TM & JUMLAH DAGANGAN


Komposisi Pemegang Saham*		Jumlah Pemegang Saham**		3 Pemegang Saham Terbesar*	
Malaysia	84.67%	2022	39,538	Khazanah Nasional Berhad	20.10%
Asing	15.33%	2023	38,112	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	16.09%
		2024	33,312	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	8.23%

* pada 31 Disember 2024
** pada 31 Disember

1Q			2Q			3Q			4Q		
Tinggi	6.50	15 Mac	Tinggi	7.02	19 Jun	Tinggi	7.19	16 & 17 Jul	Tinggi	6.83	30 Dis
Rendah	5.52	2 Jan	Rendah	5.97	1 & 2 Apr	Rendah	6.40	5 Ogos	Rendah	6.29	15 Nov
Tutup	6.04	29 Mac	Tutup	6.76	28 Jun	Tutup	6.72	30 Sep	Tutup	6.65	31 Dis

Harga Saham TM (RM)

Jumlah Dagangan ('000)



Nota: Garis pemisah dalam carta di atas menunjukkan penghujung setiap suku tahun.

PRESTASI SAHAM

PERUBAHAN HARGA SAHAM

Perubahan S1	
TM	KLCI
8.83%	5.60%

Harga saham TM meningkat sejajar dengan prestasi kewangan TK2023 yang positif dan jumlah dividen yang lebih tinggi yang diisytiharkan untuk TK2023.

Perubahan S2	
TM	KLCI
12.85%	2.98%

Harga saham TM terus meningkat, dan melonjak ke paras tertinggi dalam tempoh 8 tahun. Ini disumbangkan oleh keputusan suku tahunan pertama 2024 yang menggalakkan yang melebihi anggaran dan pengumuman Pusat Data TM Nxera.

Perubahan S3	
TM	KLCI
-0.88%	3.17%

Setelah mencapai rekod tertinggi tahunan dan dalam sejarah sebanyak RM7.19, harga saham kembali menurun disebabkan pengambilan keuntungan yang dijangkakan pada suku tersebut.

Perubahan S4	
TM	KLCI
-1.19%	-0.85%

Harga saham TM merosot berikutan arah aliran pasaran keseluruhan tetapi menunjukkan tanda-tanda penambahbaikan dengan aliran berita yang positif mengenai penyediaan Usaha Bersama Pusat Data Nxera TM dan kejelasan tentang rangkaian 5G ke-2 Malaysia.

Harga Saham TM (RM)

7.00 —
6.40 —
5.80 —
5.20 —

Jan Feb Mac Apr Mei Jun Jul Ogos Sep Okt Nov Dis

— Harga Saham TM — Indeks FBM KLCI

Indeks FBM KLCI

— 1,800
— 1,710
— 1,620
— 1,530
— 1,440

Perubahan TK2024	
TM	KLCI
19.82%	12.90%

Nota: Garis pemisah dalam carta di atas menunjukkan penghujung setiap suku tahun.

A	Dividen Interim ke-2 TK2023	10.5 sen sesaham	13 Mac 2024	29 Mac 2024
B	Dividen Akhir TK2023	5.0 sen sesaham	2 April 2024	19 April 2024
C	Dividen Interim TK2024	12.5 sen sesaham	11 September 2024	30 September 2024

HARGA SAHAM TM & MODAL PASARAN

Harga Saham TM (RM)

7.00 —
6.00 —
5.00 —
4.00 —
3.00 —
2.00 —
1.00 —
0.00 —

2020

2021

2022

2023

2024

— Harga Saham TM — Modal Pasaran

Modal Pasaran
(RM Bilion)

— 30
— 25
— 20
— 15
— 10
— 5
— 0

5.41

5.50

5.40

5.55

6.65

20.42

20.76

20.63

21.30

25.52






* Harga saham TM adalah berdasarkan pada harga tutup akhir bulan

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN KUMPULAN

	2024	2023 Dinyatakan semula	2022	2021	2020
Dalam RM Juta					
KEPUTUSAN KENDALIAN					
Hasil kendalian*	11,712.4	11,690.2	12,118.1	11,529.0	10,840.3
Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA)*	4,474.5	4,502.0	4,953.1	4,344.8	3,888.6
Perolehan sebelum faedah dan cukai (EBIT)	2,325.1	2,088.4	2,090.2	1,710.1	1,604.7
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	2,177.2	1,808.5	1,686.5	1,246.8	1,278.5
Keuntungan bagi tahun kewangan	2,038.9	1,885.0	1,144.2	877.9	996.0
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat (PATAMI)	2,016.9	1,870.5	1,143.3	895.2	1,016.0
DATA UTAMA KEDUDUKAN KEWANGAN					
Jumlah ekuiti pemegang saham	10,099.7	9,163.0	7,936.5	7,502.5	7,124.6
Jumlah aset*	21,162.5	21,687.9	23,131.3	22,831.1	24,278.5
Jumlah Liabiliti*	10,896.6	12,365.3	13,472.1	15,503.2	17,303.2
Jumlah peminjaman	3,490.9	4,763.2	5,269.3	5,720.0	7,626.8
Liabiliti pajakan	1,699.9	1,857.6	1,774.5	1,883.7	1,907.6
MAKLUMAT SAHAM					
Sesaham					
Perolehan (asas)	52.6 sen	48.9 sen	30.2 sen	23.7 sen	27.0 sen
Dividen	31.0 sen	25.0 sen	16.5 sen	13.0 sen	14.3 sen
Aset bersih	263.2 sen	238.8 sen	207.7 sen	198.8 sen	188.8 sen
Harga saham pada 31 Disember	RM6.65	RM5.55	RM5.40	RM5.50	RM5.41
Permodalan pasaran	RM25,520.7	RM21,298.8	RM20,633.5	RM20,755.4	RM20,415.4
NISBAH KEWANGAN					
Pulangan ekuiti pemegang saham (ROE)	20.9%	23.0%	17.7%	13.9%	13.7%
Pulangan jumlah aset*	9.4%	9.1%	6.0%	4.3%	4.0%
Pulangan ke atas modal yang dilaburkan (ROIC)*	13.3%	11.7%	10.8%	9.0%	8.4%
Nisbah hutang-kepada-ekuiti	0.6	0.8	1.0	1.2	1.4

* Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan telah menukar dasar perakaunannya berhubung pembentangan geran Kerajaan dan telah menyatakan semula maklumat perbandingan bagi tahun 2023, seperti yang dinyatakan dalam nota 49 kepada penyata kewangan yang telah diaudit. Maklumat bagi tahun 2020 hingga 2022 tidak dinyatakan semula.

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN KUMPULAN



* Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan telah menukar dasar perakaunannya berhubung pembentangan geran Kerajaan dan telah menyatakan semula maklumat perbandingan bagi tahun 2023, seperti yang dinyatakan dalam nota 49 kepada penyata kewangan yang telah diaudit. Maklumat bagi tahun 2020 hingga 2022 tidak dinyatakan semula.

RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

JUMLAH ASET	2024 RM Juta	2023 RM Juta Dinyatakan semula
Hartanah, loji dan peralatan	11,429.3	11,796.8
Aset tak ketara	839.5	896.3
Aset hak penggunaan	1,182.9	1,263.6
Inventori	201.7	204.6
Pelaburan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (FVTPL)	111.3	153.4
Belum terima perdagangan dan lain-lain	2,518.0	2,275.0
Tunai dan baki bank	3,096.2	2,955.2
Belum terima/aset bukan semasa lain	332.7	610.9
Aset kontrak	643.9	644.3
Aset lain	807.0	887.8
Jumlah Aset	21,162.5	21,687.9


JUMLAH LIABILITI & EKUITI PEMEGANG SAHAM	2024 RM Juta	2023 RM Juta Dinyatakan semula
Modal saham	4,070.7	4,070.2
Rizab-rizab lain	135.7	141.9
Perolehan tertahan	5,893.3	4,950.9
Kepentingan tak mengawal	166.2	159.6
Peminjaman	3,490.9	4,763.2
Liabiliti cukai tertunda	920.9	1,127.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain	3,409.4	3,226.1
Cukai dan zakat	47.2	8.0
Liabiliti kontrak	1,231.8	1,247.9
Liabiliti pajakan	1,699.9	1,857.6
Lain-lain	96.5	135.5
Jumlah Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham	21,162.5	21,687.9

RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN


Jumlah Aset

RM21,162.5 juta

(2023: RM21,687.9 juta)



- Hartanah, loji dan peralatan
- Aset tak ketara
- Aset hak penggunaan
- Inventori
- Pelaburan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (FVTPL)




- Belum terima perdagangan dan lain-lain
- Tunai dan baki bank
- Belum terima/aset bukan semasa lain
- Aset kontrak
- Aset lain


Jumlah Liabiliti & Ekuiti Pemegang Saham

RM21,162.5 juta

(2023: RM21,687.9 juta)



- Modal saham
- Rizab-rizab lain
- Perolehan tertahan
- Kepentingan tak mengawal
- Peminjaman
- Liabiliti cukai tertunda



Kurang daripada 0.1%

- Belum bayar perdagangan dan lain-lain
- Cukai dan zakat
- Liabiliti kontrak
- Liabiliti pajakan
- Lain-lain

PRESTASI KEWANGAN

SUKU TAHUNAN KUMPULAN


2024 Dalam RM Juta	Suku Tahun Pertama	Suku Tahun Kedua	Suku Tahun Ketiga	Suku Tahun Keempat	Tahun 2024
Hasil kendalian	2,837.0	2,907.9	2,917.1	3,050.4	11,712.4
Keuntungan kendalian sebelum laba lain dan kos pembiayaan	650.9	612.7	549.1	512.4	2,325.1
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	572.1	565.5	668.2	371.4	2,177.2
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	424.8	396.4	465.1	730.6	2,016.9
Perolehan sesaham asas (sen)	11.1	10.3	12.1	19.0	52.6
Dividen sesaham (sen)	–	12.5	–	18.5	31.0

2023 Dalam RM Juta Dinyatakan semula	Suku Tahun Pertama	Suku Tahun Kedua	Suku Tahun Ketiga	Suku Tahun Keempat	Tahun 2023
Hasil kendalian	2,785.9	2,958.6	2,953.7	2,992.0	11,690.2
Keuntungan kendalian sebelum laba lain dan kos pembiayaan	473.3	630.0	576.0	409.1	2,088.4
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	421.0	488.8	505.0	393.7	1,808.5
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat	330.1	568.7	538.2	433.5	1,870.5
Perolehan sesaham asas (sen)	8.6	14.9	14.1	11.3	48.9
Dividen sesaham (sen)	–	9.5	–	15.5	25.0

ANALISIS SEGMENT

■ 2024 ■ 2023


HASIL MENGIKUT KLUSTER PERNIAGAAN (RM Juta)



Nota:

Jumlah hasil termasuk antara segmen yang dihapuskan pada penyatuan sebanyak RM171.1 juta untuk tahun kewangan 2024 dan RM254.8 juta untuk tahun kewangan 2023.

HASIL MENGIKUT LOKASI GEOGRAFI (RM Juta)




ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

Kumpulan telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa sepanjang tahun, memuncak dalam penutupan tahun yang kukuh apabila menutup 2024 dengan pencapaian yang membanggakan. Walaupun berhadapan dengan tekanan persaingan yang hebat dan keadaan pasaran yang dinamik, perniagaan utama kami tetap teguh, mengekalkan trajektori hasil yang positif dari tahun sebelumnya. Tambahan pula, kecekapan dalaman kami kekal teguh, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Perolehan Sebelum Faedah dan Cukai (EBIT) Kumpulan serta Keuntungan selepas Cukai dan Kepentingan Tak Mengawal (PATAMI) Kumpulan yang kukuh. Hasil yang positif ini membolehkan Kumpulan, dengan kelebihan strategik yang diperlukan, memacu pertumbuhan TM pada tahun hadapan.

HASIL KENDALIAN

Kumpulan berjaya mengekalkan trajektori positif dengan peningkatan sebanyak 0.2% tahun ke tahun daripada RM11,690.2 juta kepada RM11,712.4 juta, didorong terutamanya oleh perkhidmatan data dan telekomunikasi lain, serta prestasi yang kukuh daripada segmen pendidikan kami.

Walaupun terkesan dengan pelarasan harga Unifi dan persaingan sengit pada 2024, segmen Perniagaan-ke-Pengguna (B2C) menunjukkan peningkatan 1.5% dalam pelanggan jalur lebar tetap, meningkat daripada 3.1 juta kepada 3.2 juta pada akhir tahun. Peningkatan ini sebahagian besarnya disokong oleh kempen dan aktiviti promosi yang bersasar, yang mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju konvergensi negara dengan satu-satunya perkhidmatan *quad-play*. Kejayaan kami diperkukuhkan lagi dengan perkongsian strategik bersama agensi Kerajaan dan perusahaan, memajukan transformasi digital melalui penyelesaian seperti perkhidmatan pintar, awan berdaulat, dan keselamatan siber. Tambahan lagi, kami terus mengembangkan infrastruktur digital teras kami termasuk rangkaian gentian seluruh negara, liputan jalur lebar, *backhaul* mudah alih 5G, pusat data, dan kabel dasar laut—semuanya elemen penting dalam memupuk keterangkuman digital.



Perkhidmatan Internet dan multimedia

Hasil perkhidmatan Internet dan multimedia terus menjadi segmen hasil terbesar untuk Kumpulan, menyumbang 39.0% daripada jumlah hasil pada 2024 (2023: 39.2%). Pangkalan pelanggan jalur lebar tetap meningkat 1.5% tahun ke tahun, mencapai 3.2 juta pada akhir tahun. Segmen hasil kekal berdaya tahan di tengah-tengah persaingan yang sengit. Sementara itu, kesan daripada pelarasan harga Unifi dan tekanan persaingan yang meningkat pada 2024 menyaksikan penurunan sedikit dalam hasil sebanyak 0.5% (RM23.5 juta) kepada RM4,564.3 juta, berbanding RM4,587.8 juta pada 2023. Kumpulan akan meningkatkan kempen dan penawaran yang disasarkan untuk memanfaatkan lagi peluang pengalaman peribadi dengan perkhidmatan kami.

Perkhidmatan data

Hasil daripada perkhidmatan data menyumbang 29.7% daripada jumlah hasil Kumpulan, meningkat daripada 28.9% pada 2023. Segmen hasil yang terutamanya terdiri daripada litar suwa, Ethernet, SD-WAN dan perkhidmatan IP, memberi khidmat kepada pelanggan berlesen telekomunikasi domestik dan global. Pada 2024, perkhidmatan data menjana hasil sebanyak RM3,480.8 juta, meningkat 3.2% (RM106.8 juta) daripada RM3,374.0 juta yang dicatatkan pada 2023, didorong oleh permintaan yang kukuh dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Bagi mengukuhkan lagi segmen hasil, Kumpulan melancarkan tapak *backhaul* mudah alih untuk menyokong 5G, meluaskan port Akses Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBA) dan perkhidmatan penghantaran dipertingkatkan kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi lain dalam negara dan global.

Perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain

Perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain meliputi hasil daripada projek pelanggan, pusat data, penyelesaian awan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) terurus, penyumberluaran proses perniagaan dan perkhidmatan pintar. Mewakili 12.0% daripada jumlah hasil Kumpulan, segmen hasil ini meningkat sebanyak 14.5% (RM178.6 juta) mencecah RM1,406.4 juta daripada RM1,227.8 juta pada 2023. Peningkatan ini mencerminkan permintaan yang lebih tinggi untuk kabel dasar laut antarabangsa dan perkhidmatan pusat data Kumpulan.

Perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi

Hasil daripada perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi meningkat 15.9% (RM37.5 juta) kepada RM273.0 juta pada 2024 berbanding RM235.5 juta pada 2023, menyumbang sebanyak 2.3% kepada jumlah hasil Kumpulan (2.0% pada 2023). Segmen hasil ini terdiri daripada usaha niaga yang pelbagai dalam aktiviti perniagaan bukan berkaitan telekomunikasi melalui anak-anak syarikat dengan fokus terhadap segmen pendidikan dan pembangunan hartanah.

ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

KOS OPERASI

Kumpulan kekal komited untuk meningkatkan keuntungan dan kecemerlangan operasi, dengan keputusan kewangan yang mencerminkan pendekatan seimbang antara disiplin kos dan pelaburan strategik untuk pertumbuhan yang mampan. Kos operasi menurun sebanyak 2.3% (RM226.0 juta) kepada RM9,579.3 juta pada 2024, berbanding RM9,805.3 juta tahun sebelumnya. Penurunan ini terutamanya didorong oleh kos operasi, susut nilai, rosot nilai dan perbelanjaan pelunasan yang lebih rendah, serta pengurangan perbelanjaan untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan aset rangkaian dan bangunan.

Susut nilai, rosot nilai dan pelunasan

Susut nilai menurun sebanyak 10.9% (RM264.2 juta), daripada RM2,413.6 juta pada 2023 kepada RM2,149.4 juta pada 2024. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh kerugian rosot nilai sekali sahaja sebanyak RM120.6 juta yang diiktiraf pada tahun sebelumnya, kebanyakannya dikaitkan kepada aset IT tertentu dan susut nilai yang dipercepatkan bagi menara komunikasi rangkaian dan aset rangkaian lain. Hasil yang positif ini mencerminkan usaha berterusan Kumpulan untuk memperkemaskan portfolio asetnya dan meningkatkan kecekapan operasi.

Pembayaran domestik, antarabangsa dan komisen

Pembayaran domestik, antarabangsa dan komisen, yang menyumbang 18.6% daripada jumlah kos operasi Kumpulan, menurun sebanyak 6.8% (RM130.8 juta) tahun ke tahun, walaupun hasil operasi meningkat 0.2%. Kategori kos ini terdiri daripada bayaran keluar telekomunikasi, kos yang berkaitan dengan perkhidmatan trafik domestik dan


antarabangsa, komisen kepada penjual semula dan agen, serta perbelanjaan bagi peralatan komunikasi dan perkhidmatan kejuruteraan. Pengurangan ini mencerminkan tumpuan berterusan Kumpulan terhadap kecekapan operasi.

Penyelenggaraan

Kos penyelenggaraan Kumpulan bagi 2024 menurun sebanyak 7.8% (RM46.8 juta), berjumlah RM553.6 juta, berbanding RM600.4 juta pada 2023, yang merangkumi kos pembaikan dan penyelenggaraan untuk rangkaian, bangunan, premis, sistem, dan perisian Kumpulan. Pengurangan ini mencerminkan usaha berterusan Kumpulan untuk mengoptimalkan program penyelenggaraan dan mewujudkan model kerjasama yang lebih cekap dengan rakan kongsi penyelenggaraan, di samping memastikan standard kualiti perkhidmatan tertinggi untuk pelanggan kami.

Bahan-bahan/peralatan pelanggan dan pemasangan

Kos bagi bahan-bahan/peralatan pelanggan dan pemasangan Kumpulan untuk 2024 berjumlah RM506.1 juta, iaitu 5.3% daripada jumlah kos dan menurun sebanyak 5.3% (RM28.6 juta) dari tahun sebelumnya. Kos ini terutamanya meliputi perbelanjaan untuk peralatan di premis pelanggan (CPE) seperti penghala dan modem, yang ditanggung apabila memperoleh kontrak pelanggan. Di mana berkenaan, kos ini dipermodalkan dan dilunaskan sepanjang tempoh kontrak dengan pelanggan. Pada 2024, komponen kos ini ialah 4.3% daripada jumlah hasil, lebih rendah daripada 4.6% pada 2023, dan ini mencerminkan pelaburan berterusan Kumpulan dalam mempertingkatkan pengalaman pelanggan.



ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

Kerugian rosot nilai bersih ke atas aset kewangan dan aset kontrak

Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan peruntukan untuk rosot nilai aset kewangan dan aset kontrak berjumlah RM44.4 juta pada 2024, iaitu lebih rendah sebanyak RM91.8 juta berbanding RM136.2 juta yang dicatatkan pada 2023. Sementara itu, nisbah kos ke atas hasil bagi elemen kos ini, yang merupakan peruntukan am dan khusus bagi kerugian rosot nilai daripada perdagangan dan belum terima lain, adalah pada tahap 0.4% daripada hasil berbanding 1.2% pada tahun kewangan sebelumnya.

Kos anggota

Kos anggota menyumbang 28.6% daripada jumlah kos operasi Kumpulan, dengan peningkatan 8.8% (RM220.7 juta) tahun ke tahun. Secara mutlak, kos anggota (bersih daripada kos anggota yang dipermodalkan) bagi 2024 berjumlah RM2,736.2 juta, berbanding RM2,517.4 juta pada 2023. Peningkatan ini membuktikan komitmen Kumpulan untuk mengutamakan kesejahteraan anggotanya, memastikan mereka kekal disokong dengan baik di tengah-tengah peningkatan kos sara hidup.

(KERUGIAN)/LABA LAIN (BERSIH)

Nilai saksama keuntungan atau kerugian Kumpulan ke atas instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (FVTPL) dan keuntungan atau kerugian daripada pelupusan atau dinyahaktifkan instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVOCI) dilaporkan sebagai (kerugian)/labai lain (bersih). Pada 2024, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM15.6 juta (2023: RM10.4 juta keuntungan bersih), terutamanya didorong oleh pergerakan nilai saksama pelaburannya dalam dana teknologi dan perubahan dalam nilai bagi pelaburan unit amanah pendapatan tetap.

(KOS)/PENDAPATAN KEWANGAN BERSIH

Dengan jumlah RM140.4 juta, (kos)/pendapatan kewangan bersih Kumpulan pada 2024 secara keseluruhan berkurang dengan ketara sebanyak 53.7% (RM163.0 juta) berbanding RM303.4 juta yang dicatatkan pada 2023. Pengurangan ini didorong oleh asas pinjaman yang lebih rendah berikutan pelaksanaan secara proaktif bayaran balik awal dalam tahun-tahun kebelakangan ini, diikuti dengan keuntungan terjemahan pertukaran asing ke atas pinjaman Kumpulan dalam mata wang USD berjumlah RM36.7 juta, berbanding kerugian sebanyak RM48.7 juta pada 2023.

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan membayar balik RM1.2 bilion Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) dalam 4 *tranche* pada tempoh matangnya, bersama-sama dengan penebusan awal Debentur bernilai USD59.1 juta (RM262.5 juta) dan IMTN bernilai RM250.0 yang dibayar balik dalam tahun kewangan sebelumnya. Sehubungan itu, kos kewangan Kumpulan menurun sebanyak RM51.0 juta berbanding 2023, dengan tiada pinjaman baharu pada tahun kewangan semasa.

Selain itu, pendapatan kewangan meningkat kepada RM127.7 juta pada 2024 daripada RM101.1 juta pada 2023, didorong oleh tunai dan baki di bank yang lebih tinggi pada akhir tahun, meskipun pembayaran balik IMTN dan penyelesaian penuh kewajipan geran Kerajaan pada tahun kewangan semasa. Kumpulan juga mencatatkan keuntungan terjemahan pertukaran asing sebanyak RM36.7 juta ke atas pinjaman dalam mata wang USD, berbanding kerugian RM48.7 juta pada tahun sebelumnya. Oleh itu, kos kewangan bersih Kumpulan pada 2024 turun sebanyak 53.7% kepada RM140.4 juta daripada RM303.4 juta pada 2023.

Perbelanjaan Cukai dan Zakat


Berikutan beberapa perkembangan yang menjadi jelas dan pasti pada tahun kewangan semasa, Kumpulan telah mengiktiraf baki aset cukai tertunda sekali sahaja yang berkaitan dengan elaun modal tidak diserap sebelumnya berikutan penyusunan semula dalam Kumpulan, kerana penggunaannya ke atas keuntungan boleh cukai masa hadapan menjadi berkemungkinan. Sumbangan zakat Kumpulan bagi 2024 berjumlah RM9.0 juta, berbanding RM9.9 juta pada 2023. Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan jumlah cukai dan zakat sebanyak RM138.3 juta (2023: RM76.5 juta bagi kredit cukai dan caj zakat).

Keuntungan

Prestasi Kumpulan pada 2024 menunjukkan daya tahannya dalam mengemudi pasaran domestik dan antarabangsa yang sangat kompetitif, di samping mengekalkan tumpuan yang teguh pada meningkatkan keuntungan dan kecemerlangan operasi.

Perolehan Sebelum Faedah dan Cukai (EBIT) Kumpulan menambah 11.3% (RM236.7 juta) kepada RM2,325.1 juta, meningkat daripada RM2,088.4 juta tahun sebelumnya. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh susut nilai, rosot nilai dan pelunasan yang lebih rendah pada tahun kewangan semasa.

Dengan kos kewangan bersih yang lebih rendah sebanyak RM140.4 juta dan pengiktirafan baki kredit cukai sekali sahaja daripada elaun modal tidak diserap, Keuntungan selepas Cukai dan Kepentingan Tak Mengawal (PATAMI) sebanyak RM2,016.9 juta pada 2024 ialah 7.8% (RM146.4 juta) lebih tinggi daripada RM1,870.5 juta yang dicatat pada tahun sebelumnya.



ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

JUMLAH ASET

Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan jumlah aset sebanyak RM21,162.5 juta berbanding RM21,687.9 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya. Sebahagian besarnya disumbangkan oleh pengurangan bersih dalam hartanah, loji dan peralatan, hak penggunaan aset, aset tak ketara, pelaburan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, inventori, terhadap peningkatan bersih dalam perdagangan dan belum terima lain serta tunai dan baki di bank antara dua tarikh kunci kira-kira.

Hartanah, loji dan peralatan (PPE)

PPE Kumpulan turun 3.1% (RM367.5 juta) kepada RM11,429.3 juta pada akhir tahun kewangan, berbanding RM11,796.8 juta pada akhir 2023. Perbelanjaan modal (CAPEX) Kumpulan berjumlah RM1,588.5 juta pada 2024, iaitu 13.6% daripada hasil Kumpulan. CAPEX ialah 17.5% (RM335.9 juta) lebih rendah daripada RM1,924.4 juta yang dibelanjakan pada 2023, pendekatan yang lebih berhemat dan tekun dalam meluaskan infrastruktur rangkaian Kumpulan di seluruh negara serta sistem kabel dasar laut serantau.

Aset hak penggunaan (ROU)

Aset hak penggunaan (ROU) aset merupakan hak kolektif Kumpulan untuk mengguna aset pajakan yang kebanyakannya terdiri daripada penyewaan ribuan tapak transmisi telekomunikasi di seluruh negara, kapasiti yang dikenal pasti dalam kabel dasar laut antarabangsa dan domestik serta pengaturan lokasi bersama di pusat data termasuk pajakan ke atas bangunan pejabat, sepanjang baki tempoh pajakan bagi kontrak pajakan tersebut. Aset ini disusut nilai bagi tempoh pajakan dan Kumpulan akan menggunakan andaian kritikal pada hasil pelanjutan yang paling berkemungkinan bagi kontrak dengan opsyen untuk disambung. Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan ROU aset berjumlah RM1,182.9 juta, penurunan daripada RM1,263.6 juta pada tahun sebelumnya. Pengurangan ini disebabkan oleh kurang kontrak baharu ROU dengan penamatan kontrak yang tinggi, mencerminkan peningkatan dalam kecekapan berikutan penyusunan semula dalaman pada 1 Mac 2023.

Belum terima perdagangan dan lain-lain

Pada akhir tahun 2024, baki belum terima perdagangan dan lain-lain ialah RM2,518.0 juta, berbanding RM2,275 juta pada tahun sebelumnya. Perubahan baki sebanyak RM243.0 juta adalah terutamanya daripada perolehan terakru dan geran boleh diperolehi semula daripada Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan atau Persekutuan yang berkaitan, serta pengelasan semula deposit dana terikat daripada penghutang bukan semasa. Pengelasan semula ini sejajar dengan rancangan Kumpulan untuk memperuntukkan dana terikat bagi membiayai Debenturnya apabila matang pada 1 Ogos 2025.

Tunai dan baki bank

Tunai dan baki di bank Kumpulan meningkat antara tarikh akhir pelaporan, dengan jumlah RM3,096.2 juta dicatatkan pada 31 Disember 2024, berbanding RM2,955.2 juta pada akhir kunci kira-kira tahun sebelumnya. Perubahan dalam tunai dan baki di bank sebanyak RM141.0 juta terutamanya didorong oleh pengurangan dalam perbelanjaan modal bagi tahun semasa, walaupun terdapat pengurangan dalam pinjaman berikutan pembayaran balik IMTN pada tempoh matangnya dan penyelesaian penuh kewajipan berkaitan geran Kerajaan.

Inventori

Tahap inventori merosot daripada RM204.6 juta menjelang akhir 2023 kepada RM201.7 juta. Penurunan ini terutamanya didorong oleh pengurangan dalam telekomunikasi dan CPE, tetapi diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan dalam kapasiti rangkaian antarabangsa yang dipegang untuk jualan semula di C2C (dahulunya TM Global), khususnya kabel dasar laut antarabangsa.

JUMLAH LIABILITI

Kumpulan mengakhiri tahun kewangan dengan jumlah liabiliti sebanyak RM10,896.6 juta berbanding RM12,365.3 juta yang dicatatkan pada akhir 2023.

Peminjaman

Jumlah peminjaman Kumpulan pada 31 Disember 2024 ialah RM3,490.9 juta berbanding RM4,763.2 juta pada akhir 2023. Pengurangan dalam baki peminjaman terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik RM1,200.0 juta *tranche* IMTN pada tempoh matangnya pada 2024, serta penyelesaian penuh kewajipan berkaitan geran Kerajaan berjumlah RM22.5 juta pada tahun kewangan semasa.

Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan Kumpulan pada akhir tahun kewangan berjumlah RM1,699.9 juta, turun 8.5% (RM157.7 juta) berbanding RM1,857.6 juta pada akhir tahun kewangan sebelumnya. Liabiliti pajakan merupakan nilai semasa kewajipan Kumpulan untuk membuat pembayaran pajakan masa hadapan, terdiskaun pada kadar peminjaman sedia ada kepada entiti individu dalam Kumpulan.

Belum bayar perdagangan dan lain-lain

Jumlah belum bayar perdagangan dan lain-lain Kumpulan meningkat 5.7% (RM183.3 juta) kepada RM3,409.4 juta pada 31 Disember 2024, berbanding RM3,226.1 juta. Ini sejajar dengan bilangan hari untuk menyelesaikan bayaran Akaun Belum Bayar yang lebih tinggi dan pengurangan dalam pembayaran kepada pembekal pada 2023.

ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

EKUITI PEMEGANG SAHAM

Prestasi Kumpulan yang kukuh pada 2024 dengan PATAMI berjumlah RM2,016.9 juta, ditolak RM1,074.5 juta bagi pengagihan dividen secara tunai sepanjang tahun membawa kepada peningkatan 10.2% (RM936.7 juta) dalam ekuiti pemegang saham.


Walaupun adanya terbitan saham biasa baharu pada tahun semasa daripada Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) Kumpulan, aset bersih sesaham meningkat daripada 238.8 sen sesaham pada akhir tahun kewangan sebelumnya yang ditutup 10.2% lebih tinggi pada 263.2 sen.

Perolehan sesaham (EPS) dan pulangan ke atas ekuiti pemegang saham (ROE)

Perolehan sesaham Kumpulan bagi 2024 meningkat kepada 52.6 sen sesaham daripada 48.9 sen sesaham pada 2023, berikutan peningkatan 7.8% dalam PATAMI Kumpulan, yang berjumlah RM146.4 juta. Pulangan ke atas ekuiti, yang dikira dengan membahagikan PATAMI yang Dilaporkan dengan purata ekuiti pemegang saham, berkurangan daripada 23.0% pada 2023 kepada 20.9% pada 2024.

Dividen

Kumpulan kekal komited kepada dasar pembayaran dividennya untuk mengagihkan dividen tahunan sebanyak 40% hingga 60% daripada PATAMI yang Dilaporkan Kumpulan. Untuk pemegang saham kami, Kumpulan telah mengisytiharkan pada 25 Februari 2025 dividen setingkat interim kedua sebanyak 12.5 sen sesaham dan dividen setingkat khas sebanyak 6.0 sen sesaham, masing-masing dengan jumlah bayaran kira-kira RM479.7 juta dan RM230.3 juta, bagi tahun kewangan 2024. Bersama dengan dividen setingkat interim pertama sebanyak 12.5 sen sesaham yang diisytiharkan pada 26 Ogos 2024, jumlah dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 ialah 31.0 sen sesaham, yang berjumlah RM1,189.7 juta.



PENYATA NILAI TAMBAH


Nilai tambah ialah ukuran kekayaan yang dihasilkan. Penyata berikutnya menunjukkan nilai tambah Kumpulan untuk tahun 2024 dan 2023 dan pengagihan melalui pembayaran kepada anggota, Kerajaan/agensi-agensi yang diluluskan dan pemegang saham, dengan baki disimpan dalam Kumpulan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan.

NILAI TAMBAH	2024 RM Juta	2023 RM Juta Dinyatakan semula
Hasil	11,712.4	11,690.2
Pembelian barangan dan perkhidmatan	(4,598.9)	(4,788.9)
Nilai tambah oleh Kumpulan	7,113.5	6,901.3
Pendapatan kendalian lain (bersih)	192.0	203.5
(Kerugian)/Laba lain (bersih)	(15.6)	10.4
Pendapatan pembiayaan	127.7	101.1
Kos pembiayaan	(304.8)	(355.8)
Laba/(Kerugian) pertukaran asing atas peminjaman	36.7	(48.7)
Bahagian keputusan syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama	8.1	13.1
Nilai tambah tersedia untuk pengagihan	7,157.6	6,824.9

PENGAGIHAN	2024 RM Juta	2023 RM Juta Dinyatakan semula
Kepada Anggota		
Kos penggajian	2,831.0	2,602.8
Kepada Kerajaan/Agensi-agensi yang Diluluskan*		
Cukai, zakat dan caruman Penyediaan Perkhidmatan Sejagat (USP)	482.8	264.5
Kepada Pemegang Saham		
Dividen	1,074.5	649.6
Kepentingan tak mengawal	22.0	14.5
Disimpan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan		
Susut nilai, rosot nilai dan pelunasan	2,149.4	2,413.6
Pertambahan bersih dalam perolehan tertahan	597.9	879.9
Jumlah yang diagihkan	7,157.6	6,824.9

* Termasuk caruman USP yang dikawal selia di bawah Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Kadar) 2002.

PENGAGIHAN NILAI YANG DICIPTA



PENYATA STRATEGI CUKAI

Dokumen ini menetapkan dasar dan pendekatan cukai Kumpulan TM (termasuk anak-anak syarikat dan cawangan luar negara) yang bertanggungjawab dan lestari dalam mengendalikan hal ehwal percukaian dan berurusan dengan risiko pematuhan cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

1. PRINSIP-PRINSIP UTAMA

Kumpulan TM komited untuk mengendalikan hal ehwal percukaian berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- Pematuhan tepat pada masanya terhadap semua undang-undang dan peraturan percukaian yang terpakai di negara tempat ia beroperasi;
- Memastikan transaksi perniagaan didorong oleh matlamat perniagaan atau tujuan komersial dengan mengambil kira pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) serta Nilai Teras TM;
- Mencerminkan amalan tadbir urus korporat yang baik, Kumpulan TM percaya dalam mengurus hal ehwalnya dengan memastikan laporan dan pembayaran cukai dibuat secara adil dan tepat pada masanya kepada semua pihak berkuasa cukai dan tidak berhasrat untuk mengelak cukai atau terlibat dalam perancangan cukai yang agresif serta tidak akan membantu pihak lain untuk berbuat demikian;
- Mengguna pakai ketelitian wajar dan penjagaan profesional, termasuk mendapatkan pendapat bertulis daripada penasihat pihak ketiga serta keputusan/pengelesen daripada pihak berkuasa cukai, jika perlu, bagi memastikan pendirian yang diambil mencerminkan hasrat perundangan, boleh disokong dan dapat dipertahankan dalam audit cukai; dan
- Mengamalkan hubungan profesional terbuka dan kolaboratif dengan pihak berkuasa cukai yang berkaitan.

2. TADBIR URUS CUKAI

Unit Kumpulan Cukai TM (Kumpulan Cukai), dengan kerjasama pasukan kewangan di setiap entiti dalam Kumpulan, bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan cukai dilakukan tepat pada masanya. Kumpulan Cukai bekerjasama dengan pelbagai jabatan Kewangan Perniagaan Kumpulan untuk memberikan nasihat dan panduan, memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan cukai serta memastikan keputusan perniagaan adalah wajar dari segi komersial.

Jabatan Kewangan Perniagaan masing-masing akan mendapatkan input daripada Kumpulan Cukai mengenai:

- Cadangan perniagaan untuk memastikan pemahaman yang jelas tentang sebarang tindakan berkaitan percukaian;
- Penilaian dan pengurusan risiko cukai bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan cukai tempatan dan luar negara berhubung urusan niaga pihak berkaitan rentas sempadan TM;
- Kedudukan teknikal cukai bagi memastikan kedudukan yang diambil disokong oleh dokumentasi, interpretasi undang-undang dan amalan yang diterima pakai oleh pihak berkuasa cukai. Jika diperlukan, nasihat cukai luar akan diperolehi melalui perundingan dengan Kumpulan Cukai; dan
- Audit dan pertanyaan daripada pihak berkuasa cukai/kawal selia.

Di samping itu, Kumpulan Cukai mesti terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan dokumentasi sebarang atau pemerolehan dan pelupusan perniagaan atau saham, perubahan dalam struktur korporat, urusan niaga perniagaan yang penting, aturan perdagangan rentas sempadan antara kumpulan yang baharu dan pemilihan penasihat cukai.

Kumpulan TM berada dalam skop Cukai Minimum Global (GMT), yang diperkenalkan untuk menangani cabaran percukaian yang timbul daripada globalisasi dan digitalisasi ekonomi. Ini merupakan satu langkah penting ke hadapan dalam kerjasama antarabangsa berkaitan percukaian syarikat multinasional, serta menekankan kepentingan ketelusan bersama pihak berkuasa cukai dan usaha membanteras pengelakan cukai dalam rangkaian perniagaan global.

3. SIKAP TERHADAP PERANCANGAN CUKAI

Kumpulan TM akan menggunakan insentif dan pelepasan cukai untuk meminimumkan kos cukai dalam menjalankan perniagaannya dengan syarat ia sejajar dengan objektif dasar yang dikehendaki

oleh Kerajaan yang memperkenalkan insentif, disokong dengan aktiviti komersial yang tulen dan konsisten dengan perniagaan dan/atau objektif operasi Kumpulan TM.

Kumpulan TM sedar akan kepentingan memastikan sebarang peluang perancangan cukai dilaksanakan dalam ruang lingkup undang-undang cukai. Sebab-sebab yang kukuh dan bersifat komersial sentiasa menjadi pertimbangan utama bagi entiti yang beroperasi di bidang kuasa dengan kadar cukai rendah atau sifar. Kumpulan ini menggunakan prinsip harga pasaran, penetapan harga selaras dengan garis panduan amalan terbaik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), dan mengaplikasikannya secara konsisten merentasi semua operasi perniagaan (tertakluk kepada undang-undang tempatan).

4. PENGURUSAN RISIKO CUKAI

Nasihat bertulis akan diperolehi daripada penasihat luar untuk menyokong proses membuat keputusan sekiranya terdapat ketidakpastian dalam pemakaian/interpretasi undang-undang cukai dan/atau urusan niaga itu boleh menimbulkan risiko reputasi, monetari atau kawal selia yang besar.

Sebarang perubahan dalam undang-undang dan amalan percukaian yang berkaitan dipantau melalui kemas kini yang kerap daripada penasihat cukai luar, perbincangan/dialog dengan badan-badan profesional dan pihak berkuasa cukai yang berkaitan dan penglibatan dalam seminar/persidangan. Ahli pasukan Kewangan Perniagaan dan Kumpulan Cukai mempunyai kelayakan perakaunan yang diiktiraf dan aktiviti Kumpulan menyediakan peluang untuk latihan yang berkaitan dengan percukaian untuk memastikan bahawa ahli pasukan kewangan mempunyai pengalaman dan kepakaran yang diperlukan untuk mengenal pasti dan mengurus sebarang hal percukaian cukai yang timbul.

Kumpulan Cukai bertanggungjawab untuk menentukan kedudukan teknikal yang perlu diambil oleh TM berhubung hal-hal percukaian.

Dari semasa ke semasa, kedudukan kami mungkin berbeza daripada kedudukan pihak berkuasa cukai berkenaan layanan cukai yang sesuai. Sekiranya berlaku situasi tertentu, TM akan bekerjasama secara konstruktif dan proaktif dengan pihak berkuasa cukai dengan tujuan untuk mencapai penyelesaian awal kepada mana-mana perkara yang berbangkit.

Bergantung pada tahap risiko dan/atau jenis urusan niaga yang terlibat, tindakan/keputusan cukai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (BAC) dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan panduan.

Sifat subjektif dalam interpretasi undang-undang cukai dan pelbagai peraturan cukai menjadikannya mustahil untuk mengurangkan sepenuhnya semua risiko percukaian. Oleh itu, kami berusaha untuk mengekalkan risiko percukaian pada tahap yang minimum dan tidak menetapkan had risiko yang boleh diterima.

Kami berusaha untuk menguruskan hal ehwal kami selaras dengan prinsip strategi cukai kami dan akan merujuk kepada BAC dan Lembaga Pengarah untuk mendapatkan panduan, sekiranya perlu.

5. HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKUASA CUKAI

Kumpulan TM berusaha untuk:

- Berurusan dengan pihak berkuasa cukai dan badan-badan lain yang berkaitan secara kolaboratif, bersopan dan tepat pada masanya;
- Terlibat dalam sesi dialog terbuka untuk membincangkan perancangan cukai, strategi, risiko dan urusan niaga penting;
- Membuat pendedahan yang adil, tepat dan pada masanya dalam surat/dokumentasi dan penyata pulangan; dan
- Memberi respons kepada pertanyaan dan permintaan maklumat tepat pada masanya dan berusaha untuk menyelesaikan isu dengan pihak berkuasa cukai untuk memperoleh persetujuan awal mengenai perkara yang dipertikaikan dan untuk mendapatkan ketetapan/pengelesen mengenai kedudukan teknikal, sekiranya perlu.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PARA PENGARAH

Berkenaan Penyata Kewangan yang Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Menurut Akta Syarikat 2016, para Pengarah perlu memastikan penyata kewangan yang disediakan pada setiap tahun kewangan mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Piawaian Perakaunan MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (Piawaian Perakaunan IFRS), Akta Syarikat 2016 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian Utama) Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities). Para Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan penyata kewangan tersebut memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan, serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan tersebut.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- menerima pakai dasar-dasar perakaunan yang sewajarnya dan mengamalkannya secara berterusan;
- membuat keputusan dan anggaran yang wajar dan berhemat;
- memastikan pematuhan semua piawaian perakaunan berkaitan yang diluluskan; dan
- menyediakan penyata kewangan berdasarkan usaha perniagaan berterusan sepertimana para Pengarah menjangkakan dengan sewajarnya, setelah semakan dijalankan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk meneruskan operasi sedia ada dan akan datang.

Para Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa Kumpulan dan Syarikat menyimpan rekod-rekod perakaunan yang menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat yang tepat, serta membolehkan para Pengarah memastikan penyata kewangan tersebut mematuhi peruntukan Akta Syarikat 2016.

Para Pengarah juga bertanggungjawab secara keseluruhan dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi aset-aset Kumpulan dan Syarikat, serta mewujudkan, melaksana dan menyelenggara sistem perakaunan dan kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mencegah dan mengenal pasti sebarang pemalsuan dan ketidakpatuhan.

LAPORAN PARA PENGARAH

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Kumpulan dan Syarikat adalah pemegangan pelaburan, pewujudan, penyelenggaraan dan penyediaan perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan berkaitan. Butiran dan aktiviti utama anak-anak syarikat adalah seperti dinyatakan dalam nota 50 kepada penyata kewangan yang telah diaudit. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama Kumpulan sepanjang tahun kewangan.

KEPUTUSAN

Keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan RM Juta	Syarikat RM Juta
Keuntungan bagi tahun kewangan yang boleh diagihkan kepada:		
– pemegang ekuiti Syarikat	2,016.9	1,354.3
– kepentingan tak mengawal	22.0	–
Keuntungan bagi tahun kewangan	2,038.9	1,354.3

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa.

DIVIDEN

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, dividen-dividen yang telah dibayar, diisytiharkan atau dicadangkan ke atas saham-saham biasa Syarikat adalah seperti berikut:

	Syarikat RM Juta
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 seperti yang dilaporkan dalam Laporan Para Pengarah bagi tahun tersebut:	
(a) Dividen setingkat interim kedua sebanyak 10.5 sen sesaham telah diisytiharkan pada 23 Februari 2024 dan telah dibayar pada 29 Mac 2024	402.9
(b) Dividen setingkat interim akhir sebanyak 5.0 sen sesaham telah diisytiharkan pada 23 Februari 2024 dan telah dibayar pada 19 April 2024	191.9
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024:	
(a) Dividen setingkat interim sebanyak 12.5 sen sesaham telah diisytiharkan pada 26 Ogos 2024 dan telah dibayar pada 30 September 2024	479.7
	1,074.5

Pada 25 Februari 2025, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen-dividen berikut bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024:

- Dividen setingkat interim kedua sebanyak 12.5 sen sesaham yang telah dibayar pada 28 Mac 2025 kepada para pemegang saham yang nama mereka tercatat dalam Buku Daftar Ahli dan Rekod Pendeposit pada 14 Mac 2025.
- Dividen setingkat khas sebanyak 6.0 sen sesaham yang telah dibayar pada 28 Mac 2025 kepada para pemegang saham yang nama mereka tercatat dalam Buku Daftar Ahli dan Rekod Pendeposit pada 14 Mac 2025.

Penyata-penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mencerminkan dividen-dividen yang dicadangkan ini. Dividen tersebut akan diambil kira dalam ekuiti sebagai pengagihan perolehan tertahan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Modal kerja dalam pelaksanaan adalah dinyatakan pada kos dan tidak disusutnilaikan. Sebaik selesai, modal kerja dalam pelaksanaan dipindahkan kepada kategori hartanah, loji dan peralatan bergantung pada jenis aset. Modal kerja dalam pelaksanaan adalah termasuk peralatan servis, bahan-bahan dan alat ganti.

(iii) Rosot Nilai

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan membuat penilaian sama ada wujud sebarang tanda rosot nilai. Jika tanda sedemikian wujud, analisis dilakukan bagi menentukan sama ada nilai dibawa bagi aset berkenaan boleh pulih sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika nilai dibawa melebihi amaun boleh diperolehi semula (rujuk nota 2(f) Dasar-dasar Perakaunan yang Material mengenai Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan).

(e) Aset Tak Ketara

(i) Muhibah

Muhibah dibawa pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Muhibah diuji bagi menentukan rosot nilai sekurang-kurangnya sekali setahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa rosot nilai mungkin wujud.

Bagi tujuan ujian rosot nilai, muhibah diagihkan kepada setiap unit penajaan tunai (CGU), atau sekumpulan CGU, yang dijangka akan memperoleh manfaat daripada sinergi gabungan. Nilai dibawa muhibah dibandingkan dengan amaun yang boleh pulih, iaitu nilai yang lebih tinggi antara nilai penggunaan dan nilai saksama tolak kos pelupusan. Sebarang rosot nilai diiktiraf dengan serta-merta sebagai perbelanjaan dan tidak kemudiannya dibalikkan.

(ii) Perisian

Kos-kos perolehan perisian dan kos-kos pembangunan yang berkait secara langsung dengan produk perisian yang boleh dikenal pasti dan unik yang dikawal oleh Kumpulan, yang mungkin menjana faedah ekonomi yang melebihi kos lebih dari setahun diiktiraf sebagai aset tak ketara. Aset-aset ini dilunaskan dari masa di mana ia sedia untuk digunakan. Pelunasan dikira menggunakan kaedah garis lurus hingga ke nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna seperti yang diringkaskan di bawah:

Perisian Infrastruktur	5 – 8
Perisian Aplikasi	3 – 8
Lain-lain	3 – 8

Kos-kos yang berkait secara langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos-kos perisian pembangunan pekerja dan perkongsian bahagian overhead yang berkaitan.

Perisian komputer untuk alatan mesin dikawal komputer yang tidak boleh beroperasi tanpa perisian khusus adalah sebahagian daripada perkakasan yang berkaitan dan ia diambil kira sebagai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam nota 2(d). Perisian yang bukan sebahagian daripada perkakasan berkaitan diambil kira sebagai aset tidak ketara.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang indikasi rosot nilai. Jika indikasi sedemikian wujud, analisis dilakukan untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya.

(iii) Spektrum Telekomunikasi

Spektrum telekomunikasi yang diperolehi dalam gabungan perniagaan diakui pada kos kurang pelunasan terkumpul. Pelunasan dikira secara lurus atas dasar garis selama tempoh hayat yang digunakan yang dianggarkan selama 7 tahun.

Spektrum telekomunikasi lain yang diperolehi melalui Penyerahan Spektrum (SA) dilunaskan berdasarkan tempoh penguntukan jalur spektrum masing-masing. Yuran tahunan yang ditanggung dalam tempoh SA diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

Spektrum-spektrum ini akan disemak untuk rosot nilai setiap kali peristiwa yang merugikan atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa rosot nilai mungkin telah berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(f) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Aset yang mempunyai hayat berguna tidak terhad, contohnya muhibah, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji bagi menentukan rosot nilai pada setiap tahun, atau apabila berlaku peristiwa atau keadaan yang menunjukkan bahawa rosot nilai mungkin wujud. Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa yang lain, termasuk aset tak ketara dengan hayat berguna terhad, disemak semula bagi menentukan kerugian rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa mungkin tidak boleh pulih. Aset selain daripada muhibah yang mengalami rosot nilai, disemak semula bagi menentukan sama ada penarikbalikan mungkin boleh dilakukan pada setiap tarikh pelaporan.

(g) Aset-aset Kewangan

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Syarikat mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam hal aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (FVTPL), kos urus niaga yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan tersebut. Kos urus niaga aset kewangan yang dibawa pada FVTPL dicajkan ke dalam keuntungan atau kerugian.

Instrumen hutang

Terdapat tiga kategori ukuran di mana Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

(i) Kos terlunas

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual di mana aliran tunai tersebut mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah (SPPI) diukur pada kos terlunas. Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan lain menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian dan dibentangkan dalam laba/(kerugian) lain bersama dengan laba dan kerugian pertukaran asing. Kerugian rosot nilai dibentangkan sebagai butiran berasingan dalam Penyata Pendapatan.

(ii) FVOCI

Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai berkontrak dan untuk penjualan aset kewangan, di mana aliran tunai aset tersebut mewakili SPPI, diukur pada FVOCI, contohnya pinjaman perumahan yang diberikan kepada anggota yang dikelaskan sebagai Belum terima pada FVOCI. Pergerakan dalam amaun bawaan diambil melalui Pendapatan Komprehensif Lain (OCI), kecuali bagi pengiktirafan laba atau kerugian rosot nilai, pendapatan faedah serta laba dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Apabila aset kewangan dinyahiktiraf, laba atau kerugian terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam OCI dikelaskan semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian dan diiktiraf dalam laba/(kerugian) lain.

Pendapatan faedah daripada aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan lain menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Laba dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam laba/(kerugian) lain dan perbelanjaan rosot nilai dibentangkan sebagai butiran berasingan dalam Penyata Pendapatan.

(iii) FVTPL

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan dan Syarikat juga boleh menetapkan aset kewangan FVTPL secara tidak boleh dibatal jika perlakuan tersebut secara ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidaksesuaian yang dicipta oleh aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dan dibentangkan bersih dalam laba/(kerugian) lain dalam tempoh di mana ia timbul.

Instrumen ekuiti

Kumpulan dan Syarikat seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama kecuali anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu. Di mana pihak pengurusan Kumpulan dan Syarikat telah memilih untuk membentangkan laba dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti di OCI, tidak akan ada pengelasan semula bagi laba dan kerugian nilai saksama kepada keuntungan atau kerugian berikutan penyahiktirafan pelaburan. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam laba atau kerugian sebagai pendapatan lain apabila wujudnya hak Kumpulan dan Syarikat untuk menerima pembayaran.

Mengimbangi Instrumen Kewangan

Jumlah tertentu belum terima dan belum bayar perdagangan diimbangkan dan jumlah bersih yang dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapatnya hasrat untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(h) Rosot Nilai Aset Kewangan

Rosot nilai bagi aset kontrak dan instrumen hutang

Kumpulan dan Syarikat menaksir kerugian kredit yang dijangkakan (ECL) yang berkaitan dengan instrumen hutang yang dibawa pada kos terlunas dan pada FVOCI. Kaedah rosot nilai yang diguna pakai bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

Kumpulan dan Syarikat mempunyai aset kontrak dan empat jenis instrumen kewangan yang tertakluk kepada model ECL:

- Belum terima perdagangan
- Belum terima lain-lain
- Pinjaman kepada anak-anak syarikat
- Belum terima pada FVOCI

Walaupun tunai dan setara tunai juga tertakluk kepada keperluan rosot nilai MFRS 9, kerugian rosot nilai yang dikenal pasti adalah tidak material.

ECL mewakili anggaran kebarangkalian perbezaan antara nilai semasa aliran tunai mengikut kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangka Kumpulan untuk terima sepanjang baki hayat instrumen kewangan.

Pengukuran ECL mencerminkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan wajar kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan keputusan;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang berpatutan dan boleh disokong yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan mengenai peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

(i) Pendekatan 3-peringkat am untuk belum terima selain daripada perdagangan dan aset kontrak

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan mengukur ECL melalui elaun kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan ECL 12 bulan jika risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau sekumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi kesemua instrumen kewangan lain, elaun kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan ECL sepanjang hayat diperlukan. Nota 4(a)(ii)(c)(ii) menggariskan butiran pengukuran ECL.

(ii) Pendekatan ringkas untuk belum terima perdagangan dan aset kontrak

Kumpulan menggunakan pendekatan ringkas MFRS 9 untuk mengukur ECL yang menggunakan ECL sepanjang hayat untuk semua belum terima perdagangan dan aset kontrak. Nota 4(a)(ii)(c)(i) menggariskan butiran pengukuran ECL.

Peningkatan risiko kredit yang ketara

Kumpulan mempertimbangkan kebarangkalian mungkir pada permulaan pengiktirafan aset dan sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang setiap tempoh pelaporan. Ia mengambil kira maklumat berpandangan ke hadapan yang munasabah dan boleh disokong. Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Kenaikan risiko kredit akan dianggap ketara jika penghutang melampaui tempoh melebihi 30 hari dalam membuat pembayaran kontraktual.

Definisi aset kewangan yang mungkir dan terjejas kredit

Sejajar dengan takrifan kredit terjejas, Kumpulan menakrifkan sesuatu instrumen kewangan sebagai dimungkiri, apabila memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

Kriteria kuantitatif:

Kumpulan menakrifkan instrumen kewangan sebagai dimungkiri, apabila rakan niaga gagal membuat pembayaran berkontrak untuk baki belum terima perdagangan dan belum terima bukan perdagangan masing-masing dalam tempoh 90 dan 365 hari daripada tiba masanya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(h) Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)

Rosot nilai bagi aset kontrak dan instrumen hutang (sambungan)

(ii) Pendekatan ringkas untuk belum terima perdagangan dan aset kontrak (sambungan)

Kriteria kualitatif:

Penghutang memenuhi kriteria berkemungkinan besar tidak membayar, yang menunjukkan penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan mempertimbangkan perkara berikut:

- penghutang melanggar perjanjian kewangan
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- adanya kemungkinan besar bahawa penghutang akan muflis atau menjalani penyusunan semula kewangan
- penghutang tidak solven.

Instrumen kewangan yang mengalami kredit terjejas dinilai secara berindividu.

Pengelompokan instrumen untuk pengukuran ECL

(a) Penilaian kolektif

Untuk mengukur ECL, belum terima perdagangan dan aset kontrak yang timbul daripada unit perniagaan berurusan dengan pelanggan seperti Perniagaan-ke-Pengguna (B2C) (*dahulunya Unifi*), Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B) (*dahulunya TM One*) dan Penyedia-ke-Penyedia (C2C) (*dahulunya TM Global*) telah dikelompokkan berdasarkan ciri profil risiko kredit bersama dan profil jumlah hari yang melampaui tempoh. Aset kontrak berkaitan perkhidmatan yang belum dibilkan dan mempunyai ciri-ciri risiko yang sama dengan belum terima perdagangan untuk jenis kontrak yang sama. Oleh yang demikian, Kumpulan dan Syarikat telah membuat kesimpulan bahawa jangkaan kadar kerugian bagi belum terima perdagangan adalah anggaran yang munasabah mengenai kadar kerugian bagi aset kontrak.

(b) Penilaian individu

Belum terima perdagangan dan aset kontrak yang dimungkir atau kredit terjejas dinilai secara individu.

Pinjaman kepada anak-anak syarikat dalam penyata kewangan berasingan Syarikat dinilai secara individu bagi pengukuran ECL, oleh kerana maklumat risiko kredit diperoleh dan dipantau berdasarkan setiap pinjaman kepada anak syarikat.

Hapus kira

Belum terima perdagangan dan aset kontrak dihapus kira apabila tiada jangkaan pemulihan yang munasabah. Petunjuk bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah termasuk, antara lain, kegagalan penghutang untuk terlibat dalam pelan pembayaran balik dengan Kumpulan, penamatan awal kontrak oleh pelanggan dan kegagalan membuat pembayaran kontrak untuk tempoh yang berpanjangan.

(i) Instrumen Kewangan Derivatif dan Aktiviti Lindung Nilai

Lindung nilai aliran tunai

Bahagian perubahan yang berkesan dalam nilai saksama derivatif yang ditetapkan dan layak sebagai lindung nilai aliran tunai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian yang tidak berkesan diiktiraf serta-merta dalam Penyata Pendapatan dalam "laba atau kerugian lain – bersih". Di mana Kumpulan dan Syarikat mengecualikan tebaran asas mata wang asing daripada penentuan derivatif yang digunakan sebagai instrumen lindung nilai, perubahan dalam tebaran asas mata wang asing bagi instrumen lindung nilai diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam kos rizab lindung nilai dalam ekuiti. Kumpulan dan Syarikat menetapkan penggunaan kos berhubung dengan tebaran asas mata wang asing pada dasar lindung nilai.

Amaun-amaun terkumpul dalam ekuiti (termasuk kos rizab lindung nilai) dikelaskan semula kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh apabila butiran lindung nilai menjejaskan Penyata Pendapatan. Laba atau kerugian berkaitan dengan bahagian berkesan swap kadar faedah mata wang bersilang melindungi nilai peminjaman kadar tetap diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam "kos pembiayaan".

Apabila instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual atau ditamatkan, atau apabila lindung nilai tidak lagi dapat memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai, apa-apa laba atau kerugian terkumpul dalam ekuiti pada waktu itu kekal dalam ekuiti dan diiktiraf apabila butiran yang dilindungi nilai akhirnya diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(j) Inventori

Inventori terdiri daripada peralatan telekomunikasi, kapasiti dipegang untuk dijual semula dan tanah dipegang untuk dijual semula dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih.

Kos ditentukan berdasarkan kaedah purata wajaran dan meliputi semua kos pembelian dan kos-kos lain yang ditanggung bagi membawa inventori ke lokasi yang terkini. Kos barangan siap dan kerja dalam pelaksanaan meliputi kos reka bentuk, bahan mentah, tenaga buruh langsung, kos langsung yang lain dan overhead pengeluaran yang berkaitan (berdasarkan kapasiti operasi biasa). Ia tidak termasuk kos peminjaman.

Nilai boleh realis bersih merupakan anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, tolak semua anggaran kos sehingga siap dan perbelanjaan jualan boleh ubah yang berkaitan. Untuk mendapatkan nilai boleh realis bersih, peruntukan sewajarnya dibuat bagi semua inventori usang dan kurang laris.

(k) Kendalian Dihentikan

Kendalian dihentikan adalah komponen entiti yang telah dipindahkan atau diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dijual dan yang mewakili satu barisan perniagaan utama atau kawasan geografi operasi yang berasingan, merupakan sebahagian daripada satu rancangan terkoordinasi tunggal untuk memindahkan barisan perniagaan atau kawasan operasi tersebut, atau merupakan anak syarikat yang diperolehi secara eksklusif dengan niat untuk dijual semula. Keputusan kendalian dihentikan dikecualikan daripada keputusan kendalian berterusan dan dibentangkan sebagai satu jumlah tunggal sebagai untung atau rugi selepas cukai untuk tahun kewangan daripada kendalian dihentikan dalam Penyata Pendapatan.

Penerangan tambahan dinyatakan dalam nota 52. Semua nota lain dalam penyata kewangan termasuk jumlah untuk kendalian berterusan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(l) Modal Saham

(i) Pengelasan

Saham biasa dan saham keutamaan tak boleh tebus dengan hak dividen yang ditentukan mengikut budi bicara dikelaskan sebagai ekuiti. Saham-saham lain dikelaskan sebagai ekuiti dan/atau liabiliti mengikut kandungan maksud instrumen tertentu.

Pengagihan kepada pemegang-pemegang sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti didebitkan secara langsung kepada ekuiti.

(ii) Kos Terbitan Saham

Pertambahan kos yang berkaitan secara langsung dengan penerbitan saham atau opsyen baru ditolak daripada ekuiti.

(iii) Dividen kepada Pemegang Saham Syarikat

Dividen ke atas saham keutamaan boleh tebus diiktiraf sebagai liabiliti dan dinyatakan berasaskan akruan. Dividen-dividen lain diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh ianya diisytiharkan.

Dividend in specie yang diagihkan kepada pemegang-pemegang saham Kumpulan dan Syarikat direkodkan pada nilai dibawa aset bersih yang diagihkan. Pengagihan ini direkodkan sebagai pergerakan dalam ekuiti.

(m) Liabiliti Kewangan

Belum bayar perdagangan dan lain-lain, deposit pelanggan dan peminjaman dikelaskan sebagai liabiliti kewangan lain. Kesemuanya diiktiraf pada permulaannya pada nilai saksama, kos transaksi tertanggung bersih dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

(n) Pajakan

(i) Perakaunan oleh penerima pajak

Kumpulan memajak pelbagai kategori seperti rangkaian telekomunikasi, tanah dan bangunan. Pajakan diiktiraf sebagai aset hak penggunaan (ROU) dan liabiliti yang bersesuaian pada tarikh aset pajakan tersedia untuk digunakan oleh Kumpulan (iaitu tarikh permulaan).

Kontrak mungkin mengandungi komponen pajakan dan bukan pajakan. Kumpulan memperuntukkan pertimbangan dalam kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga tersendiri yang relatif. Walau bagaimanapun, untuk pajakan seperti hartanah dan peralatan premis pelanggan (CPE) yang mana Kumpulan adalah penerima pajak, ia telah memilih langkah segera yang disediakan dalam MFRS 16 untuk tidak memisahkan komponen pajakan dan bukan pajakan. Kedua-dua komponen diambil kira sebagai komponen pajakan tunggal dan bayaran untuk kedua-dua komponen dimasukkan dalam pengukuran liabiliti pajakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(n) Pajakan (sambungan)

(i) Perakaunan oleh penerima pajak (sambungan)

(a) Tempoh pajakan

Dalam menentukan tempoh pajakan, opsyen lanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) hanya dimasukkan dalam tempoh pajakan sekiranya pajakan tersebut agak pasti perlu dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Kumpulan menilai semula tempoh pajakan apabila berlakunya peristiwa penting atau perubahan dalam keadaan yang berada di dalam kawalan Kumpulan.

(b) Aset hak penggunaan (ROU)

Aset ROU pada mulanya diukur pada kos yang terdiri daripada yang berikut:

- Amaun pengukuran permulaan liabiliti pajakan;
- Sebarang pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan ditolak sebarang insentif pajakan yang diterima;
- Sebarang kos langsung awal; dan
- Kos penarikan balik atau pemulihan.

Aset ROU diukur pada kos, tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Aset ROU secara amnya disusut nilai sepanjang tempoh manfaat aset yang lebih pendek dan tempoh pajakan secara garis lurus. Sekiranya Kumpulan mempunyai alasan yang munasabah untuk melaksanakan pilihan pembelian, aset ROU disusut nilai sepanjang hayat berguna aset sandaran.

Di samping itu, aset ROU diselaraskan untuk pengukuran semula liabiliti pajakan tertentu disebabkan pengubahsuaian dan penamatan kontrak pajakan.

(c) Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada mulanya diukur pada nilai kini pembayaran pajakan untuk dilakukan sepanjang tempoh pajakan. Bayaran pajakan didiskaunkan menggunakan kadar faedah yang tersirat dalam pajakan atau kadar peminjaman tambahan penerima pajak. Bayaran pajakan diperuntukkan antara pokok dan kos pembiayaan. Kos pembiayaan dicajkan kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan.

(d) Penilaian semula liabiliti pajakan

Kumpulan juga terdedah kepada kemungkinan peningkatan masa depan dalam pembayaran pajakan berubah yang bergantung pada indeks atau kadar, yang tidak termasuk dalam liabiliti pajakan sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan untuk pembayaran pajakan berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, liabiliti pajakan diukur semula dan diselaraskan terhadap aset ROU.

(e) Pajakan jangka pendek & aset nilai rendah

Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan tempoh pajakan 12 bulan atau kurang. Aset nilai rendah adalah aset yang mempunyai kos aset individu kurang daripada RM25,000 dan terdiri daripada peralatan teknologi maklumat (IT) dan barangan perabot kecil. Pembayaran yang berkaitan dengan pajakan peralatan dan kenderaan jangka pendek dan semua pajakan aset nilai rendah diiktiraf atas dasar garis lurus sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

(ii) Perakaunan oleh pemberi pajak

Pajakan kewangan

Kumpulan mengelaskan pajakan sebagai pajakan kewangan sekiranya pajakan memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran kepada pemberi pajak.

Kumpulan menyahiktiraf aset sandaran dan mengiktiraf belum terima pada jumlah yang sama dengan pelaburan bersih dalam pajakan kewangan. Belum terima diukur berdasarkan pembayaran masa depan yang akan diterima dengan diskaun menggunakan kadar faedah tersirat dalam pajakan, diselaraskan dengan sebarang kos langsung. Perbezaan antara aset yang dinyahiktiraf dan belum terima pajakan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Pendapatan kewangan yang timbul daripada belum terima pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan pada pelaburan bersih Kumpulan dalam pajakan untuk mencerminkan kadar pulangan berkala yang seragam.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(n) Pajakan (sambungan)

(ii) Perakaunan oleh pemberi pajak (sambungan)

Pajakan kendalian

Kumpulan mengelaskan pajakan sebagai pajakan kendalian sekiranya pajakan tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset sandaran kepada penerima pajak.

Kumpulan mengiktiraf pembayaran pajakan yang diterima di bawah pajakan kendalian sebagai pendapatan pajakan atas kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Apabila aset dipajak di bawah pajakan kendalian, aset tersebut dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan sifat aset tersebut. Kos langsung awal yang ditanggung dalam memperoleh pajakan kendalian ditambah kepada nilai dibawa aset sandaran dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh pajakan atas asas yang sama dengan pendapatan pajakan.

(o) Geran Kerajaan

Geran daripada Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

Geran Kerajaan berkaitan dengan pendapatan ditolak daripada kos yang sepadan dalam Penyata Pendapatan. Geran Kerajaan berkaitan dengan pembelian aset ditolak daripada amaun bawaan aset-aset berkaitan dan diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang hayat aset-aset yang boleh susut nilai melalui caj susut nilai yang dikurangkan.

Sebarang lebihan geran Kerajaan, selepas diimbangi, ditangguhkan dan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

(p) Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang percukaian bagi setiap bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi dan meliputi semua cukai berasaskan keuntungan yang boleh dicukai, termasuk cukai pegangan yang perlu dibayar oleh anak-anak syarikat asing atau syarikat bersekutu semasa pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai keuntungan hartanah yang perlu dibayar atas pelupusan hartanah. Cukai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan, kecuali yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini, cukai juga diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Caj cukai pendapatan semasa dikira berdasarkan undang-undang cukai yang digubal atau digubal secara substansif pada akhir tempoh pelaporan di negara-negara di mana Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan syarikat bersekutu beroperasi dan menjana pendapatan bercukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti bagi tujuan cukai dengan amaun dibawa aset dan liabiliti tersebut dalam penyata kewangan. Cukai tertunda ditentukan dengan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang percukaian) yang telah dikuatkuasakan atau sudah digubal pada tarikh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda dijelaskan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga ke suatu takat yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan terhasil pada masa hadapan, yang daripadanya, perbezaan sementara boleh dipotong atau kerugian cukai belum guna dan kredit cukai (termasuk elaun pelaburan) boleh digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(q) Pengiktirafan Hasil

(i) Pengiktirafan hasil daripada kontrak dengan pelanggan dibawah MFRS 15

(a) Hasil daripada perkhidmatan Internet dan multimedia, suara dan data

Hasil daripada perkhidmatan Internet dan multimedia, suara dan data adalah dari kontrak berbundel yang lazim kepada unit perniagaan yang berhadapan dengan pelanggan B2C, B2B dan C2C dalam perniagaan Kumpulan. Adalah perkara biasa untuk kontrak dengan pelanggan di bawah perkhidmatan ini untuk memerlukan tempoh langganan minimum yang mana penamatan awal akan dikenakan denda terhadap pelanggan. Tempoh langganan minimum sedemikian hendaklah diambil sebagai tempoh kontrak. Tempoh kontrak boleh diubah suai untuk pemanjangan tempoh apabila pelanggan menerima peralatan yang berkaitan dengan kontrak, tanpa caj, sebagai pertukaran untuk tempoh kontrak minimum. Peruntukan jumlah pertimbangan belum terima kepada komponen-komponen kontrak yang berlainan adalah berdasarkan harga jual berasingan bagi setiap komponen.

CPE yang disediakan untuk kontrak Internet, multimedia dan suara dikira sebagai obligasi pelaksanaan berasingan kepada pelanggan. CPE untuk perkhidmatan data kebanyakannya intrinsik kepada perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan dan tidak diambil kira sebagai obligasi pelaksanaan yang berasingan. Hasil yang diperuntukkan kepada CPE diiktirafkan semasa pemasangan CPE pada permulaan kontrak. Justeru, ini akan mengurangkan hasil yang diiktiraf untuk perkhidmatan bulanan jika dibandingkan dengan jumlah tetap yang dibilkan kemudiannya secara berulang. Ini mengakibatkan pengiktirafan aset kontrak apabila peranti atau kandungan dihantar sebelum pengebilan, manakala jika pembayaran dibuat atau perlu dibayar oleh pelanggan sebelum penghantaran peranti atau kandungan, maka liabiliti kontrak akan diiktiraf.

Obligasi pelaksanaan lain dalam kontrak perkhidmatan Internet dan multimedia, suara dan data diiktiraf berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh kontrak kerana perkhidmatan disediakan secara berterusan.

(b) Hasil daripada perkhidmatan suara dan data Borong

Perkhidmatan borong tertentu dikontrakkan dengan diskaun volum bertingkat berdasarkan agregat jumlah servis terkumpul. Hasil daripada kontrak yang seperti ini diiktiraf berdasarkan harga yang dinyatakan dalam kontrak, kemudian dikurangkan dengan anggaran diskaun volum yang akan diberikan sepanjang tempoh kontrak. Pengalaman terkumpul dari kontrak-kontrak yang lalu dan trend yang dijangka digunakan untuk menganggarkan dan menyediakan diskaun, menggunakan kaedah nilai yang dijangkakan. Hasil hanya diiktiraf setakat yang kemungkinan besar penarikbalikan ketara tidak akan berlaku. Perbezaan antara hasil diiktiraf selepas ditolak anggaran diskaun dan jumlah yang dibilkan kepada pelanggan diiktiraf sebagai liabiliti kontrak.

Hasil selepas ditolak anggaran diskaun diiktiraf berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh kontrak.

(c) Hasil daripada perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain

Hasil daripada perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain terutamanya terdiri daripada hasil daripada kontrak dengan pelanggan B2B yang membundelkan penyediaan perkhidmatan data dan/atau perkhidmatan Internet dan suara bersama dengan produk dan penyelesaian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Ia merupakan perkara biasa bagi kontrak seperti ini untuk merangkumi penghantaran, pemasangan dan penyelenggaraan peralatan dan rangkaian berkaitan telekomunikasi. Hasil daripada Perkhidmatan Luaran Proses Perniagaan Kumpulan juga didedahkan di bawah klasifikasi hasil ini.

Apabila jumlah harga kontrak bagi kontrak yang dibundelkan dirundingkan dan disimpulkan bersama, sebahagian daripada peralatan atau perkhidmatan yang dibundelkan mungkin disediakan pada harga diskaun. Jumlah pertimbangan dalam kontrak obligasi pelaksanaan yang dibundel bersama diperuntukkan antara obligasi pelaksanaan yang berlainan berdasarkan harga jualan tersendiri untuk setiap komponen masing-masing. Jika ini tidak dapat dilihat secara langsung, anggaran dibuat berdasarkan kos dan margin yang dijangkakan.

Hasil secara umum diiktiraf dari semasa ke semasa berdasarkan kemajuan ke arah pemenuhan obligasi pelaksanaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(q) Pengiktirafan Hasil (sambungan)

(i) Pengiktirafan hasil daripada kontrak dengan pelanggan dibawah MFRS 15 (sambungan)

(c) Hasil daripada perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain (sambungan)

Kemajuan penyempurnaan obligasi pelaksanaan diukur berdasarkan salah satu kaedah berikut yang menggambarkan kemajuan pelaksanaan Kumpulan secara tepat dalam memenuhi obligasi pelaksanaan:

- pengukuran langsung nilai yang dilaksanakan oleh Kumpulan kepada pelanggan (iaitu melalui sijil-sijil penerimaan); atau
- usaha atau input Kumpulan untuk memenuhi obligasi pelaksanaan (iaitu kos yang ditanggung pada projek sehingga kini).

Oleh itu, masa dan kadar pengiktirafan hasil mungkin berbeza daripada jumlah dan kekerapan bil kontrak. Aset kontrak akan diiktiraf apabila peralatan atau perkhidmatan disampaikan sebelum bil yang berkaitan kepada pelanggan perlu dibayar, sedangkan jika pengebilan kepada pelanggan berlaku sebelum penyerahan peralatan atau perkhidmatan yang berkaitan, maka liabiliti kontrak diiktiraf.

(d) Hasil daripada perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi

Hasil daripada perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi terutamanya terdiri daripada yuran pengajian dari kelompok pendidikan Kumpulan. Sebahagian besar kontrak-kontrak dengan pelanggan ini adalah kontrak obligasi pelaksanaan tunggal.

(ii) Hasil daripada sumber lain

Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat bersekutu dan pelaburan ekuiti diiktiraf dalam apabila hak untuk menerima pembayaran wujud.

(r) Kontrak dengan Pelanggan

(i) Aset Kos Kontrak

Komisen jualan dan kos pihak ketiga yang lain yang terhasil secara langsung untuk mendapatkan kontrak dengan pelanggan akan dipermodalkan sekiranya ia bertambah secara beransur-ansur dan dijangka dapat dipulihkan semula sepanjang tempoh kontrak yang melebihi 12 bulan. Ini kemudiannya dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang purata tempoh pengekalan pelanggan atau tempoh kontrak.

(ii) Aset Kontrak

Aset kontrak jualan merupakan hak Kumpulan untuk menerima pertimbangan sebagai pertukaran untuk barangan atau perkhidmatan yang dipindahkan oleh Kumpulan kepada pelanggan bersyaratkan kepada faktor-faktor selain daripada tempoh masa.

(iii) Liabiliti Kontrak

Kewajipan Kumpulan untuk memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan yang mana Kumpulan telah menerima pertimbangan terlebih dahulu daripada pelanggan dibentangkan sebagai liabiliti kontrak. Liabiliti kontrak juga diiktiraf untuk diskaun volum yang dijangkakan kepada pelanggan untuk pembelian masa depan.

(s) Manfaat Anggota

(i) Manfaat Anggota Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan monetari diakru dalam tempoh perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh anggota Kumpulan dan Syarikat.

(ii) Pelan Caruman yang Ditetapkan

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman yang ditetapkan dicaj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh caruman dikaitkan. Caruman prabayar diiktiraf sebagai aset sehingga terdapat pemulangan tunai atau pengurangan dalam pembayaran pada masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG MATERIAL (SAMBUNGAN)

(s) Manfaat Anggota (sambungan)

(iii) Manfaat Penamatan Kerja

Manfaat penamatan kerja akan dibayar apabila penggajian seseorang anggota ditamatkan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seseorang anggota menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan mengiktiraf manfaat penamatan kerja apabila ia menunjukkan komitmen sama ada untuk menamatkan penggajian anggota semasa menurut pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan untuk menarik balik atau menyediakan manfaat penamatan kerja berikutan tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian secara sukarela. Manfaat yang perlu dibayar dalam tempoh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan didiskaunkan kepada nilai kini. Manfaat penamatan kerja ini termasuk manfaat perubatan terhad yang disediakan sehingga suatu tempoh umur tertentu bagi bekas anggota yang layak di bawah skim persaraan pilihan tertentu.

(iv) Pampasan Berasaskan Saham

• Pampasan Berasaskan Saham yang Diselesaikan Secara Ekuiti

Nilai saksama perkhidmatan anggota yang diselesaikan dengan pemberian saham kepada anggota-anggota Kumpulan dan Syarikat diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh letak hak berkenaan (atau bagi tempoh letak hak setiap pemberian masing-masing jika berlaku pemberian berbilang) selari dengan peningkatan rizab dalam ekuiti.

Bagi saham yang diberikan kepada anggota-anggota anak-anak syarikat, nilai saksama pemberian diiktiraf sebagai kos pelaburan dalam anak-anak syarikat sepanjang tempoh letak hak dengan pelarasan yang selari kepada ekuiti.

• Pampasan Berasaskan Saham yang Diselesaikan Secara Tunai

Nilai saksama perkhidmatan anggota yang diselesaikan dengan pembayaran tunai oleh Kumpulan atau Syarikat kepada anggota-anggota sebagai ganti kepada saham Kumpulan dan Syarikat diiktiraf pada nilai saksama tanggungan liabiliti tersebut, sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh letak hak berkenaan (atau bagi tempoh letak hak setiap pemberian masing-masing jika berlaku pemberian berbilang).

Jumlah keseluruhan yang akan dibelanjakan sepanjang tempoh letak hak masing-masing akan ditentukan melalui rujukan kepada nilai saksama saham yang diberikan, tidak termasuk kesan dari mana-mana syarat letak hak bukan pasaran. Syarat letak hak bukan pasaran dirangkumkan ke dalam andaian yang diguna pakai dalam menetapkan bilangan saham yang dijangka untuk letak hak. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Syarikat menyemak semula anggaran bilangan saham yang dijangka untuk letak hak. Kumpulan mengiktiraf kesan semakan semula anggaran asal liabiliti pemberian saham, jika ada, dalam Penyata Pendapatan dengan pelarasan selari dengan rizab dalam ekuiti.

Nilai saksama saham yang diberikan kepada anggota-anggota anak-anak syarikat diperuntukkan kepada anak-anak syarikat.

Apabila saham yang diberikan diletakkan hak dan diterbitkan, nilai saksama akan dikreditkan kepada modal saham dengan debit selari kepada rizab dan tunai yang diterima (jika ada).

(t) Mata Wang Asing

(i) Mata Wang Fungsian dan Pembentangan

Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, iaitu mata wang fungsian dan pembentangan Syarikat.

(ii) Urus Niaga dan Baki

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan ke dalam mata wang fungsian dengan menggunakan kadar pertukaran yang ada pada tarikh urus niaga.

Laba dan kerugian pertukaran asing yang berkaitan dengan peminjaman dibentangkan dalam Penyata Pendapatan dalam "kos pembiayaan bersih". Kesemua laba dan kerugian pertukaran asing yang lain dibentangkan dalam Penyata Pendapatan dalam "kos kendalian".

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL

Anggaran dinilai secara berterusan oleh para Pengarah berdasarkan kepada pengalaman masa lalu serta faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

Kumpulan dan Syarikat membuat anggaran dan andaian berhubung masa hadapan. Mengikut takrifan, anggaran perakaunan yang dilakukan jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Untuk mempertingkatkan kandungan maklumat di dalam anggaran, faktor-faktor pemboleh ubah utama tertentu yang dijangka mempunyai kesan ketara terhadap keputusan dan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat diuji kepekaannya terhadap perubahan parameter asas. Anggaran dan andaian yang mempunyai risiko ketara yang boleh menyebabkan pelarasan ketara terhadap amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun hadapan dinyatakan di bawah:

(a) Perakaunan untuk Kontrak dengan Pelanggan

Anggaran tertentu dibuat dalam penggunaan MFRS 15 untuk Kumpulan. Anggaran ini dibuat, antara lain, mengenai komitmen jumlah, harga transaksi dan diskaun masa hadapan, yang mengambil kira keadaan dan maklumat yang tersedia pada tarikh pelaporan. Sehubungan itu, Kumpulan akan terus menyemak semula anggaran ini, jika berkenaan.

Bidang Anggaran	Asas Anggaran
(i) Penentuan Harga Jualan Tersendiri	Harga Jualan Tersendiri (SSP) yang relatif bagi setiap obligasi pelaksanaan digunakan sebagai asas untuk memperuntukkan jumlah harga yang dikontrakkan dengan pelanggan kepada obligasi pelaksanaan yang berlainan yang terkandung di dalam kontrak tersebut. Pihak pengurusan menganggarkan SSP setiap obligasi pelaksanaan pada permulaan kontrak berdasarkan harga yang diperhatikan untuk jenis perkakasan, barangan atau perkhidmatan yang mungkin disediakan dalam keadaan yang sama kepada pelanggan yang serupa. Apabila harga pasaran yang diperhatikan daripada pasaran adalah terhad, sejarah margin keuntungan untuk perkhidmatan serupa yang disediakan dari tahun-tahun terdahulu ini digunakan sebagai asas untuk digunakan pada kos yang dirancang atau dianggarkan untuk mendapatkan SSP.
(ii) Pengukuran kemajuan obligasi pelaksanaan	Sesetengah kontrak yang mana kombinasi obligasi pelaksanaan memerlukan tempoh jangka sederhana/panjang untuk disampaikan kepada pelanggan mungkin memerlukan anggaran peratusan kemajuan perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan berdasarkan jumlah kos yang ditanggung berbanding dengan kos kontrak yang dijangkakan. Jika berkenaan, pelaksanaan yang diterima pelanggan dari jumlah pelaksanaan kontrak juga digunakan sebagai ukuran kemajuan.
(iii) Penentuan harga transaksi	Kontrak borong jangka sederhana/panjang yang tertentu melibatkan diskaun bertingkat atau diskaun volum yang diberikan berasaskan pada harga transaksi bagi semua perkhidmatan di bawah kontrak itu apabila jumlah atau bilangan perkhidmatan tertentu dicapai. Anggaran dibuat berdasarkan diskaun yang dijangkakan untuk kontrak tersebut berdasarkan jumlah perkhidmatan terkumpul bersama-sama dengan anggaran skala yang dijangka dapat dicapai sepanjang tempoh kontrak dan persekitaran ekonomi umum yang mempengaruhi tahap permintaan umum daripada pelanggan tertentu. Pelarasan pada anggaran tersebut dan kesannya terhadap jumlah harga transaksi yang dijangkakan daripada keseluruhan kontrak disemak semula secara terkumpul sekurang-kurangnya setiap tahun.
(iv) Peruntukan diskaun dan harga transaksi kepada obligasi pelaksanaan	Pihak pengurusan menganggarkan SSP pada permulaan kontrak berdasarkan harga yang boleh dilihat bagi jenis perkakasan yang mungkin disediakan dan perkhidmatan yang diberikan dalam keadaan yang sama kepada pelanggan yang serupa. Sekiranya diskaun diberikan sama ada untuk kesemua atau obligasi pelaksanaan tertentu sahaja, kesemua diskaun terkumpul kontrak tersebut diperuntukkan kepada kesemua obligasi pelaksanaan dalam kontrak berdasarkan SSP secara relatif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(b) Anggaran Hayat Berguna Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan menyemak semula anggaran hayat berguna hartanah, loji dan peralatan pada setiap tahun berdasarkan kepada pelbagai faktor seperti rancangan dan strategi perniagaan, jangkaan tahap penggunaan, perubahan dalam teknologi, penemuan terkini dalam penyelidikan dan pembangunan, amalan terkini untuk meningkatkan prestasi aset rangkaian tertentu dan kemajuan teknologi masa hadapan. Keputusan operasi masa hadapan boleh terjejas dengan ketara oleh perubahan anggaran ini yang disebabkan oleh perubahan faktor-faktor tersebut. Perubahan dalam anggaran hayat berguna hartanah, loji dan peralatan akan mengubah susut nilai yang direkodkan serta amaun dibawa hartanah, loji dan peralatan.

Sepanjang tahun kewangan sebelumnya, Kumpulan telah menyemak semula anggaran jangka hayat berguna bagi beberapa rangkaian telekomunikasi, loji mudah alih dan peralatan serta sistem sokongan komputer, yang menyumbang kepada peningkatan caj susut nilai disebabkan pemendekan jangka hayat berguna tersebut. Semakan ini mencerminkan jangkaan penggunaan ekonomi bagi rangkaian telekomunikasi, loji mudah alih dan peralatan serta sistem sokongan komputer Kumpulan. Perubahan dalam anggaran jangka hayat berguna ini telah diambil kira secara prospektif selaras dengan MFRS 108 "Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan". Butiran lanjut dinyatakan dalam nota 21(b).

(c) Rosot Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dan Aset Tak Ketara

Kumpulan menaksir rosot nilai hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa amaun dibawa sesuatu aset mungkin tidak boleh pulih (iaitu apabila amaun dibawa sesuatu aset adalah melebihi amaun boleh pulih). Amaun boleh pulih diukur pada nilai yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos untuk menjual aset berkenaan dan nilai gunanya. Nilai guna adalah nilai kini bersih aliran tunai masa hadapan yang diunjurkan yang boleh diperoleh daripada aset berkenaan didiskaunkan pada kadar diskaun yang sewajarnya.

Unjuran aliran tunai masa hadapan adalah berasaskan kepada anggaran Kumpulan yang dikira berdasarkan kepada arah aliran masa lalu, trend sektor dan industri, keadaan pasaran dan ekonomi umum, perkembangan teknologi dan maklumat-maklumat lain yang sedia ada.

Sepanjang tahun kewangan sebelumnya, Kumpulan mengiktiraf jumlah kerugian rosot nilai pada aset sebanyak RM120.6 juta dalam hartanah, loji dan peralatan dan RM0.4 juta dalam aset tak ketara masing-masing, terutamanya berkaitan dengan sistem sokongan komputer tertentu dan bangunan serta perisian infrastruktur tertentu yang berkaitan dengan infrastruktur digital.

Butiran lanjut mengenai andaian dan anggaran yang digunakan untuk mendapatkan kerugian rosot nilai yang diiktiraf oleh Kumpulan dinyatakan dalam nota 21(a).

(d) Rosot Nilai Muhibah

Kumpulan menguji rosot nilai muhibah sekali setahun selaras dengan dasar perakaunannya atau apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan perlunya ujian rosot nilai. Andaian yang digunakan, keputusan dan kesimpulan bagi penilaian rosot nilai ini dinyatakan dalam nota 22(a).

(e) Rosot Nilai Belum Terima Perdagangan

Kumpulan dan Syarikat menaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa belum terima harus dirosot nilai. Kerugian rosot nilai dikira secara berkala berdasarkan semakan semula keadaan semasa belum terima dan arah aliran kutipan masa lalu untuk menggambarkan keadaan sebenar dan yang dijangka.

Kumpulan dan Syarikat telah menggunakan pendekatan rosot nilai ECL di bawah keperluan MFRS 9 "Instrumen Kewangan". Elaun rugi untuk aset kewangan adalah berdasarkan andaian berkenaan risiko mungkir dan unjuran kadar kerugian. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian tersebut dan memilih input kepada pengiraan rosot nilai, berdasarkan sejarah masa lalu Kumpulan dan Syarikat, keadaan pasaran semasa serta anggaran jangka hadapan pada akhir setiap tempoh pelaporan. Butiran mengenai andaian utama dan input yang digunakan dinyatakan dalam nota 4(a)(ii).

Anggaran dan pertimbangan tertentu dibuat dalam penggunaan MFRS 16 untuk Kumpulan. Anggaran dibuat berdasarkan kadar pinjaman tambahan dan pertimbangan dibuat terhadap pilihan lanjutan dan penamatan dengan mengambil kira keadaan serta maklumat yang tersedia pada tarikh pelaporan. Sehubungan itu, Kumpulan akan terus menyemak semula anggaran ini, jika berkenaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

3. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN YANG KRITIKAL (SAMBUNGAN)

(f) Perakaunan untuk Pajak (sambungan)

Bidang Anggaran dan Pertimbangan	Asas Anggaran dan Pertimbangan
(i) Pengukuran liabiliti pajak menggunakan kadar peminjaman tambahan	Kadar peminjaman tambahan ditentukan berdasarkan kepada kadar faedah daripada senarai bon yang bertaraf AAA dalam tahun semasa dan akan diselaraskan berdasarkan faktor-faktor seperti risiko kredit yang spesifik kepada sesuatu entiti, risiko negara dan unsur-unsur cagaran yang berkaitan dengan sesuatu pajak. Kadar peminjaman tambahan ini disemak semula secara setiap setengah tahun.
(ii) Penentuan pilihan pelanjutan dan penamatan	Dalam menentukan tempoh pajak, Kumpulan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang menyumbang kepada insentif ekonomi untuk mengambil pilihan pelanjutan, atau untuk tidak mengambil pilihan penamatan. Pilihan pelanjutan (atau tempoh selepas pilihan penamatan) adalah termasuk dalam tempoh pajak sekiranya pajak tersebut akan dilanjutkan (atau tidak akan ditamatkan) dengan pasti.

(g) Cukai

(i) Cukai Pendapatan

Kumpulan adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan cukai pendapatan di serata rantau. Pertimbangan digunakan untuk menentukan peruntukan cukai pendapatan bagi seluruh Kumpulan. Terdapat urus niaga dan pengiraan tertentu yang mana penentuan muktamad cukai pendapatan tidak dapat dipastikan dalam urusan biasa perniagaan. Kumpulan mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan kepada anggaran sama ada cukai tambahan akan dikenakan. Jika keputusan akhir cukai tersebut adalah berbeza daripada amaun yang diiktiraf pada permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada peruntukan cukai pendapatan dan/atau cukai tertunda dalam tempoh di mana penentuan sedemikian dibuat.

Pihak Pengurusan menilai kedudukan pulangan cukai secara berkala dengan mengambil kira keadaan peraturan percukaian dikenakan yang tertakluk kepada tafsiran. Peruntukan yang bersesuaian telah diwujudkan berdasarkan jangkaan jumlah yang akan dibayar kepada pihak berkuasa percukaian. Jika berkenaan, ianya ditentukan menggunakan anggaran tunggal terbaik yang paling mungkin, dengan mengambil kira kepentingan strategik dan komersil dan keadaan sekeliling yang mempengaruhi kedudukan tersebut.

(ii) Aset Cukai Tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf selagi mana ada kemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan akan terhasil, yang daripadanya, perbezaan sementara atau kerugian cukai belum guna dan kredit cukai (termasuk elaun pelaburan) boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan bagi entiti tertentu di mana aset cukai tertunda telah diiktiraf.

Anggaran keuntungan yang boleh dicukai pada masa hadapan melibatkan andaian-andaian penting, terutamanya berhubung dengan permintaan perkhidmatan sedia ada dan baru, persaingan dan perubahan kawal selia yang mungkin memberi kesan terhadap harga perkhidmatan. Andaian-andaian ini diperoleh berdasarkan prestasi masa lalu, prospek masa hadapan dan diselaraskan untuk keadaan yang tidak berulang.

(h) Nilai Saksama Derivatif dan Instrumen Kewangan Lain

Nilai saksama instrumen kewangan yang tidak didagangkan dalam pasaran yang aktif (misalnya, derivatif atas kaunter) ditentukan dengan menggunakan teknik penilaian. Kumpulan melaksanakan pertimbangannya dalam memilih pelbagai kaedah penilaian dan membuat andaian yang terutamanya berdasarkan keadaan pasaran pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Nilai saksama derivatif adalah nilai kini aliran tunainya di masa hadapan. Kumpulan menganggarkan nilai saksama pada tarikh pelaporan, bagi pelaburan ekuiti pada FVOCI dan pelaburan pada FVOCI tertentu yang tidak didagangkan di pasaran yang aktif dengan masing-masing menggunakan kaedah aset ketara bersih dan kaedah aliran tunai terdiskaun. Walaupun Kumpulan dan Syarikat percaya bahawa anggaran nilai saksama adalah bersesuaian, penggunaan kaedah atau andaian yang lain boleh membawa kepada pengukuran nilai saksama yang berbeza.

Ringkasan instrumen kewangan mengikut kategori dinyatakan dalam nota 43. Penilaian bagi instrumen kewangan sedemikian dibincangkan dengan lebih lanjut dalam nota 44.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

(a) Faktor Risiko Kewangan

Risiko utama yang timbul daripada aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah risiko pasaran (merangkumi risiko pertukaran asing dan risiko kadar faedah), risiko kredit dan risiko kecairan. Pengurusan risiko keseluruhan Kumpulan dan Syarikat adalah untuk mengurangkan potensi kesan-kesan buruk daripada risiko-risiko ini ke atas prestasi kewangan Kumpulan dan Syarikat.

Kumpulan telah menetapkan dasar, garis panduan dan prosedur pengurusan risiko untuk menangani pendedahan kepada risiko-risiko kewangan ini. Strategi-strategi lindung nilai ditetapkan berdasarkan komitmen komersial untuk mengurangkan pendedahan risiko-risiko yang berkaitan. Instrumen kewangan derivatif digunakan untuk melindungi nilai pendedahan komersial asas dan tidak dipegang untuk tujuan spekulatif.

(i) Risiko Pasaran

• Risiko Pertukaran Asing

Risiko pertukaran asing Kumpulan dan Syarikat merujuk kepada pergerakan kadar pertukaran yang buruk ke atas kedudukan mata wang asing yang berpunca daripada belum terima dan belum bayar perdagangan, deposit dan peminjaman yang didenominasikan dalam mata wang asing, dan daripada perolehan tertahan dalam anak-anak syarikat luar negara, di mana mata wang fungsinya bukan dalam Ringgit Malaysia.

Matlamat Kumpulan dan Syarikat adalah untuk mengurangkan pendedahan kadar pertukaran asing ke tahap yang boleh diterima berbanding had dan kesan yang telah ditentukan terlebih dahulu kepada Penyata Pendapatan. Kumpulan dan Syarikat memantau aset dan liabilitinya yang didenominasikan dalam mata wang asing dan menggunakan pelbagai instrumen lindung nilai seperti kontrak hadapan, kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS) dan struktur opsyen selain mengekalkan dana dalam mata wang asing pada tahap yang berpatutan untuk menyokong keperluan aliran tunai operasi. Dasar Kumpulan dan Syarikat memerlukan semua urus niaga bagi melindungi nilai pendedahan risiko pertukaran mata wang asing hendaklah dilaksanakan mengikut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Risiko pertukaran asing Kumpulan dan Syarikat timbul terutamanya daripada peminjaman yang didenominasikan dalam mata wang asing, terutamanya Dolar AS. Selepas melindungi nilai peminjaman dalam Dolar AS, komposisi peminjaman mata wang asing meningkat kepada 34.1% (2023: 25.8%) daripada jumlah peminjaman Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan kekal sama pada 58.5% (2023: 58.5%) jumlah peminjaman Syarikat pada 31 Disember 2024.

Berdasarkan kepada kedudukan peminjaman pada 31 Disember 2024, sekiranya Ringgit Malaysia telah menyusut/mengu kukuh sebanyak 5.0% berbanding dengan Dolar AS dengan kesemua pemboleh ubah lain adalah malar, keuntungan selepas cukai dan ekuiti bagi tahun kewangan tersebut akan lebih rendah/lebih tinggi sebanyak kira-kira RM81.9 juta (2023: RM84.4 juta) (sebelum lindung nilai) dan RM59.6 juta (2023: RM61.4 juta) (selepas lindung nilai) untuk Kumpulan dan lebih rendah/lebih tinggi sebanyak kira-kira RM54.0 juta (2023: RM55.6 juta) (sebelum lindung nilai) dan RM31.6 juta (2023: RM32.6 juta) (selepas lindung nilai) untuk Syarikat disebabkan kerugian atau keuntungan pertukaran asing atas terjemahan pinjaman yang didenominasikan dalam Dolar AS dan adalah berterusan serta berdasarkan asas pada Disember 2023.

• Risiko Kadar Faedah

Kumpulan dan Syarikat mempunyai tunai dan deposit jangka pendek, sekuriti pendapatan tetap dan dana amanah saham pendapatan tetap yang terdedah kepada pergerakan kadar faedah. Kumpulan dan Syarikat menguruskan risiko kadar faedah ke atas tunai dan deposit jangka pendek melalui peruntukan dalam tempoh bersesuaian. Bagi sekuriti pendapatan tetap, Kumpulan dan Syarikat mengguna pakai tempoh bersesuaian dan analisis penilaian mata asas untuk menguruskan risiko kadar faedahnya. Bagi dana amanah saham pendapatan tetap, ia mengguna pakai pengurusan struktur jangka masa bagi arah aliran kadar faedah masa hadapan yang disediakan oleh pengurus dana.

Pelaburan-pelaburan Kumpulan dalam pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap dan dana amanah saham pendapatan tetap pada 31 Disember 2024 masing-masing adalah RM2,527.8 juta (2023: RM2,213.9 juta), RM72.9 juta (2023: RM70.4 juta) dan RM92.4 juta (2023: RM93.1 juta). Pelaburan-pelaburan Syarikat dalam pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap dan dana amanah saham pendapatan tetap pada 31 Disember 2024 masing-masing adalah RM767.5 juta (2023: RM636.5 juta), RM72.9 juta (2023: RM70.4 juta) dan RM92.4 juta (2023: RM93.1 juta). Bagi kenaikan/penurunan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas oleh Bank Negara Malaysia dan diandaikan keluk hasil keseluruhan juga meningkat/menurun dengan peratusan yang sama, pendapatan pembiayaan daripada portfolio pasaran wang Kumpulan dan Syarikat masing-masing akan bergerak naik/turun secara selaras sebanyak kira-kira RM6.3 juta (2023: RM5.5 juta) dan RM1.9 juta (2023: RM1.6 juta) manakala nilai aset bersih bagi sekuriti pendapatan tetap dan dana amanah saham pendapatan tetap Kumpulan dan Syarikat akan bergerak turun/naik masing-masing sebanyak kira-kira RM0.8 juta (2023: RM0.8 juta) dan RM0.6 juta (2023: RM0.5 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(i) Risiko Pasaran (sambungan)

- Risiko Kadar Faedah (sambungan)

Hutang Kumpulan dan Syarikat termasuk kredit pusingan, peminjaman, bon, nota dan debentur. Matlamat Kumpulan dan Syarikat adalah untuk menguruskan risiko kadar faedah ke tahap pendedahan yang boleh diterima ke atas kos pembiayaan. Kumpulan dan Syarikat menyemak semula komposisi kadar hutang tetap dan terapung berdasarkan penilaian pendedahannya yang sedia ada dan profil kadar faedah yang dikehendaki yang boleh diterima oleh Kumpulan dan Syarikat. Instrumen lindung nilai seperti swap kadar faedah digunakan bagi mengurus risiko-risiko ini.

Dasar Kumpulan dan Syarikat menghendaki semua urus niaga bagi melindungi nilai pendedahan risiko kadar faedah dilaksanakan mengikut parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kumpulan dan Syarikat telah melaksanakan urus niaga swap kadar faedah dengan institusi kewangan yang mempunyai taraf kredit yang berwibawa. Berdasarkan kedudukan lindung nilai pada 31 Disember 2024, profil kadar faedah Kumpulan dan Syarikat selepas lindung nilai, adalah masing-masing pada 100% kadar faedah tetap (2023: 100% kadar faedah tetap). Oleh itu, Kumpulan dan Syarikat tidak akan terjejas oleh sebarang kenaikan dalam kadar OPR. Ini juga merupakan kedudukan pada akhir tahun kewangan yang lepas.

(ii) Risiko Kredit

Aset kewangan yang terutamanya terdedah kepada risiko kredit adalah belum terima, tunai dan baki bank, sekuriti boleh pasar dan instrumen kewangan yang digunakan dalam aktiviti lindung nilai.

Bertepatan dengan sifat perniagaan Kumpulan dan Syarikat, para pelanggan dibahagikan, terutamanya, mengikut unit perniagaan. Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai penumpuan risiko kredit yang ketara oleh kerana kepelbagaian asas pelanggannya. Risiko kredit diurus melalui penilaian dan kelulusan kawalan kredit, had kredit dan prosedur pemantauan yang ketat. Sekiranya wajar, Kumpulan dan Syarikat akan mendapatkan deposit atau jaminan bank daripada para pelanggan yang akan dipegang sebagai cagaran.

Kerugian Kredit yang Dijangkakan (ECL)

Kumpulan dan Syarikat menganggarkan dan memperuntukkan ECL berhubung dengan belum terima perdagangan dan lain-lain.

(a) Pengukuran ECL

(i) Belum terima perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan ringkas

Kadar kerugian yang dianggarkan yang diiktiraf bagi belum terima perdagangan dan aset kontrak adalah berdasarkan profil pembayaran jualan sepanjang tempoh 24 hingga 36 bulan sebelum tarikh pelaporan dan kerugian kredit sejarah yang berkaitan dalam tempoh ini. Kadar kerugian sejarah diselaraskan untuk mencerminkan maklumat semasa dan unjuran ke hadapan terhadap pemboleh ubah makroekonomi yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk melunaskan belum terima tersebut. Kumpulan dan Syarikat telah mengenal pasti perkara-perkara berikut sebagai faktor yang paling relevan untuk setiap tiga unit utama perniagaan yang berhadapan dengan pelanggan dalam Kumpulan dan Syarikat, dan dengan itu korelasi antara kadar kerugian sejarah terhadap pemboleh ubah makroekonomi ini digunakan sebagai asas untuk meramal kadar kerugian yang dijangka untuk unjuran ke hadapan berdasarkan perubahan yang dijangkakan dalam faktor-faktor ini.

Perniagaan-ke-Pengguna (B2C)	- Indeks Harga Pengguna Malaysia - Kadar Antara Bank Malaysia Tiga Bulan
Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B)	- Kadar Pertukaran USD/RM - Harga Minyak Mentah Brent
Penyedia-ke-Penyedia (C2C)	- Harga Minyak Mentah Brent - Kadar Inflasi (Asia) - Indeks Standard & Poor's 500 dan Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar Nyata (Asia)

Tiada perubahan ketara dibuat ke atas teknik anggaran atau andaian sepanjang tahun kewangan semasa berbanding dengan yang diaplikasikan pada tahun kewangan yang lepas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(ii) Risiko Kredit (sambungan)

Kerugian Kredit yang Dijangkakan (ECL) (sambungan)

(a) Pengukuran ECL (sambungan)

(ii) Belum terima selain perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan 3-peringkat am

Kumpulan dan Syarikat menggunakan pendekatan 3-peringkat untuk ECL terhadap belum terima selain perdagangan dan aset kontrak. Pendekatan 3-peringkat mencerminkan risiko kredit belum terima dan bagaimana elaun kerugian ditentukan bagi setiap kategori tersebut. Ringkasan andaian yang menyokong model ECL Kumpulan dan Syarikat adalah seperti berikut:

Kategori	Definisi Kategori oleh Kumpulan dan Syarikat	Asas untuk mengenal pasti ECL
Berprestasi baik	Penghutang mempunyai risiko mungkir yang rendah dan keupayaan yang kuat untuk memenuhi aliran tunai kontraktual	ECL 12 bulan
Berprestasi rendah	Penghutang yang mana terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit atau peningkatan ketara dalam risiko kredit dianggap jika faedah dan/atau pembayaran pokok adalah 30 hari melampaui tempoh	ECL sepanjang hayat
Tidak berprestasi	Penghutang dan pembayaran balik adalah lebih daripada 365 hari melampaui tempoh	ECL sepanjang hayat
Hapus kira	Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah berdasarkan kesediaan sumber pendapatan atau aset penghutang untuk menghasilkan aliran tunai masa depan yang mencukupi untuk membayar balik amaun tersebut	Aset dihapus kira

Berdasarkan perkara di atas, elaun kerugian diukur pada setiap ECL 12 bulan atau ECL sepanjang hayat menggunakan perkaedahan $PD \times LGD \times EAD$ di mana:

- PD ("kemungkinan berlaku mungkir") – kemungkinan bahawa penghutang tidak akan dapat membayar balik sepanjang tempoh kontrak;
- LGD ("kerugian akibat mungkir") – peratusan aliran tunai kontrak yang tidak akan dikutip akibat mungkir; dan
- EAD ("pendedahan sewaktu mungkir") – jumlah tertunggak yang terdedah kepada risiko mungkir.

Dalam menentukan PD dan LGD, Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan data sejarah dari setiap penghutang berdasarkan kategori dan diselaraskan mengikut data masa hadapan makroekonomi. Kumpulan dan Syarikat telah mengenal pasti industri dan kawasan geografi di mana penghutang beroperasi sebagai faktor-faktor yang paling penting, dan dengan itu menyesuaikan kadar kerugian sejarah berdasarkan perubahan yang dijangkakan dalam faktor-faktor ini. Elaun kerugian diukur pada amaun wajaran kebarangkalian yang mencerminkan kemungkinan adanya kerugian kredit dan kemungkinan tiada kerugian kredit. Tiada perubahan ketara ke atas teknik anggaran atau anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(ii) Risiko Kredit (sambungan)

Kerugian Kredit yang Dijangkakan (ECL) (sambungan)

(b) Penyesuaian elaun kerugian

(i) Belum terima perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan ringkas

Elaun kerugian bagi belum terima perdagangan dan aset kontrak pada 31 Disember 2024 dan 31 Disember 2023 telah disesuaikan kepada pembukaan elaun kerugian bagi peruntukan tersebut seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pembukaan elaun kerugian pada 1 Januari	599.1	512.0	–	484.0
Dikelaskan semula	1.5	(2.0)	–	–
	600.6	510.0	–	484.0
Peningkatan elaun kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tahun	42.9	131.8	–	1.6
Belum terima dihapus kira	(12.3)	(33.7)	–	(18.9)
Tolak bersih dengan aset kontrak belum diperoleh	(8.6)	(9.0)	–	(1.4)
Penyusunan semula dalaman (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	–	–	23.1
– dipindahkan kepada TM Tech	–	–	–	(488.4)
Pada 31 Disember	622.6	599.1	–	–

(ii) Belum terima selain perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan 3-peringkat am

Elaun kerugian bagi belum terima selain perdagangan dan aset kontrak pada 31 Disember 2024 dan 31 Disember 2023 disesuaikan kepada pembukaan elaun kerugian seperti berikut:

Kumpulan	Berprestasi baik RM	Berprestasi rendah RM	Tidak berprestasi RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2024	27.2	19.5	108.8	155.5
Klasifikasi semula	–	–	(1.5)	(1.5)
Tambahan/(Penarikbalikan) rosot nilai aset kewangan sedia ada	2.2	(7.3)	15.1	10.0
Hapus kira	–	–	(13.8)	(13.8)
Penutupan elaun kerugian pada 31 Disember 2024	29.4	12.2	108.6	150.2
Pada 1 Januari 2023	28.0	15.8	107.9	151.7
Klasifikasi semula	–	–	2.0	2.0
Aset kewangan baru/asal	(0.8)	–	–	(0.8)
Tambahan rosot nilai aset kewangan sedia ada	–	3.7	8.6	12.3
Hapus kira	–	–	(9.7)	(9.7)
Penutupan elaun kerugian pada 31 Disember 2023	27.2	19.5	108.8	155.5

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(ii) Risiko Kredit (sambungan)

Kerugian Kredit yang Dijangkakan (ECL) (sambungan)

(b) Penyesuaian elaun kerugian (sambungan)

(ii) Belum terima selain perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan 3-peringkat am (sambungan)

Elaun kerugian bagi belum terima selain perdagangan dan aset kontrak pada 31 Disember 2024 dan 31 Disember 2023 disesuaikan kepada pembukaan elaun kerugian seperti berikut: (sambungan)

Syarikat	Berprestasi baik RM	Berprestasi rendah RM	Tidak berprestasi RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2024	–	6.1	1.0	7.1
(Penarikbalikan)/Tambahan rosot nilai aset kewangan sedia ada	–	(2.4)	1.7	(0.7)
Hapus kira	–	(0.3)	(1.0)	(1.3)
Penutupan elaun kerugian pada 31 Disember 2024	–	3.4	1.7	5.1
Pada 1 Januari 2023	28.0	34.2	174.2	236.4
Penarikbalikan rosot nilai aset kewangan sedia ada	–	–	(9.1)	(9.1)
Hapus kira	–	–	(27.1)	(27.1)
Penyusunan semula dalaman (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	(0.1)	20.1	20.0
– dipindahkan kepada TM Tech	(28.0)	(28.0)	(157.1)	(213.1)
Penutupan elaun kerugian pada 31 Disember 2023	–	6.1	1.0	7.1

(c) Pendedahan maksimum kepada risiko kredit

(i) Belum terima perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan ringkas

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan risiko kredit bagi instrumen kewangan yang mana elaun ECL diiktiraf. Jumlah dibawa kasar aset-aset kewangan yang dinyatakan di bawah juga mewakili pendedahan maksimum Kumpulan kepada risiko kredit ke atas aset-aset tersebut:

Kumpulan	Semasa RM	1 – 90 hari lampau tempoh RM	91 – 180 hari lampau tempoh RM	Lebih daripada 181 hari lampau tempoh RM	Jumlah RM
31 Disember 2024					
Kadar kerugian yang dijangkakan	3.91%	22.81%	39.49%	84.92%	26.90%
Jumlah dibawa kasar – belum terima perdagangan, perolehan terakru & aset kontrak	1,369.2	296.3	109.9	539.3	2,314.7
Elaun kerugian	(53.6)	(67.6)	(43.4)	(458.0)	(622.6)
Belum terima perdagangan, perolehan terakru & aset kontrak bersih	1,315.6	228.7	66.5	81.3	1,692.1

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(ii) Risiko Kredit (sambungan)

Kerugian Kredit yang Dijangkakan (ECL) (sambungan)

(c) Pendedahan maksimum kepada risiko kredit (sambungan)

(i) Belum terima perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan ringkas (sambungan)

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan risiko kredit bagi instrumen kewangan yang mana elaun ECL diiktiraf. Jumlah dibawa kasar aset-aset kewangan yang dinyatakan di bawah juga mewakili pendedahan maksimum Kumpulan kepada risiko kredit ke atas aset-aset tersebut: (sambungan)

Kumpulan	Semasa RM	1 – 90 hari lampau tempoh RM	91 – 180 hari lampau tempoh RM	Lebih daripada 181 hari lampau tempoh RM	Jumlah RM
31 Disember 2023					
Kadar kerugian yang dijangkakan	4.79%	22.25%	51.51%	93.76%	28.57%
Jumlah dibawa kasar – belum terima perdagangan, perolehan terakru & aset kontrak	1,139.0	332.1	274.9	350.9	2,096.9
Elaun kerugian	(54.6)	(73.9)	(141.6)	(329.0)	(599.1)
Belum terima perdagangan, perolehan terakru & aset kontrak bersih	1,084.4	258.2	133.3	21.9	1,497.8

(ii) Belum terima selain perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan 3-peringkat am

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan risiko kredit bagi belum terima selain perdagangan dan aset kontrak yang mana elaun ECL diiktiraf. Jumlah dibawa kasar belum terima selain perdagangan dan aset kontrak yang dinyatakan di bawah juga mewakili pendedahan maksimum kepada risiko kredit ke atas aset-aset tersebut:

Kumpulan	Kadar kerugian kredit yang dijangkakan	Asas untuk pengiktirafan peruntukan kerugian kredit yang dijangkakan	Anggaran kasar amaun dibawa sewaktu mungkir RM	Elaun kerugian RM	Jumlah dibawa (bersih daripada peruntukan rosot nilai) RM
Penarafan kredit dalaman					
Pada 31 Disember 2024					
Berprestasi baik	3.29%	ECL 12 bulan	893.7	(29.4)	864.3
Berprestasi rendah	43.26%	ECL sepanjang hayat	28.2	(12.2)	16.0
Tidak berprestasi	96.11%	ECL sepanjang hayat	113.0	(108.6)	4.4
Jumlah			1,034.9	(150.2)	884.7
Pada 31 Disember 2023					
Berprestasi baik	2.75%	ECL 12 bulan	987.7	(27.2)	960.5
Berprestasi rendah	44.83%	ECL sepanjang hayat	43.5	(19.5)	24.0
Tidak berprestasi	99.73%	ECL sepanjang hayat	109.1	(108.8)	0.3
Jumlah			1,140.3	(155.5)	984.8

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(ii) Risiko Kredit (sambungan)

Kerugian Kredit yang Dijangkakan (ECL) (sambungan)

(c) Pendedahan maksimum kepada risiko kredit (sambungan)

(ii) Belum terima selain perdagangan dan aset kontrak – Pendekatan 3-peringkat am (sambungan)

Jadual berikut mengandungi analisis pendedahan risiko kredit bagi belum terima selain perdagangan dan aset kontrak yang mana elaun ECL diiktiraf. Jumlah dibawa kasar belum terima selain perdagangan dan aset kontrak yang dinyatakan di bawah juga mewakili pendedahan maksimum kepada risiko kredit ke atas aset-aset tersebut: (sambungan)

Syarikat	Kadar kerugian kredit yang dijangkakan	Asas untuk pengiktirafan peruntukan kerugian kredit yang dijangkakan	Anggaran kasar amaun dibawa sewaktu mungkir RM	Elaun kerugian RM	Jumlah dibawa (bersih daripada peruntukan rosot nilai) RM
Penarafan kredit dalaman					
Pada 31 Disember 2024					
Berprestasi baik	–	ECL 12 bulan	713.6	–	713.6
Berprestasi rendah	15.89%	ECL sepanjang hayat	21.4	(3.4)	18.0
Tidak berprestasi	73.91%	ECL sepanjang hayat	2.3	(1.7)	0.6
Jumlah			737.3	(5.1)	732.2
Pada 31 Disember 2023					
Berprestasi baik	–	ECL 12 bulan	753.8	–	753.8
Berprestasi rendah	31.44%	ECL sepanjang hayat	19.4	(6.1)	13.3
Tidak berprestasi	100.00%	ECL sepanjang hayat	1.0	(1.0)	–
Jumlah			774.2	(7.1)	767.1

Kumpulan dan Syarikat menyimpan tunai dan kesamaan tunai dalam beberapa institusi kewangan yang mempunyai taraf kredit yang berwibawa. Dasar Kumpulan mengehadkan penumpuan pendedahan kredit terhadap sesebuah institusi kewangan tunggal berdasarkan kedudukan aset ketara bersih dan/atau penarafan kredit, tertakluk kepada semakan semula tahunan.

Kumpulan dan Syarikat telah melantik beberapa pengurus dana pendapatan tetap, surat perdagangan dan dana amanah saham pendapatan tetap untuk mengendalikan portfolio pelaburannya. Dalam menguruskan risiko kredit portfolio berkenaan, parameter pelaburan telah diwujudkan bagi mengehadkan semua pengurus dana untuk hanya melabur dalam sekuriti-sekuriti yang mempunyai penarafan kredit sekurang-kurangnya A3/P1/MARC1 atau yang setara dengannya. Ini adalah selaras dengan Dasar dan Garis Panduan Pelaburan Perbendaharaan Kumpulan. Pada tahun kewangan semasa, portfolio pelaburan Kumpulan dan Syarikat terutamanya adalah sekuriti-sekuriti yang mempunyai penarafan kredit AAA/AA atau lebih daripada itu, seperti yang ditunjukkan dalam nota 27(b) dan nota 27(c).

Kesemua instrumen lindung nilai dilaksanakan dengan institusi kewangan yang mempunyai taraf kredit yang berwibawa demi mengehadkan pendedahan risiko kredit Kumpulan dan Syarikat. Walau bagaimanapun, Kumpulan dan Syarikat tetap terdedah kepada kerugian yang berkaitan dengan kredit sekiranya berlaku kegagalan pelaksanaan oleh pihak-pihak berurusan dalam instrumen kewangan derivatif, namun Kumpulan dan Syarikat tidak menjangkakan mana-mana pihak berurusan akan gagal memenuhi obligasi mereka.

Dalam mematuhi dasar pengurusan risiko, semua pihak yang berurusan perlu mengekalkan penarafan kredit tertentu seperti yang ditakrifkan oleh agensi penarafan antarabangsa dan tempatan.

(iii) Risiko Kecairan

Perbendaharaan Kumpulan mengekalkan tunai dan kesamaan tunai pada tahap yang dianggap berpatutan oleh pengurusan untuk membiayai operasi Kumpulan. Ia juga memantau dan mengawal pendedahan risiko kecairan dan keperluan pendanaan secara aktif bagi semua entiti yang sah dalam Kumpulan, bidang perniagaan dan mata wang, dengan mengambil kira had-had perundangan, pengawalseliaan dan operasi menerusi operasi Perbendaharaan berpusat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

4. MATLAMAT DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(a) Faktor Risiko Kewangan (sambungan)

(iii) Risiko Kecairan (sambungan)

Disebabkan bentuk perniagaan sandarannya yang dinamik, Kumpulan dan Syarikat juga berhasrat untuk terus mengekalkan fleksibiliti dalam pendanaan dengan memastikan kedua-dua talian kredit yang dijamin dan tidak dijamin tersedia.

Unjuran aliran tunai dibuat dalam operasi entiti-entiti Kumpulan atas dasar boleh pinda dan diagregat oleh Perbendaharaan Kumpulan untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pengendalian sambil mengekalkan penimbal yang mencukupi atas kemudahan kredit yang dijamin yang belum digunakan pada setiap masa. Pada 31 Disember 2024, Kumpulan dan Syarikat masing-masing mempunyai deposit sebanyak RM2,409.1 juta (2023: RM1,959.5 juta) dan RM767.5 juta (2023: RM636.5 juta) dengan institusi-institusi kewangan dan tunai dan baki bank masing-masing sebanyak RM568.4 juta (2023: RM741.3 juta) dan RM7.1 juta (2023: RM1.5 juta) yang dijangka tersedia bagi memenuhi apa sahaja obligasi bayaran apabila tiba masanya.

Risiko pembiayaan semula diuruskan dengan mengehendkan amaun peminjaman yang matang dalam tempoh yang tertentu dan dengan mempunyai strategi yang sewajarnya untuk menguruskan keperluan pembiayaan semula apabila perlu. Kumpulan mempunyai dana yang dijana dalaman dan dana dari kemudahan kewangan yang mencukupi (dengan baki gabungan had nilai nominal sehingga RM7.9 bilion) untuk menepati keperluan perbelanjaan modal, operasi perniagaan dan obligasi-obligasi apabila tiba masanya, dalam 12 bulan akan datang. Analisis profil kematangan bagi liabiliti kewangan Kumpulan dan Syarikat ditunjukkan dalam nota 45.

Tiada perubahan ketara dalam matlamat dan dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Syarikat begitu juga dengan pendedahan risiko kewangannya dalam tahun kewangan semasa berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya.

(b) Pengurusan Modal

Matlamat Kumpulan dan Syarikat dalam menguruskan modal adalah untuk melindungi keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk terus beroperasi, sebagai usaha yang berterusan, bagi menyediakan pulangan jangka panjang kepada pemegang-pemegang saham dan ganjaran bagi pihak-pihak berkepentingan lain. Rangka kerja pengurusan modal Kumpulan dan Syarikat merangkumi dasar dividen selain berusaha mengekalkan struktur modal optimum yang akan meningkatkan keupayaan modalnya.

Dalam usaha untuk mengekalkan atau menyelaraskan struktur modal, Kumpulan dan Syarikat boleh menyelaraskan amaun dividen yang akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham atau memulangkan modal pulangan kepada pemegang-pemegang saham menerusi nisbah hutang-kepada-ekuiti (paras penggearing). Pada 2014, Kumpulan telah memperkenalkan Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS) di mana pemegang-pemegang saham mempunyai pilihan untuk menerima dividen tunai atau melabur semula dividen tersebut dalam saham biasa baru Syarikat. Bergantung kepada tahap langganan DRS, Kumpulan dapat membesarkan asas modal saham dan juga mengukuhkan kedudukan modalnya menerusi DRS pada bila-bila masa ianya diguna pakai.

Nisbah penggearing pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024	2023	2024	2023
Peminjaman (RM juta) (nota 17)	3,490.9	4,763.2	1,079.4	1,112.1
Liabiliti Pajakan (RM juta) (nota 18)	1,699.9	1,857.6	–	–
Jumlah Hutang (RM juta)	5,190.8	6,620.8	1,079.4	1,112.1
Jumlah Ekuiti Pemegang Saham (RM juta)	10,099.7	9,163.0	9,063.4	8,780.8
Nisbah Hutang-kepada-Ekuiti [#]	0.6	0.8	0.1	0.4

Berdasarkan purata hutang

Kumpulan juga memantau tahap penggearingnya berbanding dengan pesaing-pesaingnya dalam industri di samping mengekalkan paras penarafan kredit yang dikehendaki. Pada tahun 2024, penarafan kredit Kumpulan terus kekal pada AAA oleh RAM, A- oleh S&P dan A3 oleh Moody's selari dengan penarafan kredit Kerajaan Malaysia.

Kumpulan telah mematuhi semua perjanjian hutang yang dikenakan.

Tiada perubahan dibuat terhadap objektif, dasar atau proses pengurusan modal sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2023 dan 2024.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

5. HASIL KENDALIAN

(a) Pengasingan hasil Kumpulan dan Syarikat

(i) Hasil diambil kira di bawah MFRS 15 dan lain-lain, dikelaskan mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula	2024 RM	2023 RM
Hasil telekomunikasi				
Hasil diambil kira di bawah MFRS 15				
Perkhidmatan Internet dan multimedia	4,564.3	4,587.8	–	–
Perkhidmatan data	3,271.8	3,076.2	–	–
Perkhidmatan suara	1,987.9	2,265.1	–	–
Perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain	1,387.7	1,200.9	–	–
Hasil pajakan dan lain-lain				
Perkhidmatan data	209.0	297.8	–	–
Perkhidmatan berkaitan telekomunikasi lain	18.7	26.9	–	–
Jumlah hasil telekomunikasi	11,439.4	11,454.7	–	–
Hasil perkhidmatan bukan berkaitan telekomunikasi diambil kira di bawah MFRS 15	273.0	235.5	–	–
Dividen				
Pendapatan dividen daripada anak-anak syarikat	–	–	1,423.7	696.7
Pendapatan dividen daripada pelaburan ekuiti pada FVOCI	–	–	10.7	6.9
Jumlah hasil dividen	–	–	1,434.4	703.6
JUMLAH HASIL KENDALIAN DARIPADA KENDALIAN BERTERUSAN	11,712.4	11,690.2	1,434.4	703.6

(ii) Hasil diambil kira di bawah MFRS 15, dikelaskan mengikut masa pengiktirafan hasil

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
– Pada satu-satu masa	443.7	367.8
– Dari semasa ke semasa	11,041.0	10,997.7
JUMLAH HASIL KENDALIAN	11,484.7	11,365.5

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

5. HASIL KENDALIAN (SAMBUNGAN)

(b) Aset kontrak

Jadual di bawah meringkaskan perubahan penting dalam aset kontrak:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset kontrak pada 1 Januari	644.3	702.4	–	579.8
– Hasil yang diiktiraf bagi perkhidmatan yang belum diinvoiskan	370.6	397.8	–	37.4
– Jumlah yang kemudiannya diinvoiskan (dipindahkan ke belum terima perdagangan)	(359.6)	(444.8)	–	(95.3)
– Rosot nilai diiktiraf untuk aset kontrak	(11.4)	(11.1)	–	(1.4)
– Penyusunan semula dalaman (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	–	–	3.0
– dipindahkan kepada TM Tech	–	–	–	(523.5)
Aset kontrak pada 31 Disember	643.9	644.3	–	–

Peruntukan rosot nilai aset kontrak

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	7.9	5.8	–	5.5
– Rosot nilai diiktiraf untuk aset kontrak	11.4	11.1	–	1.4
– Tolak bersih dengan aset kontrak belum diperoleh	(8.6)	(9.0)	–	(1.4)
– Penyusunan semula dalaman (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	–	–	2.6
– dipindahkan kepada TM Tech	–	–	–	(8.1)
Pada 31 Disember (nota 4(a))	10.7	7.9	–	–

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

5. HASIL KENDALIAN (SAMBUNGAN)

(c) Liabiliti kontrak

Jadual di bawah meringkaskan perubahan penting dalam liabiliti kontrak:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Liabiliti kontrak pada 1 Januari	1,247.9	839.0	–	857.5
– Jumlah yang dibilkan terdahulu bagi perkhidmatan yang belum dibekalkan	8,796.9	9,300.5	–	1,807.9
– Hasil yang direalisasi daripada penerimaan terdahulu bagi pembekalan barangan	(8,813.0)	(8,891.6)	–	(1,446.9)
– Penyusunan semula dalam (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	–	–	6.5
– dipindahkan kepada TM Tech	–	–	–	(1,225.0)
Liabiliti kontrak pada 31 Disember	1,231.8	1,247.9	–	–

Pada tahun kewangan semasa, RM903.6 juta (2023 : RM591.9 juta) daripada baki liabiliti kontrak sebanyak RM1,247.9 juta pada 1 Januari 2024 (1 Januari 2023: RM839.0 juta) telah diiktiraf sebagai hasil di Kumpulan.

(d) Obligasi Pelaksanaan Yang Tidak Dipenuhi

Jadual di bawah meringkaskan harga kontrak yang diperuntukkan kepada obligasi pelaksanaan yang tidak dipenuhi disebabkan oleh kontrak dengan pelanggan:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
– Baki tempoh kontrak daripada kontrak-kontrak suara, data, Internet dan multimedia	7,830.7	7,951.5
– Perkhidmatan yang belum dibekalkan daripada projek-projek pelanggan dan lain-lain	2,975.3	2,551.2
JUMLAH OBLIGASI PELAKSANAAN YANG TIDAK DIPENUHI	10,806.0	10,502.7

Obligasi ini dijangka akan dipenuhi atau dibekalkan kepada pelanggan dalam tempoh masa 1 ke 36 bulan.

(e) Aset-aset yang diiktiraf daripada kos untuk mendapatkan dan memenuhi sesuatu kontrak

Selain daripada baki-baki kontrak yang dinyatakan di atas, Kumpulan dan Syarikat juga telah mengiktiraf aset-aset yang berkaitan dengan kos untuk mendapatkan dan memenuhi sesuatu kontrak dengan pelanggan. Aset ini ditunjukkan di dalam aset kos kontrak di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Kebanyakan aset ini adalah komisen yang dibayar kepada agen-agen apabila berjaya mendapatkan kontrak baru dengan pelanggan, di mana jumlah yang dibayar ini boleh dikaitkan terus kepada kontrak baru ini. Butiran lanjut didedahkan pada nota 31.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

6(a). SUSUT NILAI, ROSOT NILAI DAN PELUNASAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula	2024 RM	2023 RM
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (PPE) (nota 21)	1,658.8	1,725.1	–	–
Susut nilai aset hak penggunaan (nota 23)	279.5	288.6	–	–
Rosot nilai PPE (nota 21 dan 21(a))	3.0	120.6	–	–
Hapus kira/persaraan PPE (nota 21)	1.2	25.1	–	–
Pelunasan aset tak ketara (nota 22)	206.9	253.8	–	–
Rosot nilai aset tak ketara (nota 22)	–	0.4	–	–
Penarikbalikan rosot nilai ke atas anak-anak syarikat	–	–	–	(1,456.7)
JUMLAH SUSUT NILAI, ROSOT NILAI DAN PELUNASAN	2,149.4	2,413.6	–	(1,456.7)

6(b). KOS KENDALIAN LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula	2024 RM	2023 RM
Pembayaran domestik, antarabangsa dan komisen	1,783.5	1,914.3	–	–
Litar suwa	69.3	146.4	–	–
Penyelenggaraan	553.6	600.4	–	–
Bahan-bahan/Peralatan pelanggan dan pemasangan	506.1	534.7	–	–
Sewa	36.6	62.9	–	–
Sewa - pajakan jangka pendek (nota 23(a))	32.8	27.9	–	–
Kos anggota	2,831.0	2,602.8	7.9	9.8
Kos anggota dipermodalkan dalam PPE	(94.8)	(85.4)	–	–
Caruman Penyediaan Perkhidmatan Sejagat	344.5	341.0	–	–
Utiliti	359.4	354.5	–	–
Lain-lain	963.5	756.0	29.4	4.0
JUMLAH KOS KENDALIAN LAIN	7,385.5	7,255.5	37.3	13.8

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

6(b). JUMLAH KOS KENDALIAN LAIN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula	2024 RM	2023 RM
Kos anggota termasuk:				
– gaji, elaun, kerja lebih masa dan bonus	2,044.0	1,888.7	–	–
– caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	354.0	304.8	–	–
– faedah penamatan	68.9	24.2	–	–
– manfaat lain anggota	261.4	274.3	–	–
– Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP)				
– diselesaikan secara ekuiti	–	14.5	–	–
– diselesaikan secara tunai	–	0.2	–	–
– imbuhan para Pengarah Eksekutif Syarikat				
– gaji, elaun dan bonus	3.9	4.8	3.9	4.8
– caruman kepada KWSP	0.5	1.1	0.5	1.1
– imbuhan para Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat				
– yuran	2.5	2.9	2.5	2.1
– elaun	1.0	1.9	1.0	1.8
Lain-lain termasuk:				
– imbuhan juruaudit kumpulan				
– yuran audit berkanun				
– Ernst & Young PLT	2.9	3.3	0.4	0.4
– firma ahli Ernst & Young PLT	0.3	0.3	–	–
– yuran berkaitan audit	0.8	0.7	–	–
– perkhidmatan cukai dan perkhidmatan bukan audit lain	0.9	0.6	–	–

Anggaran nilai wang dalam bentuk manfaat para Pengarah berjumlah RM1.3 juta (2023: RM1.0 juta) bagi Kumpulan dan Syarikat.

Bagi memastikan kebebasan juruaudit luar, Jawatankuasa Audit Lembaga mempunyai dasar bagi mentadbir pengambilan juruaudit luar bagi kerja-kerja bukan audit dan proses kelulusan berkaitan yang perlu dipatuhi sebelum sebarang kerja-kerja bukan audit tersebut bermula.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

7. PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih)

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula	2024 RM	2023 RM
Pendapatan dividen daripada sekuriti ekuiti - tidak disebut harga	10.7	6.9	-	-
Pendapatan daripada penjualan sekerap	101.7	76.9	-	-
Pendapatan faedah daripada anak-anak syarikat (nota 25)	-	-	1.7	2.4
Tuntutan insuran	-	13.1	-	-
Kerugian atas pelupusan pinjaman anggota (nota 29(i)(a))	-	(2.6)	-	-
Keuntungan atas pelupusan PPE	1.3	4.5	-	-
Penalti pelanggaran kontrak	3.7	1.8	-	-
Pendapatan sewa daripada tanah dan bangunan	4.2	5.9	-	-
Pendapatan daripada aktiviti latihan dan yang berkaitan	1.0	1.2	-	-
Geran Kerajaan	46.9	57.9	-	-
Lain-lain	22.5	37.9	-	-
JUMLAH PENDAPATAN KENDALIAN LAIN (bersih)	192.0	203.5	1.7	2.4

8. (KERUGIAN)/LABA LAIN (bersih)

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pergerakan nilai saksama aset kewangan pada FVTPL		
- sekuriti ekuiti disebut harga di Bursa Securities	0.1	0.1
- pelaburan dalam dana pelaburan teknologi	(16.8)	8.6
- pelaburan dalam dana amanah saham pendapatan tetap	1.4	1.7
Pelaburan pada FVOCI		
- pengelasan semula daripada rizab nilai saksama	(0.3)	#
JUMLAH (KERUGIAN)/LABA LAIN (bersih)	(15.6)	10.4

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

9. (KOS)/PENDAPATAN PEMBIAYAAN BERSIH

Kumpulan	2024				2023			
	Konvensional		Prinsip Islam	Jumlah	Konvensional		Prinsip Islam	Jumlah
	Asing RM	Domestik RM			Asing RM	Domestik RM		
Pendapatan pembiayaan daripada								
- deposit bank jangka pendek	34.3	11.0	60.7	106.0	31.9	9.0	31.7	72.6
- deposit lain	-	15.1	-	15.1	-	19.1	0.1	19.2
- pinjaman anggota	-	0.2	5.5	5.7	-	0.1	6.8	6.9
- pelepasan diskaun belum terima pajakan	-	0.9	-	0.9	-	2.4	-	2.4
JUMLAH PENDAPATAN PEMBIAYAAN	34.3	27.2	66.2	127.7	31.9	30.6	38.6	101.1
Kos pembiayaan atas								
- peminjaman daripada institusi kewangan dan debentur	(63.7)	-	(0.2)	(63.9)	(82.8)	(0.4)	(1.2)	(84.4)
- Nota Jangka Sederhana Islam	-	-	(141.2)	(141.2)	-	-	(170.2)	(170.2)
- pelepasan diskaun ke atas peminjaman dan belum bayar lain	-	(1.4)	-	(1.4)	-	(2.1)	-	(2.1)
- faedah dan caj pembiayaan dibayar/belum bayar ke atas liabiliti pajakan (nota 23(a))	-	(96.2)	-	(96.2)	-	(98.6)	-	(98.6)
- pelunasan subsidi faedah atas pinjaman anggota	-	(0.1)	(2.0)	(2.1)	-	-	(0.5)	(0.5)
JUMLAH KOS PEMBIAYAAN	(63.7)	(97.7)	(143.4)	(304.8)	(82.8)	(101.1)	(171.9)	(355.8)
Penilaian semula pertukaran asing atas peminjaman								
- laba/(kerugian)	50.0	-	-	50.0	(67.7)	-	-	(67.7)
- pengelasan semula (kerugian)/laba pertukaran asing daripada pendapatan komprehensif lain	(13.3)	-	-	(13.3)	19.0	-	-	19.0
JUMLAH LABA/(KERUGIAN) PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN	36.7	-	-	36.7	(48.7)	-	-	(48.7)
KOS PEMBIAYAAN BERSIH	7.3	(70.5)	(77.2)	(140.4)	(99.6)	(70.5)	(133.3)	(303.4)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

9. (KOS)/PENDAPATAN PEMBIAYAAN BERSIH

Syarikat	2024				2023			
	Konvensional		Prinsip Islam RM	Jumlah RM	Konvensional		Prinsip Islam RM	Jumlah RM
	Asing RM	Domestik RM			Asing RM	Domestik RM		
Pendapatan pembiayaan daripada								
– deposit bank jangka pendek	25.6	1.9	10.2	37.7	23.9	1.3	11.2	36.4
– deposit lain	–	9.6	–	9.6	–	8.7	–	8.7
JUMLAH PENDAPATAN PEMBIAYAAN	25.6	11.5	10.2	47.3	23.9	10.0	11.2	45.1
Kos pembiayaan atas								
– peminjaman daripada institusi kewangan dan debentur	(63.7)	–	–	(63.7)	(82.8)	–	–	(82.8)
JUMLAH KOS PEMBIAYAAN	(63.7)	–	–	(63.7)	(82.8)	–	–	(82.8)
Penilaian semula pertukaran asing atas peminjaman								
– laba/(kerugian)	32.7	–	–	32.7	(51.6)	–	–	(51.6)
– pengelasan semula (kerugian)/laba pertukaran asing daripada pendapatan komprehensif lain	(13.3)	–	–	(13.3)	19.0	–	–	19.0
JUMLAH LABA/(KERUGIAN) PERTUKARAN ASING ATAS PEMINJAMAN	19.4	–	–	19.4	(32.6)	–	–	(32.6)
PENDAPATAN/(KOS) PEMBIAYAAN BERSIH	(18.7)	11.5	10.2	3.0	(91.5)	10.0	11.2	(70.3)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

10. CUKAI DAN ZAKAT

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Caj/(Kredit) cukai bagi Kumpulan dan Syarikat terdiri daripada:				
Kendalian berterusan				
Malaysia				
Cukai Pendapatan				
Tahun semasa	184.0	160.2	13.9	–
Tahun terdahulu	140.9	34.8	124.5	–
Cukai Tertunda (bersih)	(210.3)	(293.9)	(110.5)	–
	114.6	(98.9)	27.9	–
Luar Negara				
Cukai Pendapatan				
Tahun semasa	14.6	11.4	–	–
Tahun terdahulu	(0.3)	0.6	–	–
Cukai Tertunda (bersih)	0.4	0.5	–	–
	14.7	12.5	–	–
JUMLAH CUKAI	129.3	(86.4)	27.9	–
Zakat	9.0	9.9	4.7	2.9
CUKAI DAN ZAKAT	138.3	(76.5)	32.6	2.9
Jumlah cukai yang boleh diagihkan kepada keuntungan/ (kerugian) dari kendalian berterusan	129.3	(86.4)	27.9	–
Cukai semasa				
Tahun semasa	198.6	171.6	13.9	–
Kurangan akruan pada tahun-tahun terdahulu (bersih)	140.6	35.4	124.5	–
Cukai tertunda				
Pengasalan dan penarikbalikan perbezaan sementara	(209.9)	(293.4)	(110.5)	–
	129.3	(86.4)	27.9	–

Perhubungan antara cukai dan keuntungan sebelum cukai dan zakat daripada kendalian berterusan boleh diterangkan melalui penyesuaian berangka antara perbelanjaan cukai dan hasil keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia seperti di bawah:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat daripada Kendalian Berterusan	2,177.2	1,808.5	1,386.9	2,089.0
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia yang diterima pakai sebanyak 24%	522.5	434.0	332.9	501.4
Kesan cukai daripada:				
– bahagian keputusan syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama	(1.9)	(3.1)	–	–
– belanja tidak boleh dikurangkan bagi tujuan cukai	86.0	135.5	9.6	9.6
– pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(16.9)	(100.9)	(344.3)	(511.0)
– belanja dibenarkan untuk potongan cukai berganda	(15.1)	(16.3)	–	–
– penggunaan kerugian cukai tahun semasa	–	(41.6)	–	–
– penggunaan kerugian cukai tidak diiktiraf sebelumnya dan elaun modal tidak serap	(549.8)	(553.0)	–	–
– kerugian cukai tahun semasa yang tidak diiktiraf	15.7	–	15.7	–
– kurangan akruan cukai pendapatan (bersih)	140.6	35.4	124.5	–
– pengiktirafan dan penarikbalikan perbezaan sementara tahun terdahulu	(51.8)	23.6	(110.5)	–
JUMLAH CUKAI	129.3	(86.4)	27.9	–

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

11. PEROLEHAN SESAHAM (sen)

(a) Perolehan sesaham asas

Perolehan sesaham asas Kumpulan dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti dengan purata wajaran bilangan saham biasa yang diterbitkan dan berbayar Syarikat pada tahun kewangan berkenaan.

	Kumpulan	
	2024	2023
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (RM juta)	2,016.9	1,870.5
Purata wajaran bilangan saham biasa (juta)	3,837.7	3,825.9
Perolehan sesaham asas (sen) yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat	52.6	48.9

(b) Perolehan sesaham cair

Perolehan sesaham cair bagi tahun kewangan semasa dikira dengan membahagikan keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat dengan purata wajaran bilangan saham biasa yang diterbitkan dan berbayar dilaraskan untuk penukaran kesemua saham biasa yang berpotensi untuk dicairkan yang diberikan kepada anggota-anggota di bawah Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) (nota 14) iaitu skim saham anggota yang akan diletak hak tertakluk kepada pencapaian syarat prestasi tertentu.

	Kumpulan	
	2024	2023
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (RM juta)	2,016.9	1,870.5
Purata wajaran saham biasa (juta)	3,837.7	3,825.9
Pelarasan untuk kesan pencairan dari LTIP (juta)	0.5	12.1
Purata wajaran saham biasa (juta)	3,838.2	3,838.0
Perolehan sesaham cair (sen) yang boleh diagihkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat	52.5	48.7

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

12. DIVIDEN BERHUBUNG SAHAM BIASA

Dividen yang dilulus dan dibayar berhubung saham biasa:

Syarikat	2024		2023	
	Dividen sesaham Sen	Amaun dividen setingkat RM	Dividen sesaham Sen	Amaun dividen setingkat RM
Dividen setingkat interim akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022	–	–	7.5	286.6
Dividen setingkat interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023	–	–	9.5	363.0
Dividen setingkat interim kedua dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023	10.5	402.9	–	–
Dividen setingkat akhir dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023	5.0	191.9	–	–
Dividen setingkat interim dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024	12.5	479.7	–	–
DIVIDEN DIKTIKRAF SEBAGAI PENGAGIHAN KEPADA PEMEGANG EKUITI BIASA SYARIKAT	28.0	1,074.5	17.0	649.6

Lembaga Pengarah telah mengumumkan dividen setingkat interim kedua sebanyak 12.5 sen sesaham dan dividen setingkat khas sebanyak 6.0 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 pada 25 Februari 2025. Kedua-dua dividen setingkat interim kedua dan dividen setingkat khas tersebut telah dibayar pada 28 Mac 2025 kepada para pemegang saham yang nama mereka tercatat dalam Buku Daftar Ahli dan Rekod Pendeposit pada 14 Mac 2025. Penyata-penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak mencerminkan dividen-dividen yang dicadangkan. Dividen tersebut akan diambil kira dalam ekuiti sebagai pengagihan perolehan tertahan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

13. MODAL SAHAM

Syarikat	2024		2023	
	Bilangan saham	RM	Bilangan saham	RM
Diterbitkan dan berbayar penuh:				
Saham biasa				
Pada 1 Januari	3,837.6	4,070.2	3,821.0	3,986.5
Terbitan saham Pelan Insentif Jangka Panjang (nota kecil (c))	0.1	0.5	16.6	83.7
Pada 31 Disember – saham biasa dengan tiada nilai tara	3,837.7	4,070.7	3,837.6	4,070.2
Saham Istimewa (nota kecil (a))				
Pada 1 Januari dan 31 Disember	#	#	#	#
JUMLAH MODAL SAHAM DITERBITKAN DAN BERBAYAR PENUH	3,837.7	4,070.7	3,837.6	4,070.2

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

13. MODAL SAHAM (SAMBUNGAN)

(a) Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa)

Saham Istimewa dipegang oleh Pemegang Saham Istimewa, Menteri Kewangan, badan korporat yang ditubuhkan di bawah Akta Menteri Kewangan (Perbadanan) 1957 (MOF Inc). Pemegangan MOF Inc membolehkan pihak Kerajaan melalui Menteri Kewangan memastikan bahawa keputusan penting tertentu yang melibatkan kendalian Syarikat adalah konsisten dengan dasar Kerajaan. Pemegang Saham Istimewa, yang mungkin hanya Kerajaan sahaja atau mana-mana wakil atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya, adalah berhak untuk menerima notis mesyuarat tetapi tidak mempunyai sebarang hak untuk mengundi pada mesyuarat Syarikat. Namun, Pemegang Saham Istimewa berhak menghadiri mesyuarat dan bersuara dalam mesyuarat tersebut.

Perkara-perkara tertentu, terutamanya, mengenai pindaan kepada Perlembagaan Pertubuhan Syarikat berhubung dengan hak Pemegang Saham Istimewa, pembubaran Syarikat, sebarang pemerolehan dan pelupusan aset, percantuman, penggabungan dan pengambilalihan, memerlukan persetujuan terlebih dahulu daripada Pemegang Saham Istimewa.

Pemegang Saham Istimewa berhak untuk memohon Syarikat menebus Saham Istimewa pada nilai tara pada bila-bila masa. Dalam pengagihan modal ketika pembubaran Syarikat, Pemegang Saham Istimewa berhak mendapatkan pembayaran balik modal berbayar atas Saham Istimewa, mendahului pembayaran balik modal kepada mana-mana ahli lain. Saham Istimewa ini tidak memberi sebarang hak penglibatan dalam modal atau keuntungan Syarikat.

(b) Skim Pelaburan Semula Dividen (DRS)

Pada 27 Mac 2014, Syarikat mengumumkan satu cadangan untuk melaksanakan DRS yang memberi opsyen kepada pemegang-pemegang saham Syarikat (Pemegang Saham) memilih untuk melabur semula, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada dividen tunai mereka yang merangkumi dividen interim, akhir, khas atau apa-apa dividen tunai yang lain, dalam saham-saham biasa yang baru dalam Syarikat (Saham Baru TM).

DRS telah mendapat kelulusan daripada Bursa Malaysia Securities Berhad menerusi suratnya bertarikh 7 April 2014 dan kelulusan pemegang-pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat pada 8 Mei 2014.

Bilamana DRS diguna pakai kepada mana-mana dividen yang diagihkan, pemegang-pemegang saham mempunyai opsyen berikut untuk melabur semula dividen tunai mereka dalam Saham Baru TM (Opsyen untuk Melabur Semula):

- memilih untuk menyertainya dengan melabur semula keseluruhan atau sebahagian daripada dividen itu di mana Opsyen untuk Melabur Semula terpakai (Bahagian yang Boleh Dipilih), pada harga terbitan Saham Baru TM.

Sekiranya hanya sebahagian daripada Bahagian yang Boleh Dipilih dilabur semula, pemegang-pemegang saham akan menerima bahagian lebihan dividen dalam bentuk tunai; atau

- memilih untuk tidak menyertai dalam Opsyen untuk Melabur Semula dan akan menerima keseluruhan dividen itu dalam bentuk tunai.

DRS tidak diaplikasikan pada mana-mana dividen diagihkan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 hingga 2024, kecuali bagi dividen diagihkan pada tahun kewangan berakhir 2022.

(c) Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP)

Sepanjang tahun kewangan, Syarikat telah menerbitkan 76,400 saham biasa baru berjumlah RM0.5 juta selari dengan letak hak saham-saham daripada Saham Terhad (RS) dan Saham Prestasi (PS) yang diberikan kepada anggota-anggota seperti dinyatakan dalam nota 14 penyata kewangan yang diaudit, diperincikan seperti berikut:

Bilangan saham biasa diterbitkan	Harga terbitan sesaham
76,400	RM6.49

Setelah selesai penyenaraian dan sebut harga Saham Baru TM DRS di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, jumlah modal saham terbitan dan berbayar Syarikat ialah RM4,070,678,919.53 yang terdiri daripada 3,837,704,680 saham biasa dan 1 Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

14. SKIM SAHAM ANGGOTA – PELAN INSENTIF JANGKA PANJANG (LTIP)

Pada 28 April 2016, pemegang saham Syarikat meluluskan LTIP dan pemberian saham Syarikat kepada anggota yang layak dalam Kumpulan dan Syarikat pada Mesyuarat Agung Luar Biasa. LTIP ialah skim di mana saham boleh diterbitkan oleh Syarikat kepada anggotanya tanpa sebarang pertimbangan tunai.

LTIP terdiri daripada Pemberian Saham Terhad (RS) dan Pemberian Saham Prestasi (PS) di mana untuk tujuan penjelasan, perbezaan utama dalam ciri-ciri Pemberian RS dan PS adalah kelayakan Anggota yang Layak dari segi gred jawatan mereka dalam Kumpulan, metrik prestasi yang perlu dipenuhi yang akan ditentukan sebelum pemberian dibuat secara bertulis kepada Anggota yang Layak dan tempoh letak hak Pemberian kepada Anggota yang Layak. Jawatankuasa kecil telah ditubuhkan untuk mentadbir LTIP (Jawatankuasa LTIP) mengikut Undang-Undang Kecil yang mengawal selia LTIP.

Ciri-ciri LTIP

(i) Kelayakan

Semua anggota selain daripada Pengarah Syarikat bukan eksekutif atau bebas, yang telah menjadi anggota sepenuh masa atau anggota tetap dengan, dan berada dalam senarai gaji Kumpulan atau Syarikat adalah layak untuk mengambil bahagian dalam skim tersebut (Anggota yang Layak) tertakluk kepada memenuhi sebarang kriteria kelayakan yang lain yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa LTIP mengikut budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa. Anggota yang Layak boleh memilih untuk tidak mengambil bahagian dalam skim ini.

(ii) Bilangan maksimum saham biasa baru Syarikat di bawah LTIP

Jumlah bilangan saham biasa Syarikat yang boleh ditawarkan di bawah LTIP tidak boleh melebihi agregat sepuluh peratus (10%) daripada modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat (tidak termasuk saham perbendaharaan) (Saham Maksimum) pada bila-bila masa sepanjang tempoh LTIP.

(iii) Asas peruntukan dan pengagihan maksimum yang dibenarkan

Jumlah bilangan saham biasa baru Syarikat yang boleh ditawarkan dan diperuntukkan kepada mana-mana Anggota yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Undang-Undang Kecil berhubung dengan LTIP adalah atas budi bicara mutlak Jawatankuasa LTIP) selepas mengambil kira antara faktor lain, prestasi, potensi anggota untuk pembangunan masa hadapan dan sumbangan kepada kejayaan dan pembangunan Kumpulan dan apa-apa kriteria lain yang dianggap wajar oleh Jawatankuasa LTIP.

Di samping itu, tidak lebih daripada 10% daripada saham-saham biasa baru Syarikat yang tersedia di bawah LTIP akan diperuntukkan kepada mana-mana Anggota yang Layak, sama ada secara tunggal atau secara kolektif melalui orang yang berkaitan dengan Anggota yang Layak, yang memegang 20% atau lebih modal saham diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat.

Jawatankuasa LTIP mempunyai budi bicara mutlak dalam menentukan sama ada saham-saham Syarikat yang sedia ada untuk letak hak di bawah LTIP yang Dicadangkan adalah untuk diberikan kepada Anggota yang Layak atau mana-mana kumpulan atau kumpulan-kumpulan Anggota yang Layak melalui:

- (a) satu Pemberian tunggal (jika berkenaan) pada satu-satu masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa LTIP; atau
- (b) beberapa Pemberian (jika berkenaan) di mana peletakan hak Saham-saham Syarikat terdiri daripada Pemberian berperingkat atau dibuat dalam beberapa *tranche* pada masa-masa dan atas terma-terma yang ditentukan oleh Jawatankuasa LTIP.

Sekiranya Jawatankuasa LTIP memutuskan bahawa Pemberian atau peletakan hak sebarang bilangan saham-saham Syarikat di bawah LTIP adalah untuk dibuat secara berperingkat, jumlah saham yang akan diberikan pada setiap Pemberian dan masa bagi peletakan hak itu hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa LTIP mengikut budi bicara mutlaknya. Setiap Pemberian hendaklah berasingan dan bebas dari yang lain.

(iv) Tempoh LTIP

LTIP akan terus berkuat kuasa untuk tempoh sepuluh (10) tahun bermula dari tarikh kuat kuasa pelaksanaan LTIP yang Dicadangkan, iaitu tarikh di mana pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan yang berkenaan di bawah Undang-undang Kecil dan Syarat-syarat Penyenaraian berhubung dengan LTIP yang Dicadangkan, telah diperoleh dan/atau dipenuhi.

Apabila tamat LTIP, mana-mana Pemberian yang masih belum diletak hak (sama ada sepenuhnya atau sebahagian) akan dianggap ditamatkan dan adalah batal dan tidak sah. Walau apa pun yang dinyatakan dalam Undang-undang Kecil dan tertakluk kepada pematuhan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad berhubung dengan LTIP, LTIP boleh ditamatkan pada bila-bila masa semasa tempohnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

14. SKIM SAHAM ANGGOTA – PELAN INSENTIF JANGKA PANJANG (LTIP) (SAMBUNGAN)

(v) Kedudukan saham yang diterbitkan di bawah LTIP

Saham-saham baru yang diterbitkan di bawah LTIP hendaklah tertakluk kepada peruntukan memorandum dan Perlembagaan Pertubuhan Syarikat. Saham-saham baru tersebut, hendaklah, berikutan penerbitan dan peruntukkan, mempunyai taraf yang sama dalam semua aspek berhubung dengan saham-saham Syarikat yang sedia ada, kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak layak untuk sebarang dividen, hak, peruntukkan dan/atau pengagihan lain, bilamana tarikh kelayakannya adalah sebelum tarikh saham-saham baru diperuntukkan kepada semua penerima di bawah LTIP.

(vi) Sekatan ke atas Pemindahan

Saham-saham baru yang diterbitkan di bawah LTIP akan tertakluk kepada sekatan ke atas pemindahan bergantung kepada terma dan syarat mengikut Undang-Undang Kecil.

Kumpulan dan Syarikat telah melaksanakan LTIP berkuat kuasa dari 29 September 2016, setelah memperoleh semua kelulusan yang diperlukan dan mematuhi kehendak-kehendak yang berkaitan dengan LTIP.

Saham Terhad (RS)

Di bawah RS, Anggota yang Layak terpilih Kumpulan dan Syarikat akan diletakkan hak saham-saham Syarikat sepanjang Tempoh LTIP (seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa LTIP untuk setiap *tranche* RS masing-masing), tertakluk kepada metrik prestasi individu yang dipenuhi dan pencapaian langkah-langkah operasi tertentu, termasuk tetapi tidak terhad kepada sasaran keuntungan selepas cukai dan/atau langkah kewangan lain sebagaimana yang berkaitan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan dan ditentukan oleh Jawatankuasa LTIP mengikut budi bicara mutlak.

Sekiranya metrik prestasi tidak dipenuhi dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa LTIP sebagaimana yang terpakai bagi Penerima RS, Pemberian RS tersebut tidak akan diletakkan hak kepada mereka pada akhir tempoh tersebut.

Saham Prestasi (PS)

Di bawah PS, Anggota yang Layak terpilih dan Pengarah Eksekutif Kumpulan dan Syarikat yang terpilih akan diletakkan hak saham-saham Syarikat sepanjang Tempoh LTIP (seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa LTIP untuk setiap *tranche* PS masing-masing), tertakluk kepada metrik prestasi individu yang dipenuhi dan pencapaian petunjuk-petunjuk pasaran yang tertentu.

Sekiranya metrik prestasi tidak dipenuhi dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa LTIP sebagaimana yang terpakai bagi Penerima PS, satu ciri lanjutan boleh memanjangkan tempoh prestasi dan tarikh peletakan selama satu tahun.

- (a) Jumlah bilangan RS dan PS yang diberikan bagi Kumpulan dan Syarikat, peratusan saham yang akan diletakkan hak dan tempoh letak hak adalah seperti berikut:

Kumpulan dan Syarikat

RS/PS	Tarikh Pemberian	Tarikh Letak Hak	Hak atas Saham Syarikat	
			Bilangan Saham yang Diberikan	Harga Rujukan seunit (RM) ¹
RS				
Pemberian 1	1 Disember 2016	31 Julai 2019	9,219,500	6.15
Pemberian 2	1 Jun 2017	3 Ogos 2020	9,401,200	6.47
Pemberian 3	17 Jun 2017	1 Jun 2022	15,274,100	4.06
Pemberian 4	17 Ogos 2020	17 Ogos 2023	15,028,100	3.76
PS ²				
Pemberian 1	1 Jun 2017	1 Jun 2020 / 1 Jun 2021 ³	1,928,100	6.35
Pemberian 2	4 Disember 2017	30 November 2020 / 30 November 2021 ³	1,854,200	6.26
Pemberian 3	17 Jun 2019	1 Jun 2022 / 1 Jun 2023	1,001,500	4.06
Pemberian 4	20 Disember 2019	15 Disember 2022 / 15 Disember 2023	1,117,800	3.85
Pemberian 5	17 Ogos 2020	17 Ogos 2023 / 16 Ogos 2024	1,436,600	3.76
Pemberian 6	4 Disember 2020	30 November 2023 / 29 November 2024	1,127,300	5.10

¹ Merujuk kepada harga pada tarikh rujukan bagi tujuan pemberian bilangan saham kepada anggota. Bagi PS, ini berdasarkan harga purata berwayaran (VWAP).

² Sekiranya metrik prestasi tidak dipenuhi dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa LTIP sebagaimana yang terpakai bagi Penerima PS, satu ciri lanjutan boleh memanjangkan tempoh prestasi dan tarikh peletakan hak selama satu tahun.

³ Tempoh prestasi dan tarikh peletakan hak masing-masing telah dilanjutkan ke 1 Jun 2021 dan 30 November 2021 dan seterusnya luput tanpa lanjutan lanjut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

14. SKIM SAHAM ANGGOTA – PELAN INSENTIF JANGKA PANJANG (LTIP) (SAMBUNGAN)

- (b) Pergerakan sepanjang tahun kewangan dalam bilangan saham-saham RS dan PS Syarikat, yang mana anggota Kumpulan dan Syarikat berhak miliki adalah seperti berikut:

Diagihkan kepada Penerima daripada Kumpulan:

	Harga Tutup seunit pada Tarikh Pemberian (RM)	Pada 1 Januari	Tambahan/ Penyelarasan	Diletakkan Hak	Dilucutkan Hak	Pada 31 Disember	Nilai Saksama pada Tarikh Pemberian (RM)
2023							
RS							
Pemberian 4	3.76	14,067,000	–	(13,920,600)*	(146,400)	–	3.84
PS							
Pemberian 4	3.85	850,300	–	(850,300)*	–	–	3.86
Pemberian 5	3.76	971,300	282,800	(1,221,700)*	(32,400)	–	3.70
Pemberian 6	5.10	809,300	111,400	(896,500)*	(24,200)	–	5.76

* Daripada jumlah saham yang telah diperuntukkan, sebanyak 16,617,900 telah diterbitkan sebagai saham Syarikat dan disenaraikan di Bursa Securities setakat 31 Disember 2023. Tambahan pula, sebanyak 76,400 saham telah diterbitkan dalam tahun kewangan 2024, diikuti dengan penerbitan 33,800 saham pada 27 Mac 2025. Baki sebanyak 161,000 saham adalah terbatal dan tidak sah.

Diagihkan kepada Penerima daripada Syarikat:

	Harga Tutup seunit pada Tarikh Pemberian (RM)	Pada 1 Januari	Penyelarasan [^]	Diletakkan Hak	Dilucutkan Hak	Pada 31 Disember	Nilai Saksama pada Tarikh Pemberian (RM)
2023							
RS							
Pemberian 4	3.76	11,106,000	(11,106,000)	–	–	–	3.84
PS							
Pemberian 4	3.85	812,500	–	(812,500)	–	–	3.86
Pemberian 5	3.76	971,300	(971,300)	–	–	–	3.70
Pemberian 6	5.10	809,300	(809,300)	–	–	–	5.76

[^] Pergerakan sebanyak 12,886,600 saham adalah disebabkan oleh pemindahan anggota dari Syarikat ke TM Tech ekoran penyusunan semula dalaman seperti yang dinyatakan dalam nota 52.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

14. SKIM SAHAM ANGGOTA – PELAN INSENTIF JANGKA PANJANG (LTIP) (SAMBUNGAN)

(c) Nilai saksama RS dan PS yang diberikan di mana MFRS 2 “Pembayaran Berasaskan Saham” terpakai, telah dianggarkan dengan menggunakan model simulasi Monte Carlo. Input penting dalam model ini adalah seperti berikut:

RS	Hak Atas Saham Syarikat			
	Harga Rujukan seunit (RM)			
	Pemberian 1	Pemberian 2	Pemberian 3	Pemberian 4
Harga Rujukan	6.15	6.47	4.06	3.76
Tarikh Pemberian	1 Disember 2016	1 Jun 2017	17 Jun 2019	17 Ogos 2020
Tarikh Letak Hak	31 Julai 2019	3 Ogos 2020	1 Jun 2022	17 Ogos 2023
Harga Saham Tutup pada Tarikh Pemberian	6.15	6.47	4.06	3.76

PS	Hak Atas Saham Syarikat					
	Harga Rujukan seunit (RM)					
	Pemberian 1	Pemberian 2	Pemberian 3	Pemberian 4	Pemberian 5	Pemberian 6
Harga Rujukan	6.35	6.26	4.06	3.85	3.76	5.10
Tarikh Pemberian	1 Jun 2017	4 Disember 2017	17 Jun 2019	20 Disember 2019	17 Ogos 2020	4 Disember 2020
Tarikh Letak Hak	1 Jun 2020/ 1 Jun 2021	30 November 2020/ 30 November 2021	1 Jun 2022/ 1 Jun 2023	15 Disember 2022/ 15 Disember 2023	17 Ogos 2023/ 16 Ogos 2024	30 November 2023/ 29 November 2024
Harga Saham Tutup pada Tarikh Pemberian	6.47	5.97	4.06	3.85	3.76	5.10

(d) Amaun yang diiktiraf dalam Penyata Pendapatan seperti yang dinyatakan dalam nota 6(b) untuk semua anggota yang timbul daripada RS dan PS adalah seperti yang diringkaskan di bawah:

	Kumpulan
	2023 RM
Saham Terhad	10.7
Saham Prestasi	3.8

15. RIZAB-RIZAB LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Rizab FVOCI	92.7	89.5	91.0	88.2
Rizab lindung nilai (nota 2(i))	(1.3)	(8.5)	(1.3)	(8.5)
Kos rizab lindung nilai (nota 2(i))	3.7	10.9	3.7	10.9
Rizab pelan insentif jangka panjang	11.8	12.3	11.3	11.8
Perbezaan terjemahan mata wang yang timbul daripada terjemahan:				
– anak-anak syarikat	21.4	35.0	–	–
– syarikat bersekutu	7.4	2.7	–	–
JUMLAH RIZAB-RIZAB LAIN	135.7	141.9	104.7	102.4

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

16. PEROLEHAN TERTAHAN

Pada 31 Disember 2024, kesemua perolehan tertahan Syarikat tersedia untuk pengagihan dividen yang dikecualikan cukai kepada pemegang-pemegang saham.

17. PEMINJAMAN

Kumpulan	2024				2023			
	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM
Domestik								
Tidak Bercagar								
Peminjaman daripada institusi kewangan (nota 46)	4.33%	–	3.0	3.0	4.25%	–	4.0	4.0
Peminjaman di bawah prinsip Islam								
– Nota Jangka Sederhana Islam (nota kecil (a))	4.69%	1,549.6	300.0	1,849.6	4.68%	1,849.4	1,200.0	3,049.4
Peminjaman lain	–	–	–	–	4.46%	–	22.2	22.2
Jumlah Domestik	4.69%	1,549.6	303.0	1,852.6	4.68%	1,849.4	1,226.2	3,075.6
Asing								
Tidak Bercagar								
Peminjaman di bawah prinsip Islam								
– Nota Jangka Sederhana Euro (nota kecil (b))	3.54%	558.9	–	558.9	3.54%	575.5	–	575.5
Debentur (nota kecil (c)) (nota 46)	7.88%	–	1,077.8	1,077.8	7.88%	1,110.1	–	1,110.1
Peminjaman lain (nota 46)	–	1.4	0.2	1.6	–	1.8	0.2	2.0
Jumlah Asing	6.39%	560.3	1,078.0	1,638.3	6.39%	1,687.4	0.2	1,687.6
JUMLAH PEMINJAMAN	5.49%	2,109.9	1,381.0	3,490.9	5.29%	3,536.8	1,226.4	4,763.2

	2024			2023		
	Domestik RM	Asing RM	Jumlah RM	Domestik RM	Asing RM	Jumlah RM
Peminjaman bukan semasa Kumpulan akan dibayar balik seperti berikut:						
Selepas setahun dan sehingga lima tahun	1,549.6	559.3	2,108.9	1,849.4	1,686.4	3,535.8
Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun	–	1.0	1.0	–	0.5	0.5
Selepas sepuluh tahun	–	–	–	–	0.5	0.5
	1,549.6	560.3	2,109.9	1,849.4	1,687.4	3,536.8

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

17. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	2024				2023			
	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM	Kadar Purata Wajaran Pembiayaan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM
Asing								
Tidak Bercagar								
Debentur (nota kecil (c))	7.88%	–	1,077.8	1,077.8	7.88%	1,110.1	–	1,110.1
Peminjaman lain (nota 46)	–	1.4	0.2	1.6	–	1.8	0.2	2.0
Jumlah Asing	7.86%	1.4	1,078.0	1,079.4	7.86%	1,111.9	0.2	1,112.1
JUMLAH PEMINJAMAN	7.86%	1.4	1,078.0	1,079.4	7.86%	1,111.9	0.2	1,112.1

	2024 Asing RM	2023 Asing RM
Peminjaman bukan semasa Syarikat akan dibayar balik seperti berikut:		
Selepas setahun dan sehingga lima tahun	0.4	1,110.9
Selepas lima tahun dan sehingga sepuluh tahun	1.0	0.5
Selepas sepuluh tahun	–	0.5
	1.4	1,111.9

(a) Pada 30 Ogos 2013, Syarikat menerima kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi mewujudkan satu program Kertas Komersil Islam (ICP) dan program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) yang baru dengan jumlah had gabungan sehingga RM3.0 bilion dalam nilai nominal, masing-masing mempunyai tempoh selama 7 dan 20 tahun dari tarikh terbitan pertama. ICP mempunyai tempoh tidak lebih daripada 12 bulan sementara IMTN di antara 1 hingga 20 tahun dengan syarat sekuriti-sekuriti hutang tersebut matang sebelum tarikh luput program masing-masing.

Pada 28 September 2018, Syarikat menerima kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bagi mewujudkan satu program ICP dan program IMTN yang baru dengan jumlah had gabungan sehingga RM4.0 bilion dalam nilai nominal, masing-masing mempunyai tempoh selama 7 dan 30 tahun dari tarikh terbitan pertama. ICP mempunyai tempoh tidak lebih daripada 12 bulan sementara IMTN di antara 1 hingga 30 tahun dengan syarat sekuriti-sekuriti hutang tersebut matang sebelum tarikh luput program masing-masing.

Sepanjang tahun kewangan semasa, Kumpulan telah membayar sepenuhnya *tranche* IMTN berikut pada nilai nominal apabila tiba tarikh matang:

Tarikh Terbitan	Nilai Nominal	Kadar Tahunan	Tarikh Matang
21 Mac 2014	RM300 juta	4.820%	21 Mac 2024
27 Jun 2014	RM300 juta	4.738%	27 Jun 2024
7 Oktober 2014	RM300 juta	4.550%	7 Oktober 2024
22 Disember 2014	RM300 juta	4.550%	20 Disember 2024

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

17. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

- (a) IMTN dalam terbitan pada akhir tahun kewangan terdiri daripada yang berikut (pada nilai nominal):

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
IMTN RM3.0 bilion diterbitkan pada 30 Ogos 2013		
IMTN matang pada tahun 2024 (4.55% - 4.82%)	–	1,200.0
IMTN matang pada tahun 2025 (4.88%)	300.0	300.0
IMTN matang pada tahun 2027 (4.58%)	500.0	500.0
IMTN matang pada tahun 2028 (4.73%)	250.0	250.0
IMTN RM4.0 bilion diterbitkan pada 28 September 2018		
IMTN matang pada tahun 2028 (4.68%)	800.0	800.0
	1,850.0	3,050.0

Tiada baki tertunggak bagi ICP pada akhir tahun kewangan semasa.

- (b) Program Sukuk Nota Jangka Sederhana Euro Pelbagai Mata Wang (EMTN)

Pada 3 Mac 2015, Syarikat melalui anak syarikat milik penuhnya, Tulip Maple Berhad (Tulip Maple), menerima kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk pewujudan EMTN sehingga USD750.0 juta dalam nilai nominal (atau nilai setara dalam mata wang asing).

Pada 25 Februari 2016, Tulip Maple menerbitkan Sukuk bernilai USD50.0 juta bagi tempoh 10 tahun yang akan matang pada 25 Februari 2026. Sukuk tersebut mempunyai kadar pengagihan berkala sebanyak 3.7% setahun yang dibayar pada setiap setengah tahun secara tunggakan pada 25 Ogos dan 25 Februari setiap tahun kewangan bermula Ogos 2016.

Pada 19 Ogos 2016, Tulip Maple menerbitkan Sukuk bernilai USD50.0 juta bagi tempoh 7 tahun yang akan matang pada 21 Ogos 2023. Sukuk ini mempunyai kadar pengagihan berkala Kadar Tawaran Antara Bank London (LIBOR) 1 bulan, tambah 1.35% setahun yang dibayar pada setiap bulan secara tunggakan pada tanggal 19 setiap bulan bermula September 2016. Pada 19 Ogos 2022, Sukuk telah ditebus lebih awal daripada tempoh matang dan kemudiannya dibatalkan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

17. PEMINJAMAN (SAMBUNGAN)

(b) Program Sukuk Nota Jangka Sederhana Euro Pelbagai Mata Wang (EMTN) (sambungan)

Pada 15 November 2016, Tulip Maple menerbitkan Sukuk bernilai USD75.0 juta bagi tempoh 10 tahun yang akan matang pada 15 November 2026. Sukuk tersebut mempunyai kadar pengagihan berkala sebanyak 3.422% setahun yang dibayar pada setiap setengah tahun secara tunggakan pada 15 Mei dan 15 November setiap tahun kewangan bermula Mei 2017.

Nilai dibawa terbitan EMTN terdiri daripada yang berikut:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
EMTN matang pada tahun 2026 (3.70%)	223.4	229.8
EMTN matang pada tahun 2026 (3.422%)	335.5	345.7
	558.9	575.5

(c) Debentur terdiri daripada yang berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Debentur 7.875% USD240.9 juta (2023: USD240.9 juta) matang pada tahun 2025	1,077.8	1,110.1

Tiada Debentur yang ditebus, dibeli atau dibatalkan sepanjang tahun kewangan semasa.

18. LIABILITI PAJAKAN

	2024				2023			
	Kadar Purata Peminjaman Tambahan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM	Kadar Purata Peminjaman Tambahan	Bukan Semasa RM	Semasa RM	Jumlah RM
Kumpulan								
Liabiliti Pajakan (nota 46)	5.17%	1,441.5	258.4	1,699.9	5.33%	1,634.5	223.1	1,857.6

Profil kematangan Kumpulan bagi liabiliti pajakan dinyatakan dalam nota 45.

Kumpulan mencatatkan jumlah aliran keluar tunai bagi pajakan sebanyak RM429.0 juta pada tahun 2024 (2023: RM490.2 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

19. INSTRUMEN KEWANGAN DERIVATIF DAN URUS NIAGA LINDUNG NILAI

	Amaun kontrak atau nosional RM	Nilai saksama Aset RM	Perubahan nilai saksama sepanjang tahun kewangan RM
Kumpulan dan Syarikat			
2024			
Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai			
Swap kadar faedah mata wang bersilang - lindung nilai aliran tunai (nota kecil (i))			
– kurang daripada 1 tahun (nota kecil (i)) (nota 46)	310.5	136.5	(13.3)
JUMLAH	310.5	136.5	(13.3)
2023			
Derivatif diambil kira di bawah perakaunan lindung nilai			
Swap kadar faedah mata wang bersilang - lindung nilai aliran tunai (nota kecil (i))			
– 1 tahun hingga 3 tahun (nota kecil (i))	310.5	149.8	17.8
JUMLAH	310.5	149.8	17.8

Laba atau kerugian terkumpul atas butiran lindung nilai yang boleh diagihkan kepada risiko dilindung nilai dibawa ke OCI.

- (i) Perakaunan lindung nilai telah diguna pakai bagi lindung nilai aliran tunai ini yang mana butiran pendasar yang dilindung nilai bahagian bayaran kupon berkala setiap setengah tahun dan penyelesaian akhir baki Debentur 7.875% USD240.9 juta yang akan matang tahun 2025 seperti yang dinyatakan dalam nota 17(c).

Nilai saksama instrumen kewangan derivatif adalah nilai kini bagi aliran tunai masa hadapannya. Nilai saksama yang menguntungkan menunjukkan amaun belum terima oleh Kumpulan dan Syarikat jika kontrak-kontrak tersebut ditamatkan atau sebaliknya. Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko kredit apabila nilai saksama kontrak menguntungkan, di mana pihak yang berurusan dikehendaki membayar Kumpulan atau Syarikat sekiranya terjadi penamatan kontrak.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada tarikh pelaporan ialah amaun dibawa bagi aset-aset derivatif seperti yang dibentangkan dalam Penyata-penyata Kedudukan Kewangan.

Ringkasan di bawah adalah urus niaga derivatif lindung nilai yang dimeterai oleh Syarikat:

Kontrak Swap Kadar Faedah Mata Wang Bersilang (CCIRS)

Liabiliti Pendasar

Debentur 7.875% USD240.9 juta matang pada tahun 2025

Pada tahun 1995, Syarikat menerbitkan Debentur 7.875% bernilai USD300.0 juta, di mana baki USD240.9 juta akan matang pada tahun 2025.

Instrumen Lindung Nilai

Pada 17 Oktober 2011, Syarikat telah memeterai perjanjian CCIRS dengan amaun nosional bernilai USD50.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun atas amaun nosional USD dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap 7.875% atas amaun nosional RM (dikira pada kadar pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). Swap ini akan matang pada 1 Ogos 2025. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima amaun nosional USD dan membayar pihak yang berurusan amaun yang sama nilai dalam RM berjumlah RM154.0 juta.

Pada 2 Disember 2011, Syarikat telah memeterai satu lagi perjanjian CCIRS dengan amaun nosional bernilai USD50.0 juta yang melayakkannya menerima faedah pada kadar tetap 7.875% setahun atas amaun nosional USD dan mewajibkannya membayar faedah pada kadar tetap 7.875% atas amaun nosional RM (dikira pada kadar pertukaran yang telah ditentukan terlebih dahulu). Swap ini akan matang pada 1 Ogos 2025. Pada tarikh matang, Syarikat akan menerima amaun nosional USD dan membayar pihak yang berurusan amaun yang sama nilai dalam RM berjumlah RM156.5 juta.

Kontrak-kontrak CCIRS ini menukar sebahagian liabiliti USD secara berkesan kepada liabiliti RM.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

20. CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkait dengan pihak berkuasa cukai yang sama. Amaun berikut, yang ditentukan selepas pengimbangan yang bersesuaian, dibentangkan dalam Penyata-penyata Kedudukan Kewangan:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Tertakluk kepada cukai pendapatan:				
Aset cukai tertunda	22.8	19.1	-	-
Liabiliti cukai tertunda	(920.9)	(1,127.0)	-	-
JUMLAH CUKAI TERTUNDA	(898.1)	(1,107.9)	-	-
Pada 1 Januari	(1,107.9)	(1,401.7)	-	(1,412.6)
(Dikreditkan)/Dicaj kepada Penyata Pendapatan untuk kendalian berterusan pada tahun semasa yang timbul daripada:				
- hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara	112.8	143.5	-	-
- aset hak penggunaan	(66.2)	90.8	-	-
- liabiliti pajakan	169.7	(88.5)	-	-
- liabiliti kontrak	15.7	87.9	110.5	-
- aset kontrak dan lain-lain	(13.6)	49.2	-	-
- kerugian cukai	(9.1)	9.1	-	-
- peruntukan dan lain-lain	0.6	1.4	-	(21.2)
	209.9	293.4	110.5	(21.2)
- perbezaan terjemahan mata wang	(0.1)	0.4	-	-
Kesan penyusunan semula dalaman	-	-	(110.5)	1,433.8
Pada 31 Disember	(898.1)	(1,107.9)	-	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

20. CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Pecahan baki terkumpul menurut setiap jenis perbezaan sementara:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
(a) Aset cukai tertunda				
Liabiliti pajakan	400.9	231.2	–	–
Kerugian cukai	–	9.1	–	–
Liabiliti kontrak	406.5	390.8	–	–
Peruntukan dan lain-lain	388.0	387.4	–	–
	1,195.4	1,018.5	–	–
Perbezaan terjemahan mata wang	0.5	0.6	–	–
	1,195.9	1,019.1	–	–
Imbangan	(1,173.1)	(1,000.0)	–	–
Jumlah aset cukai tertunda selepas imbangan	22.8	19.1	–	–
(b) Liabiliti cukai tertunda				
Hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara	1,681.0	1,793.8	–	–
Aset hak penggunaan	275.2	209.0	–	–
Aset kontrak dan lain-lain	137.8	124.2	–	–
	2,094.0	2,127.0	–	–
Imbangan	(1,173.1)	(1,000.0)	–	–
Jumlah liabiliti cukai tertunda selepas imbangan	920.9	1,127.0	–	–

Kerugian cukai belum guna dan elaun modal/cukai lain tidak terserap anak-anak syarikat yang mana tiada aset cukai tertunda telah diiktirafkan daripadanya dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Kerugian cukai belum guna	81.0	398.3
Elaun modal dan elaun cukai pelaburan tidak diserap	1,041.7	3,015.1
Perbezaan sementara lain	–	215.8
	1,122.7	3,629.2

Manfaat kerugian dan kredit cukai ini hanya akan diperoleh sekiranya anak-anak syarikat yang berkenaan memperoleh pendapatan taksiran masa hadapan dalam amaun yang mencukupi untuk manfaat tersebut digunakan. Aset cukai tertunda berkenaan kerugian ini belum diiktiraf kerana ia mungkin tidak digunakan untuk mengimbangi keuntungan yang boleh dicukai di bahagian lain dalam Kumpulan, ia telah timbul dalam anak-anak syarikat yang telah mengalami kerugian dan tidak ada peluang perancangan cukai lain atau bukti kebolehpulihan lain dalam masa terdekat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

20. CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

- (a) Di bawah Akta Kewangan Malaysia 2018 yang diwartakan pada 27 Disember 2018, kerugian cukai belum guna Kumpulan akan dikenakan had masa penggunaan. Berkuat kuasa pada tahun taksiran 2018, kerugian cukai belum guna hanya boleh dibawa ke hadapan untuk 7 tahun taksiran yang berturutan maksimum. Akta Kewangan Malaysia 2021 dalam satu tahun taksiran tempoh penggunaan kepada 10 tahun. Dengan itu, tempoh tamat kerugian cukai Kumpulan adalah seperti yang diringkaskan di bawah:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Tahun taksiran 2028	9.1	39.4
Tahun taksiran 2029	–	102.8
Tahun taksiran 2030	–	132.8
Tahun taksiran 2031	15.9	70.8
Tahun taksiran 2032	8.8	52.5
Tahun taksiran 2033	38.2	–
Tahun taksiran 2034	9.0	–
	81.0	398.3

- (b) Elaun pelaburan cukai lain tidak terserap dengan tarikh luput berikut:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Tahun taksiran 2025	356.9	356.9

- (c) Kumpulan berada dalam skop peraturan model Rukun Kedua (Pillar Two). Undang-undang Rukun Kedua telah digubal di Malaysia dan akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025. Pada masa yang sama, undang-undang Rukun Kedua juga telah digubal atau digubal secara substantif di bidang kuasa lain di mana Kumpulan beroperasi, iaitu Australia, Indonesia, Singapura, Emiriah Arab Bersatu, dan United Kingdom. Undang-undang untuk Australia dan United Kingdom telah berkuat kuasa bagi tahun kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2024, manakala undang-undang untuk Indonesia, Singapura, dan Emiriah Arab Bersatu akan berkuat kuasa bagi tahun kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2025.

Kumpulan telah menjalankan penilaian terhadap potensi pendedahan kepada cukai pendapatan di bawah Rukun Kedua (Pillar Two) berdasarkan maklumat kewangan entiti-entiti Kumpulan yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 2024. Berdasarkan penilaian Perlindungan Sementara Laporan Negara demi Negara (CbCR) yang telah dijalankan bagi tahun kewangan berakhir 2024, semua bidang kuasa memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada tiga ujian untuk melayakkan diri bagi pelepasan Perlindungan Sementara CbCR. Oleh itu, Kumpulan tidak menjangkakan pendedahan material terhadap cukai pendapatan di bawah Rukun Kedua di semua bidang kuasa di mana ia kini beroperasi. Kumpulan juga telah memohon pengecualian untuk mengiktiraf dan mendedahkan maklumat berkaitan aset dan liabiliti cukai tertunda yang berkaitan dengan cukai pendapatan di bawah Rukun Kedua.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

21. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	Rangkaian Teleko- munikasi RM	Harta Mudah Alih dan Peralatan RM	Sistem Sokongan Komputer RM	Tanah (nota kecil (c)) RM	Bangunan RM	Modal Kerja Dalam Pelaksanaan RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih							
Pada 1 Januari 2024							
(dinyatakan semula)	7,559.3	260.4	390.5	912.6	1,614.3	1,059.7	11,796.8
Tambahan (nota kecil (c))	376.0	34.0	4.7	–	12.3	1,047.2	1,474.2
Assetisation	838.9	11.7	92.0	–	77.6	(1,020.2)	–
Pelupusan	(1.5)	(2.8)	(0.1)	–	(0.1)	–	(4.5)
Dicaj kepada Penyata Pendapatan Penarikbalikan/(Hapus kira/ Persaraan) (nota 6(a))	–	–	–	–	–	(148.5)	(148.5)
Susut nilai (nota 6(a))	3.3	(0.4)	1.0	–	0.4	(5.5)	(1.2)
Susut nilai (nota 6(a))	(1,291.3)	(83.8)	(140.6)	(1.1)	(142.0)	–	(1,658.8)
Rosot nilai (nota 6(a) dan nota kecil (a))	(3.0)	–	–	–	–	–	(3.0)
Perbezaan terjemahan mata wang	(5.9)	1.4	3.9	–	(0.8)	(3.1)	(4.5)
Pindahan kepada aset tak ketara (nota 22)	(0.3)	–	(10.3)	–	–	–	(10.6)
Pindahan kepada aset hak penggunaan (nota 23)	(10.6)	–	–	–	–	–	(10.6)
Pengelasan semula	(0.4)	0.8	(1.8)	–	1.4	–	–
Pada 31 Disember 2024	7,464.5	221.3	339.3	911.5	1,563.1	929.6	11,429.3
Pada 31 Disember 2024							
Kos	41,585.8	1,729.9	4,277.3	938.7	4,854.4	930.6	54,316.7
Susut nilai terkumpul	(32,960.2)	(1,510.8)	(3,884.1)	(24.5)	(3,187.7)	–	(41,567.3)
Rosot nilai terkumpul	(1,161.1)	2.2	(53.9)	(2.7)	(103.6)	(1.0)	(1,320.1)
Nilai Buku Bersih	7,464.5	221.3	339.3	911.5	1,563.1	929.6	11,429.3
Nilai Buku Bersih							
Pada 1 Januari 2023	8,799.3	209.3	461.1	889.2	1,832.7	1,355.4	13,547.0
Penyataan semula (nota 49)	(1,507.2)	(0.9)	–	–	(25.1)	(21.9)	(1,555.1)
Dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	7,292.1	208.4	461.1	889.2	1,807.6	1,333.5	11,991.9
Tambahan (nota kecil (c))	356.7	47.3	1.2	24.2	30.3	1,336.5	1,796.2
Assetisation	1,077.7	74.3	159.0	0.3	133.4	(1,444.7)	–
Pelupusan	(0.2)	(2.8)	(1.2)	–	–	–	(4.2)
Dicaj kepada Penyata Pendapatan	–	–	–	–	–	(141.7)	(141.7)
Hapus kira/Persaraan (nota 6(a))	(0.2)	–	–	–	(0.8)	(24.1)	(25.1)
Susut nilai (nota 6(a))	(1,255.4)	(84.3)	(165.8)	(1.1)	(218.5)	–	(1,725.1)
Rosot nilai (nota 6(a) dan nota kecil (a))	–	(3.0)	(14.2)	–	(103.4)	–	(120.6)
Perbezaan terjemahan mata wang	–	0.6	(0.5)	–	1.2	0.2	1.5
Pindahan kepada aset tak ketara (nota 22)	–	–	(3.1)	–	–	–	(3.1)
Pindahan (kepada)/daripada aset hak penggunaan (nota 23)	(1.9)	–	–	–	28.9	–	27.0
Pengelasan semula	90.5	19.9	(46.0)	–	(64.4)	–	–
Pada 31 Disember 2023	7,559.3	260.4	390.5	912.6	1,614.3	1,059.7	11,796.8
Pada 31 Disember 2023							
Kos	42,032.9	1,832.8	4,433.4	938.7	5,009.7	1,060.7	55,308.2
Susut nilai terkumpul	(33,280.6)	(1,569.4)	(3,956.8)	(23.4)	(3,292.5)	–	(42,122.7)
Rosot nilai terkumpul	(1,193.0)	(3.0)	(86.1)	(2.7)	(102.9)	(1.0)	(1,388.7)
Nilai Buku Bersih	7,559.3	260.4	390.5	912.6	1,614.3	1,059.7	11,796.8

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

21. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Rangkaian Teleko- munikasi RM	Harta Mudah Alih dan Peralatan RM	Sistem Sokongan Komputer RM	Tanah (nota kecil (c)) RM	Bangunan RM	Modal Kerja Dalam Pelaksanaan RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih							
Pada 1 Januari 2023	8,338.9	200.6	298.0	412.4	1,401.5	1,383.5	12,034.9
Penyataan semula (nota 49)	(1,507.2)	(0.9)	–	–	(25.1)	(21.9)	(1,555.1)
Dinyatakan semula pada 1 Januari 2023							
	6,831.7	199.7	298.0	412.4	1,376.4	1,361.6	10,479.8
Tambahan (nota kecil (c))	52.9	1.4	0.2	24.2	22.8	227.4	328.9
Assetisation	18.3	11.0	–	–	64.9	(94.2)	–
Pelupusan	–	(0.6)	–	–	–	–	(0.6)
Dicaj kepada Penyata Pendapatan	–	–	–	–	–	(27.6)	(27.6)
Hapus kira/Persaraan	(0.2)	–	–	–	–	–	(0.2)
Susut nilai	(179.1)	(7.8)	(17.4)	(0.2)	(20.4)	–	(224.9)
Pengelasan semula	45.4	0.1	(45.4)	–	(0.1)	–	–
Penyusunan semula dalaman (nota 52):							
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	3.3	16.5	45.2	0.9	19.8	68.4	154.1
– dipindahkan kepada TM Tech	(6,772.3)	(220.3)	(280.6)	(437.3)	(1,463.4)	(1,535.6)	(10,709.5)
Pada 31 Disember 2023	–	–	–	–	–	–	–

(a) Kerugian rosot nilai

- Pada tahun kewangan sebelumnya, Kumpulan telah mengiktiraf kerugian rosot nilai sebanyak RM120.6 juta terutamanya berkaitan dengan sistem sokongan komputer dan bangunan tertentu serta sebanyak RM0.4 juta (nota 22) berkaitan dengan perisian infrastruktur tertentu yang berkaitan dengan infrastruktur digital.
- Rosot nilai tersebut telah dibuat susulan daripada strategi yang disemak semula dan hala tuju strategik aset tersebut. Andaian yang digunakan bagi tujuan pengiraan rosot nilai adalah seperti berikut:
- Nilai sedang digunakan adalah berdasarkan unjuran tunai terdiskaun selama 15 tahun dari 2024 hingga 2038;
 - Aliran tunai yang dinilai terdiri daripada semua aliran tunai masa depan yang berkaitan yang dijangkakan secara munasabah daripada penggunaan kapasiti aset berdasarkan kontrak semasa, kontrak yang dipastikan, dan saluran jualan;
 - Tiada nilai terminal yang digunakan kerana umur terbatas aset;
 - Nilai sisa tanah dan bangunan berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh penilai profesional bebas;
 - Kadar diskaun yang digunakan adalah 10.0%.
- (b) Semakan hayat berguna
- Kumpulan menyemak hayat berguna aset hartanah, loji dan peralatan. Setiap tahun, dengan mengambil kira faktor-faktor seperti pelan dan strategi perniagaan, tahap penggunaan yang dijangka, perubahan dalam teknologi, penemuan terkini dalam penyelidikan dan pembangunan serta amalan terkini dalam industri telekomunikasi. Pada tahun kewangan sebelumnya, hayat berguna bagi rangkaian telekomunikasi, harta mudah alih dan peralatan, serta sistem sokongan komputer tertentu telah disemak semula dan impak bersih daripada perubahan dalam anggaran ini adalah peningkatan susut nilai sebanyak RM133.8 juta.
- (c) Geran Kerajaan sebanyak RM913.6 juta (2023: RM1,229.6 juta) yang berkaitan dengan aset telah ditolak sebelum menentukan amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2024.
- Amaun tambahan adalah bersih daripada geran Kerajaan berjumlah RM12.8 juta (2023: RM52.4 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

21. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

(d) Butiran mengenai tanah adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pegangan Bebas RM	Pegangan Pajak (nota kecil (i)) RM	Tanah Lain (nota kecil (ii)) RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih				
Pada 1 Januari 2024	812.6	71.8	28.2	912.6
Susut nilai	–	(1.1)	–	(1.1)
Pada 31 Disember 2024	812.6	70.7	28.2	911.5
Pada 31 Disember 2024				
Kos	815.2	94.9	28.6	938.7
Susut nilai terkumpul	–	(24.1)	(0.4)	(24.5)
Rosot nilai terkumpul	(2.6)	(0.1)	–	(2.7)
Nilai Buku Bersih	812.6	70.7	28.2	911.5
Nilai Buku Bersih				
Pada 1 Januari 2023	788.1	72.9	28.2	889.2
Tambahan	24.2	–	–	24.2
Assetisation	0.3	–	–	0.3
Susut nilai	–	(1.1)	–	(1.1)
Pada 31 Disember 2023	812.6	71.8	28.2	912.6
Pada 31 Disember 2023				
Kos	815.2	94.9	28.6	938.7
Susut nilai terkumpul	–	(23.0)	(0.4)	(23.4)
Rosot nilai terkumpul	(2.6)	(0.1)	–	(2.7)
Nilai Buku Bersih	812.6	71.8	28.2	912.6
Syarikat	Pegangan Bebas RM	Pegangan Pajak (nota kecil (i)) RM	Tanah Lain (nota kecil (ii)) RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih				
Pada 1 Januari 2023	321.0	63.2	28.2	412.4
Tambahan	24.2	–	–	24.2
Susut nilai	–	(0.2)	–	(0.2)
Penyusunan semula dalaman (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	0.5	0.4	–	0.9
– dipindahkan kepada TM Tech	(345.7)	(63.4)	(28.2)	(437.3)
Pada 31 Disember 2023	–	–	–	–

(i) Tanah pegangan pajak termasuk yang berikut:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Tanah pegangan pajak jangka panjang	51.1	51.1
Tanah pegangan pajak jangka pendek	19.6	20.7
Jumlah	70.7	71.8

Tanah pegangan pajak jangka panjang mempunyai baki tempoh pemegangan pajakan belum tamat selama 50 tahun dan ke atas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

21. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

- (d) Butiran mengenai tanah adalah seperti berikut: (sambungan)
- (ii) Surat ikatan hak milik bagi tanah lain masih belum didaftarkan atas nama Kumpulan. Sehingga penyelesaian dicapai dengan pihak berkuasa yang berkenaan, tanah-tanah ini masih belum dikelaskan mengikut tempoh pegangannya.
- Tanah lain akan dikelaskan semula dengan sewajarnya apabila surat ikatan hak milik bagi tanah tersebut telah didaftarkan.

22. ASET TAK KETARA

Kumpulan	Muhibah RM	Spektrum Teleko- munikasi RM	Perisian Infrastruktur RM	Perisian Aplikasi RM	Aset Tak Ketara Lain* RM	Pembangunan Perisian RM	Pembangunan Perisian RM
Nilai Buku Bersih							
Pada 1 Januari 2024 (dinyatakan semula)	309.6	262.2	33.2	242.1	46.2	3.0	896.3
Tambahan (nota kecil (b))	-	-	-	8.8	19.0	111.7	139.5
Assetisation	-	-	3.9	100.2	-	(104.1)	-
Pelunasan (nota 6(a))	-	(69.2)	(9.1)	(107.3)	(21.3)	-	(206.9)
Pindahan daripada hartanah, loji dan peralatan (nota 21)	-	-	0.5	10.1	-	-	10.6
Pada 31 Disember 2024	309.6	193.0	28.5	253.9	43.9	10.6	839.5
Pada 31 Disember 2024							
Kos	366.7	389.4	103.7	788.8	178.9	10.6	1,838.1
Pelunasan terkumpul	-	(176.1)	(74.4)	(516.8)	(135.0)	-	(902.3)
Rosot nilai terkumpul	(57.1)	(20.3)	(0.8)	(18.1)	-	-	(96.3)
Nilai Buku Bersih	309.6	193.0	28.5	253.9	43.9	10.6	839.5
Nilai Buku Bersih							
Pada 1 Januari 2023	309.6	116.5	28.3	250.4	40.0	1.0	745.8
Penyataan semula (nota 49)	-	-	-	(0.4)	-	-	(0.4)
Dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	309.6	116.5	28.3	250.0	40.0	1.0	745.4
Tambahan (nota kecil (b))	-	214.1	-	1.1	19.7	167.1	402.0
Assetisation	-	-	16.1	144.0	5.0	(165.1)	-
Pelunasan (nota 6(a))	-	(68.4)	(10.9)	(156.0)	(18.5)	-	(253.8)
Rosot nilai (nota 6(a))	-	-	(0.4)	-	-	-	(0.4)
Pindahan daripada hartanah, loji dan peralatan (nota 21)	-	-	0.1	3.0	-	-	3.1
Pada 31 Disember 2023	309.6	262.2	33.2	242.1	46.2	3.0	896.3
Pada 31 Disember 2023							
Kos	366.7	389.4	99.3	750.1	98.5	3.0	1,707.0
Pelunasan terkumpul	-	(106.9)	(65.4)	(489.9)	(52.3)	-	(714.5)
Rosot nilai terkumpul	(57.1)	(20.3)	(0.7)	(18.1)	-	-	(96.2)
Nilai Buku Bersih	309.6	262.2	33.2	242.1	46.2	3.0	896.3

* Aset tak ketara lain merangkumi nilai saksama bagi tanggungan perbelanjaan pembangunan reka bentuk, pembangunan dan pengujian produk serta perkhidmatan, perisian dan hak-hak program bagi anak-anak syarikat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

22. ASET TAK KETARA (SAMBUNGAN)

Syarikat	Perisian Infrastruktur RM	Perisian Aplikasi RM	Aset Tak Ketara Lain RM	Pembangunan Perisian RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih					
Pada 1 Januari 2023	25.8	241.9	–	1.0	268.7
Penyataan semula (nota 49)	–	(0.4)	–	–	(0.4)
Dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	25.8	241.5	–	1.0	268.3
Tambahan (nota kecil (b))	–	–	–	6.0	6.0
Assetisation	1.8	3.4	–	(5.2)	–
Pelunasan	(1.7)	(23.7)	–	–	(25.4)
Penyusunan semula dalaman (nota 52):					
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	–	30.7	–	30.7
– dipindahkan kepada TM Tech	(25.9)	(221.2)	(30.7)	(1.8)	(279.6)
Pada 31 Disember 2023	–	–	–	–	–

(a) **Ujian rosot nilai bagi muhibah**

Kumpulan menjalankan ujian rosot nilai tahunan terhadap unit-unit penjanaan tunai yang diperuntukkan muhibah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B)	308.4	308.4
Lain-lain	1.2	1.2
	309.6	309.6

Amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai ditentukan berdasarkan pengiraan nilai sedang digunakan.

Andaian-andaian utama berikut telah diguna pakai dalam pengiraan nilai sedang digunakan:

	2024	2023
Kadar diskaun sebelum cukai	13.3%	13.8%
Kadar pertumbuhan terminal	1.0%	1.0%

Kadar diskaun yang diguna pakai ke atas unjuran aliran tunai ditanda aras dengan pesaing tempatan pada tarikh penilaian unit-unit penjanaan tunai berkenaan. Kadar diskaun sebelum cukai diperoleh dengan menghapus aliran tunai cukai dari nilai sedang digunakan selepas cukai, dan melalui lalaran, kadar diskaun sebelum cukai yang menjadikan nilai semasa aliran tunai diselaraskan bersamaan dengan nilai sedang digunakan yang dikira menggunakan aliran tunai selepas cukai.

Kadar pertumbuhan terminal mewakili kadar pertumbuhan yang digunakan untuk mengekstrapolasi aliran tunai sebelum cukai melebihi tempoh unjuran kewangan lima tahun yang mengambil kira inflasi semasa dan yang dijangka serta kadar pertumbuhan purata untuk industri telekomunikasi di Malaysia.

Kesan perubahan yang mungkin dalam andaian-andaian utama yang digunakan

Semakan yang dijalankan Kumpulan termasuk penilaian kesan terhadap perubahan dalam andaian-andaian utama. Berdasarkan kepada analisis kepekaan yang dilakukan, pengurusan telah merumuskan bahawa tiada perubahan yang mungkin secara munasabah dalam andaian-andaian utama akan menyebabkan amaun dibawa bagi unit penjanaan tunai B2B melebihi amaun boleh pulih.

- (b) Geran Kerajaan sebanyak RM0.1 juta (2023: RM6.7 juta) yang berkaitan dengan aset telah ditolak sebelum menentukan amaun dibawa bagi aset tak ketara pada 31 Disember 2024.

Amaun tambahan adalah bersih daripada geran Kerajaan berjumlah nil (2023: RM7.3 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

23. ASET HAK PENGGUNAAN

Kumpulan	Rangkaian Teleko- munikasi RM	Harta Mudah Alih dan Peralatan RM	Tanah RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih					
Pada 1 Januari 2024 (dinyatakan semula)	564.0	63.9	259.8	375.9	1,263.6
Tambahan (nota kecil (b))	89.5	1.3	1.1	130.0	221.9
Modifikasi	15.5	(0.2)	11.0	(18.5)	7.8
Penamatan	(28.4)	–	(0.1)	(13.0)	(41.5)
Susut nilai (nota 6(a) dan nota kecil (a))	(103.5)	(19.4)	(12.9)	(143.7)	(279.5)
Pindahan daripada hartanah, loji dan peralatan (nota 21)	10.6	–	–	–	10.6
Pada 31 Disember 2024	547.7	45.6	258.9	330.7	1,182.9
Pada 31 Disember 2024					
Kos	1,011.9	115.7	328.1	1,242.3	2,698.0
Susut nilai terkumpul	(464.2)	(70.1)	(69.2)	(269.2)	(872.7)
Rosot nilai terkumpul	–	–	–	(642.4)	(642.4)
Nilai Buku Bersih	547.7	45.6	258.9	330.7	1,182.9
Nilai Buku Bersih					
Pada 1 Januari 2023	483.2	63.6	258.5	348.4	1,153.7
Penyataan semula (nota 49)	(14.3)	–	(0.1)	(0.2)	(14.6)
Dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	468.9	63.6	258.4	348.2	1,139.1
Tambahan (nota kecil (b))	231.2	63.5	3.1	176.0	473.8
Modifikasi	(54.7)	(11.6)	9.4	69.4	12.5
Penamatan	(0.4)	(35.3)	–	(10.5)	(46.2)
Susut nilai (nota 6(a) dan nota kecil (a))	(82.9)	(16.3)	(11.1)	(178.3)	(288.6)
Pindahan daripada/(kepada) hartanah, loji dan peralatan (nota 21)	1.9	–	–	(28.9)	(27.0)
Pada 31 Disember 2023	564.0	63.9	259.8	375.9	1,263.6
Pada 31 Disember 2023					
Kos	914.9	122.1	316.6	1,498.8	2,852.4
Susut nilai terkumpul	(350.9)	(58.2)	(56.8)	(441.9)	(907.8)
Rosot nilai terkumpul	–	–	–	(681.0)	(681.0)
Nilai Buku Bersih	564.0	63.9	259.8	375.9	1,263.6

(a) Berikut adalah jumlah berkaitan dengan pajakan yang dinyatakan di dalam Penyata Pendapatan:

	2024 RM	2023 RM
Susut nilai aset hak penggunaan (nota 6(a))	279.5	288.6
Faedah untuk liabiliti pajakan (nota 9)	96.2	98.6
Perbelanjaan pajakan jangka pendek (nota 6(b))	32.8	27.9
Perbelanjaan aset bernilai rendah yang tidak ditunjukkan di atas sebagai perbelanjaan pajakan jangka pendek	1.3	7.0

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

23. ASET HAK PENGGUNAAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Rangkaian Teleko- munikasi RM	Harta Mudah Alih dan Peralatan RM	Tanah RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Nilai Buku Bersih					
Pada 1 Januari 2023	344.7	23.3	251.6	70.4	690.0
Penyataan semula (nota 49)	(14.3)	–	(0.1)	(0.2)	(14.6)
Dinyatakan semula pada 1 Januari 2023	330.4	23.3	251.5	70.2	675.4
Tambahan (nota kecil (b))	1.4	–	0.2	–	1.6
Modifikasi	–	–	#	–	#
Penamatan	(0.3)	(0.4)	–	(0.3)	(1.0)
Susut nilai	(11.3)	(2.2)	(1.8)	(4.3)	(19.6)
Penyusunan semula dalaman (nota 52):					
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	40.0	–	–	3.2	43.2
– dipindahkan kepada TM Tech	(360.2)	(20.7)	(249.9)	(68.8)	(699.6)
Pada 31 Disember 2023	–	–	–	–	–

Amaun kurang daripada RM0.1 juta

(b) Geran Kerajaan sebanyak RM9.7 juta (2023: RM11.6 juta) yang berkaitan dengan aset hak penggunaan telah ditolak sebelum menentukan amaun dibawa bagi aset hak penggunaan pada 31 Disember 2024.

Amaun tambahan adalah bersih daripada geran Kerajaan berjumlah nil (2023: RM0.2 juta).

24. ANAK-ANAK SYARIKAT

Syarikat	2024			2023		
	Malaysia RM	Luar Negara RM	Jumlah RM	Malaysia RM	Luar Negara RM	Jumlah RM
Pelaburan-pelaburan tidak disebut harga, pada kos	8,357.1	22.0	8,379.1	8,355.1	22.0	8,377.1
Rosot nilai terkumpul	(7.7)	–	(7.7)	(7.7)	–	(7.7)
	8,349.4	22.0	8,371.4	8,347.4	22.0	8,369.4
Sumbangan ekuiti						
– Opsyen yang diberikan kepada anggota-anggota anak-anak syarikat	13.1	–	13.1	13.1	–	13.1
– LTIP yang diberikan kepada anggota- anggota anak-anak syarikat	43.7	–	43.7	43.7	–	43.7
PELABURAN BERSIH DALAM ANAK- ANAK SYARIKAT	8,406.2	22.0	8,428.2	8,404.2	22.0	8,426.2

Rosot nilai terkumpul bagi pelaburan dalam anak-anak syarikat

	Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	7.7	1,869.5
Pengagihan aset yang timbul daripada anak-anak syarikat ekoran penyusunan semula dalaman	–	(405.1)
Penarikbalikan rosot nilai untuk pelaburan dalam anak-anak syarikat	–	(1,456.7)
Pada 31 Disember	7.7	7.7

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

24. ANAK-ANAK SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Kepentingan ekuiti efektif Kumpulan dalam anak-anak syarikat, aktiviti-aktiviti utama dan negara-negara diperbadankan masing-masing telah disenaraikan dalam nota 50. Selain daripada yang dinyatakan dalam nota 50, perkadaran hak mengundi Kumpulan dalam anak-anak syarikat yang dipegang oleh Kumpulan tidak berbeza daripada perkadaran saham biasa yang dipegang atau kepentingan ekuiti efektif Kumpulan dalam anak-anak syarikat tersebut.

Tiada sebarang sekatan penting terhadap keupayaan anak-anak syarikat untuk memindahkan dana dalam bentuk dividen dan pengagihan modal lain atau bagi pinjaman atau pendahuluan yang dibuat atau dibayar balik, kepada (atau daripada) Kumpulan.

Di bawah adalah maklumat kewangan yang diringkaskan untuk setiap anak syarikat yang mempunyai kepentingan tak mengawal yang penting kepada Kumpulan, sebelum apa-apa penyingkiran antara syarikat:

	Fiberail Sdn Bhd		Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Penyata Pendapatan yang Diringkaskan				
Hasil	173.7	206.7	127.7	112.3
Keuntungan sebelum cukai pendapatan	32.8	31.8	24.5	13.6
Belanja cukai pendapatan	(8.8)	(7.5)	(5.5)	(5.0)
Keuntungan selepas cukai dan jumlah pendapatan komprehensif	24.0	24.3	19.0	8.6
Jumlah pendapatan komprehensif yang diagihkan kepada kepentingan tak mengawal	11.0	11.2	9.3	4.2
Dividen dibayar kepada kepentingan tak mengawal	12.1	4.7	2.7	2.7
Penyata Kedudukan Kewangan yang Diringkaskan				
Aset semasa	199.6	222.1	114.3	76.2
Liabiliti semasa	(132.2)	(167.1)	(51.6)	(32.7)
Jumlah aset bersih semasa	67.4	55.0	62.7	43.5
Aset bukan semasa	266.4	289.3	81.4	89.3
Liabiliti bukan semasa	(103.3)	(113.5)	(21.9)	(18.7)
Jumlah aset bersih bukan semasa	163.1	175.8	59.5	70.6
Aset bersih	230.5	230.8	122.2	114.1
Kepentingan tak mengawal terkumpul	106.0	106.2	59.9	55.9
Penyata Aliran Tunai yang Diringkaskan				
Tunai yang dijana daripada operasi	61.6	121.6	27.9	7.7
Faedah yang dibayar	–	(5.6)	(0.7)	(0.1)
Cukai pendapatan (dibayar)/bayaran balik	(9.1)	(7.0)	4.4	(1.0)
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian	52.5	109.0	31.6	6.6
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan	(16.3)	(18.9)	(5.7)	(5.1)
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(46.1)	(21.7)	(11.0)	(10.3)
(Penyusutan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai	(9.9)	68.4	14.9	(8.8)
Kesan perubahan kadar pertukaran	–	–	(1.2)	(0.1)
Tunai dan kesamaan tunai pada awal tahun kewangan	172.4	104.0	13.7	22.6
Tunai dan kesamaan tunai pada akhir tahun kewangan	162.5	172.4	27.4	13.7

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

25. PINJAMAN DAN PENDAHULUAN KEPADA ANAK-ANAK SYARIKAT

	Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat	20.0	32.3
Rosot nilai terkumpul	(3.4)	(5.6)
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat (bersih)	16.6	26.7
Bahagian semasa	3.4	7.4
Bahagian bukan semasa	13.2	19.3
Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat	16.6	26.7

Pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat mewakili pinjaman dan pendahuluan pemegang saham bagi tujuan modal kerja. Pinjaman dan pendahuluan ini adalah tidak bercagar dan dikenakan faedah antara 4.12% hingga 6.89% (2023: 4.12% hingga 7.81%) dan akan matang di antara 1 hingga 4 tahun (2023: 1 hingga 5 tahun).

Pergerakan baki dan peruntukan untuk rosot nilai pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat dinyatakan seperti di bawah:

	Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	26.7	40.5
Pinjaman tambahan kepada anak-anak syarikat (nota 38)	5.0	–
Pembayaran balik daripada anak-anak syarikat (nota 38)	(15.6)	(14.6)
Penarikbalikan rosot nilai ke atas pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat	1.2	–
Perbezaan pertukaran asing	(0.7)	0.8
Faedah dikenakan (nota 7)	1.7	2.4
Dikelaskan semula sebagai belum terima lain	(1.7)	(2.4)
Pada 31 Disember	16.6	26.7

Peruntukan rosot nilai bagi pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat

	Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	5.6	14.5
Penarikbalikan rosot nilai ke atas pinjaman dan pendahuluan kepada anak-anak syarikat	(1.2)	–
Hapus kira	(1.0)	(8.9)
Pada 31 Disember (nota 4(a))	3.4	5.6

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

26. SYARIKAT BERSEKUTU/ENTITI YANG DIKAWAL BERSAMA

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Bahagian aset bersih dalam syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama		
Pelaburan tidak disebut harga	109.8	100.1
Bahagian keuntungan Kumpulan dalam syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama	8.1	13.1
Bahagian aset dan liabiliti Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah seperti berikut:		
Aset bukan semasa	72.5	74.2
Aset semasa	38.1	27.9
Liabiliti bukan semasa	(0.9)	(1.2)
Liabiliti semasa	(1.1)	(0.8)
Aset bersih	108.6	100.1
Bahagian aset dan liabiliti Kumpulan dalam entiti yang dikawal bersama adalah seperti berikut:		
Aset bukan semasa	1.9	–
Aset semasa	9.2	–
Liabiliti semasa	(9.9)	–
Aset bersih	1.2	–

Syarikat bersekutu dan entiti yang dikawal bersama Kumpulan tidak material kepada kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan.

Kepentingan ekuiti efektif Kumpulan dalam syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama, suatu syarikat yang tidak disebut harga, aktiviti-aktiviti utamanya dan negara di mana ia diperbadankan adalah disenaraikan dalam nota 51.

Tiada liabiliti luar jangka yang berkaitan dengan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama dan tiada sebarang sekatan penting terhadap keupayaan syarikat bersekutu/entiti yang dikawal bersama untuk memindahkan dana dalam bentuk dividen kepada Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

27(a). PELABURAN EKUITI PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI)

Pelaburan ekuiti pada FVOCI terdiri daripada pelaburan ekuiti individu tidak disebut harga.

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	136.5	149.1
Perubahan nilai saksama dipindahkan kepada pendapatan komprehensif lain (OCI)	2.3	(12.6)
Pada 31 Disember (nota 46)	138.8	136.5

Pelaburan ekuiti pada dasarnya diwakili oleh pelaburan Kumpulan dan Syarikat dalam Asean Cables Pte Ltd dan Labuan Reinsurance (L) Ltd. Dividen yang diterima oleh Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan berjumlah RM10.7 juta (2023: RM6.9 juta).

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Syarikat telah memilih secara tidak boleh ditarik balik untuk membentangkan perubahan nilai saksama pelaburan ekuiti bukan dagangan di atas dalam OCI. Kumpulan dan Syarikat menganggap klasifikasi ini lebih relevan kerana instrumen-instrumen ini merupakan pelaburan strategik Kumpulan dan Syarikat dan tidak dipegang untuk tujuan perdagangan.

27(b). PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI)

Pelaburan dalam bon tersenarai dan tidak tersenarai diklasifikasikan sebagai FVOCI, oleh kerana model perniagaan Kumpulan dan Syarikat dicapai melalui pengumpulan aliran tunai berkontrak dan penjualan aset-aset tersebut. Aliran tunai berkontrak daripada pelaburan ini adalah bayaran prinsipal dan faedah semata-mata.

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	70.4	66.5
Tambahan	26.1	11.6
Perubahan nilai saksama dipindahkan kepada OCI	0.2	1.3
Pelupusan	(24.1)	(8.8)
Pertambahan pendapatan pembiayaan (bersih)	0.3	(0.2)
Pada 31 Disember (nota 46)	72.9	70.4

Kualiti kredit bagi pelaburan dalam bon tersenarai dan tidak tersenarai adalah seperti berikut:

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
AAA	30.4	28.2
AA	37.5	35.2
A	5.0	7.0
	72.9	70.4

Peruntukan rosot nilai bagi pelaburan pada FVOCI

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari/Pada 31 Disember (nota 4(a))	1.2	1.2

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

27(c). PELABURAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN (FVTPL)

Pelaburan dalam dana pelaburan teknologi, dana amanah saham pendapatan tetap dan pelaburan tertentu dalam sukuk Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dinilai dikelaskan sebagai aset kewangan pada FVTPL. Pelaburan ini tidak memenuhi kriteria MFRS 9 untuk klasifikasi pada kos terlunas, kerana aliran tunainya tidak mewakili pembayaran prinsipal dan faedah semata-mata.

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	153.4	166.7
Pelaburan tambahan	2.8	7.3
Perubahan nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian (bersih)	(15.4)	10.3
Pelupusan	(24.6)	(27.1)
Yuran pengurusan	–	(0.9)
Perbezaan pertukaran asing	(4.9)	(2.9)
Pada 31 Disember	111.3	153.4
Bahagian semasa	0.2	3.3
Bahagian bukan semasa	111.1	150.1
JUMLAH PELABURAN PADA FVTPL (nota 46)	111.3	153.4

28. BELUM TERIMA PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI)

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	52.3	155.4	–	155.4
Tambahan (termasuk faedah)	15.7	18.6	–	4.1
Pembayaran balik (selepas ditolak penukaran)	(6.5)	(9.8)	–	(3.2)
Pelupusan (nota 29(i)(a))	–	(130.2)	–	(130.2)
Pelunasan bayaran terdahulu	(1.4)	16.4	–	–
Rosot nilai dikelaskan semula kepada belum terima/aset bukan semasa lain	0.6	0.2	–	–
Perubahan nilai saksama dipindahkan kepada OCI	0.4	1.7	–	–
Dipindahkan kepada TM Tech ekoran penyusunan semula dalam (nota 52)	–	–	–	(26.1)
JUMLAH BELUM TERIMA PADA FVOCI (bersih)	61.1	52.3	–	–
Bahagian semasa	3.0	2.6	–	–
Bahagian bukan semasa	58.1	49.7	–	–
JUMLAH BELUM TERIMA PADA FVOCI (bersih) (nota 46)	61.1	52.3	–	–

Belum terima pada FVOCI terdiri daripada pinjaman perumahan yang dilanjutkan kepada anggota. Pinjaman ini dilupuskan kepada pihak ketiga apabila keadaan tertentu yang telah ditetapkan dipenuhi. Butiran mengenai pinjaman perumahan kepada anggota adalah seperti dinyatakan di nota 29(i).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

28. BELUM TERIMA PADA NILAI SAKSAMA MELALUI PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (FVOCI) (SAMBUNGAN)

Peruntukan rosot nilai bagi belum terima pada FVOCI

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	10.8	11.0	–	11.0
Rosot nilai dikelaskan semula kepada belum terima/aset bukan semasa lain	(0.6)	(0.2)	–	–
Dipindahkan kepada TM Tech ekoran penyusunan dalaman (nota 52)	–	–	–	(11.0)
Pada 31 Disember (nota 4(a))	10.2	10.8	–	–

29. BELUM TERIMA/ASET BUKAN SEMASA LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pinjaman anggota pada kos terlunas – di bawah prinsip Islam (nota 46)	17.6	16.0	–	–
Jumlah pinjaman anggota (nota kecil (i))	17.6	16.0	–	–
Aset bukan semasa lain (nota 46)	29.8	288.3	–	261.2
– deposit lain (nota kecil (ii))	35.4	42.8	–	–
– belum terima lain				
Pinjaman anggota dan aset bukan semasa lain, mewakili aset kewangan pada kos terlunas	82.8	347.1	–	261.2
Aset bukan semasa lain				
– bayaran pendahuluan (nota kecil (iii))	–	233.2	–	233.2
– bayaran terdahulu (nota kecil (iii))	241.2	23.8	–	–
Manfaat prabayar anggota	13.6	11.6	–	–
	337.6	615.7	–	494.4
Pinjaman anggota belum diterima dalam tempoh dua belas bulan yang termasuk di bawah belum terima lain (nota 32)	(4.9)	(4.8)	–	–
JUMLAH BELUM TERIMA/ASET BUKAN SEMASA LAIN	332.7	610.9	–	494.4

Peruntukan rosot nilai bagi belum terima/aset bukan semasa lain

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pada 1 Januari	2.3	2.1	–	2.1
Pengelasan semula rosot nilai daripada rosot nilai belum terima pada FVOCI	0.6	0.2	–	–
	2.9	2.3	–	2.1
Dipindahkan kepada TM Tech ekoran penyusunan semula dalaman	–	–	–	(2.1)
Pada 31 Disember (nota 4(a))	2.9	2.3	–	–

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

29. BELUM TERIMA/ASET BUKAN SEMASA LAIN (SAMBUNGAN)

- (i) Pinjaman anggota terdiri daripada pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dan keahlian kelab yang ditawarkan kepada anggota-anggota dengan kos pembiayaan berkontrak sebanyak 4.0% setahun berdasarkan baki berkurangan kecuali untuk pinjaman keahlian kelab yang bebas kos pembiayaan.

Pinjaman perumahan diklasifikasikan sebagai belum terima pada FVOCI seperti yang dinyatakan dalam nota 28 manakala baki pinjaman anggota diklasifikasikan sebagai belum terima pada kos terlunas di bawah nota 29. Tiada sebarang pendedahan risiko kredit tunggal yang ketara kerana sebahagian besar amaun tersebut boleh diterima daripada individu. Pinjaman anggota termasuk kos pembiayaan, boleh dibayar balik secara ansuran bulanan tetap seperti berikut:

- Pinjaman perumahan – tempoh maksimum adalah sehingga umur pensen anggota (pada usia 60 tahun)
- Pinjaman kenderaan – maksimum 9 tahun untuk kereta-kereta baru dan 7 tahun untuk kereta-kereta terpakai
- Pinjaman komputer – 3 tahun

Risiko kredit yang timbul daripada pinjaman anggota dikurangkan dengan penguatkuasaan potongan gaji sebagai satu kaedah pembayaran balik. Tambahan pula, cagaran diperoleh untuk yang berikut:

- Pinjaman perumahan – gadaian tanah yang didaftar dan penyerahan hak ke atas hartanah yang dibiayai
- Pinjaman kenderaan – tuntutan hak milik ke atas kenderaan yang dibiayai

- (a) Pada tahun kewangan sebelumnya, Syarikat telah melupuskan pinjaman perumahan anggota bernilai RM130.2 juta dengan pertimbangan tunai sebanyak RM127.6 juta berikutan Perjanjian Jual Beli (S&P) yang dimeterai pada 27 Mei 2009 dengan AmMortgage One Berhad (AmMortgage One), sebuah anak syarikat milik penuh AmBank (M) Berhad (AmBank). Seiringan dengan Persetujuan S&P, satu Perjanjian Perkhidmatan antara Syarikat, AmMortgage One dan AmBank turut dilaksanakan. Persetujuan ini mencerminkan AmBank sebagai pembekal sumber luaran untuk pengendalian perkhidmatan pinjaman secara gadai janji Syarikat.

- (ii) Syarikat telah memeterai dua perjanjian deposit dengan institusi kewangan pada tahun 2011 dengan kematangan pada 1 Ogos 2025 yang mana Syarikat akan mendeposit sebanyak RM4.1 juta dan RM4.2 juta masing-masing setiap enam bulan sehingga tarikh kematangan deposit. Pada tempoh matang, Syarikat akan berhak untuk menerima pembayaran balik deposit sebanyak RM154.0 juta dan RM156.5 juta masing-masing. Deposit-deposit berkenaan dicagarkan oleh Bon Kerajaan Malaysia.

Deposit-deposit tersebut secara berkesannya mewujudkan dana terikat dengan nilai terjamin sebanyak RM154.0 juta dan RM156.5 juta masing-masing pada 1 Ogos 2025 bagi pembayaran balik Debentur Syarikat. Sehubungan itu, deposit-deposit tersebut telah diklasifikasikan semula kepada aset semasa untuk tahun kewangan semasa.

- (iii) Pada tahun kewangan yang lepas, Kerajaan Malaysia (GoM) telah mengumumkan pada 3 Mei 2023 pelaksanaan rangkaian 5G dalam 2 fasa. Dalam Fasa 1, Digital Nasional Berhad (DNB) akan meneruskan pelancaran rangkaian 5G untuk mencapai sasaran Liputan Kawasan Berpenduduk (CoPA) menjelang akhir 2023. Dalam Fasa 2, Rangkaian Borong Tunggal sedia ada akan beralih kepada Dwirangkaian berdasarkan syarat-syarat yang selaras dengan amalan global.

Berkaitan dengan Fasa 1 di atas, Syarikat telah pada 1 Disember 2023 melaksanakan Perjanjian Langganan Saham (SSA) dengan Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MoF Inc.) dan DNB. Sebagai sebahagian daripada SSA, Syarikat telah membayar RM233.2 juta sebagai bayaran pendahuluan Perjanjian Akses (AA), yang akan dianggap sebagai pendahuluan pemegang saham kepada DNB tertakluk kepada pemenuhan Syarat Keutamaan Pendahuluan Pemegang Saham (SACP) yang berkaitan. Sehingga 31 Disember 2023, SACP masih belum dipenuhi.

Syarikat telah pada 18 Julai 2024 memohon lanjutan Tarikh Akhirnya pada 21 Ogos 2024 untuk memenuhi SACP di bawah SSA, yang tidak diterima oleh DNB. Seterusnya, Syarikat menerima notis penamatan SSA melalui surat daripada DNB bertarikh 23 Ogos 2024.

Berikutan dengan penamatan SSA pada 23 Ogos 2024, Syarikat berhak untuk menebus bayaran pendahuluan AA sebanyak RM233.2 juta terhadap sebarang invois yang tidak dipertikaikan yang dikeluarkan oleh DNB bagi perkhidmatan yang diberikan di bawah AA bermula dari 24 Ogos 2024. Sehubungan itu, bayaran pendahuluan AA telah diklasifikasikan semula daripada bayaran pendahuluan kepada bayaran terdahulu pada tahun kewangan semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

30. INVENTORI

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Peralatan telekomunikasi	13.7	32.6
Kapasiti dipegang untuk dijual semula	147.8	126.7
Tanah dipegang untuk dijual	39.9	39.9
Lain-lain	0.3	5.4
JUMLAH INVENTORI	201.7	204.6

31. ASET KOS KONTRAK

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Aset yang diiktiraf daripada kos yang ditanggung untuk memperoleh dan memenuhi kontrak pada 1 Januari	357.3	420.7	–	375.2
– Tambahan daripada kontrak pelanggan bagi perkhidmatan yang belum dibekalkan kerana obligasi pelaksanaan belum dipenuhi	259.9	361.3	–	59.6
– Pelunasan	(354.6)	(424.7)	–	(63.3)
– Penyusunan semula dalaman (nota 52):				
– dipindahkan daripada anak-anak syarikat	–	–	–	66.0
– dipindahkan kepada TM Tech	–	–	–	(437.5)
Aset yang diiktiraf daripada kos yang ditanggung untuk memperoleh dan memenuhi kontrak pada 31 Disember	262.6	357.3	–	–

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

32. BELUM TERIMA PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Belum terima daripada pelanggan luar	1,449.6	1,314.8	–	–
Belum terima daripada anak-anak syarikat	–	–	0.7	–
Belum terima daripada syarikat bersekutu	–	0.7	–	–
	1,449.6	1,315.5	0.7	–
Rosot nilai				
– pelanggan luar	(611.9)	(591.2)	–	–
	837.7	724.3	0.7	–
Perolehan terakru*	210.5	129.2	–	–
Jumlah belum terima perdagangan (bersih)	1,048.2	853.5	0.7	–
Belum terima lain daripada anak-anak syarikat	–	–	249.0	2.0
Belum terima lain	803.8	656.2	394.2	407.1
Rosot nilai bagi belum terima lain				
– pelanggan luar	(135.9)	(141.2)	–	–
– anak-anak syarikat	–	–	(0.5)	(0.3)
Jumlah belum terima perdagangan dan lain-lain, mewakili aset kewangan pada kos terlunas	1,716.1	1,368.5	643.4	408.8
Bayaran terdahulu	505.8	382.7	1.2	0.6
Geran boleh pulih	249.1	456.4	–	–
Cukai boleh pulih	42.1	62.6	–	12.0
Pinjaman anggota (nota 29)	4.9	4.8	–	–
	801.9	906.5	1.2	12.6
JUMLAH BELUM TERIMA PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (bersih)	2,518.0	2,275.0	644.6	421.4

* Termasuk dalam perolehan terakru adalah amaun belum dibilkan bagi kontrak pajakan untuk perkhidmatan yang dibekalkan dalam urusan perniagaan biasa.

Sejumlah amaun belum terima perdagangan telah tertakluk kepada pengimbangan dengan belum bayar perdagangan di mana baki ini adalah daripada urus niaga yang dibuat dengan pihak berurusan yang sama dan diselesaikan pada asas bersih, diringkaskan seperti berikut:

	2024			2023		
	Jumlah kasar belum terima perdagangan RM	Jumlah kasar belum bayar perdagangan dan akruan yang ditolak dengan belum terima perdagangan (nota 35) RM	Jumlah bersih belum terima perdagangan RM	Jumlah kasar belum terima perdagangan RM	Jumlah kasar belum bayar perdagangan dan akruan yang ditolak dengan belum terima perdagangan (nota 35) RM	Jumlah bersih belum terima perdagangan RM
Kumpulan	1,078.3	(30.1)	1,048.2	920.2	(66.7)	853.5
Syarikat	0.7	–	0.7	–	–	–

Bagi belum terima perdagangan dan belum bayar perdagangan yang tertakluk kepada pengaturan penyelesaian secara bersih di atas, setiap perjanjian antara Kumpulan dan pihak-pihak yang berurusan dilaksanakan secara penyelesaian bersih, termasuk dalam kejadian mungkin bayar.

Analisis pergerakan dan baki peruntukan kerugian dinyatakan di bawah nota 4(a)(ii).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

32. BELUM TERIMA PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

Kumpulan dan Syarikat tidak terdedah kepada penumpuan risiko kredit yang ketara disebabkan oleh kepelbagaian asas pelanggannya. Analisis belum terima perdagangan mengikut kluster perniagaan dianggap sebagai pendedahan yang paling sesuai bagi penumpuan risiko kredit. Tambahan pula, risiko kredit dikurangkan hingga ke suatu tahap tertentu melalui deposit tunai (nota 36) dan jaminan bank yang diperoleh daripada pelanggan berjumlah RM39.0 juta (2023: RM41.0 juta) di peringkat Kumpulan. Kumpulan dan Syarikat berpendapat bahawa peruntukan rosot nilai pada tarikh pelaporan adalah mencukupi untuk menampung potensi kerugian kewangan.

Tempoh kredit bagi belum terima perdagangan adalah antara 30 hingga 90 hari (2023: 30 hingga 90 hari).

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit pada tarikh pelaporan adalah jumlah amaun dibawa setiap tahun belum terima seperti yang dinyatakan di atas.

Pemulihan belum terima perdagangan dan lain-lain yang dihapus kira Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM8.5 juta (2023: RM7.0 juta). Sehubungan itu, pemulihan belum terima perdagangan dan lain-lain yang dihapus kira Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah nil (2023: RM1.1 juta).

33. ASET KEWANGAN PADA NILAI SAKSAMA MELALUI KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN (FVTPL)

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
Sekuriti ekuiti disebut harga di Bursa Securities (nota 46)	2.5	2.3
JUMLAH ASET KEWANGAN PADA FVTPL	2.5	2.3

34. TUNAI DAN BAKI BANK

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Deposit dengan bank berlesen (nota 46):				
– Konvensional	916.0	842.9	488.2	512.9
– Prinsip Islam	1,611.8	1,371.0	279.3	123.6
Jumlah deposit dengan bank berlesen	2,527.8	2,213.9	767.5	636.5
Tunai dan baki bank (nota 46):				
– Konvensional	459.9	648.6	6.6	0.4
– Prinsip Islam	108.5	92.7	0.5	1.1
JUMLAH TUNAI DAN BAKI BANK	3,096.2	2,955.2	774.6	638.0
Tolak:				
Wang dipegang dalam amanah (nota kecil (a))/				
Deposit bercagar	(118.7)	(254.4)	–	–
Deposit dengan tempoh matang melebihi 3 bulan	(4.4)	(2.9)	–	–
JUMLAH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	2,973.1	2,697.9	774.6	638.0

(a) Termasuk dalam wang dipegang dalam amanah di peringkat Kumpulan adalah baki bank berjumlah USD26.4 juta (RM118.0 juta) (2023: USD54.9 juta (RM253.3 juta)) yang dimiliki oleh sebuah konsortium syarikat telekomunikasi antarabangsa yang melabur secara bersama dalam kabel dasar laut antarabangsa. Wang ini dipegang dalam amanah oleh salah satu anak syarikat yang menjalankan fungsinya selaku pihak pengagihan pusat yang dilantik kepada konsortium tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

34. TUNAI DAN BAKI BANK (SAMBUNGAN)

Deposit ini terutamanya ditempatkan dengan sebilangan institusi kewangan yang mempunyai taraf kredit yang berwibawa. Tiada penumpuan deposit yang ketara dalam sesebuah institusi kewangan tunggal. Kualiti kredit bagi institusi kewangan di mana tunai dan deposit ditempatkan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
AAA	409.7	1,334.7	3.1	516.0
AA	1,588.7	1,004.8	562.6	121.5
A	834.4	530.3	33.6	0.5
NR (nota kecil (b))	263.4	85.4	175.3	–
	3,096.2	2,955.2	774.6	638.0

(b) Terutamanya merangkumi deposit yang ditempatkan dengan institusi kewangan asing yang mempunyai penarafan yang setara kedaulatan.

Deposit mempunyai tempoh matang dari semalaman hingga 90 hari (2023: dari semalaman hingga 90 hari) bagi Kumpulan dan dari semalaman hingga 30 hari (2023: dari semalaman hingga 30 hari) bagi Syarikat. Baki bank adalah deposit yang disimpan dan sedia ditunaikan di bank.

Purata wajaran kadar faedah bagi deposit pada 31 Disember 2024 adalah 4.30% (2023: 4.29%) bagi Kumpulan dan 4.56% (2023: 5.20%) bagi Syarikat.

35. BELUM BAYAR PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula	2024 RM	2023 RM
Belum bayar perdagangan dan akruan	1,818.6	1,668.0	4.2	0.3
Wang dipegang dalam amanah (nota 34(a))/Deposit bercagar	118.7	254.4	–	–
Deposit dan wang amanah	36.9	58.3	–	–
Kos pembiayaan belum bayar	50.6	59.5	29.8	30.7
Belum bayar kepada anak-anak syarikat (nota kecil (a))	–	–	119.6	587.9
Belum bayar lain dan akruan	823.2	663.1	9.1	6.1
Jumlah belum bayar perdagangan dan lain-lain, mewakili liabiliti kewangan pada kos terlunas (nota 46)	2,848.0	2,703.3	162.7	625.0
Belum bayar untuk Penyediaan Perkhidmatan Sejagat	306.8	164.5	–	–
Hasil tertunda	127.6	260.4	–	–
Duti dan cukai-cukai lain belum bayar	80.5	55.1	–	1.0
Peruntukan program-program pemisahan sukarela (nota kecil (b))	15.0	8.1	–	–
Peruntukan kos melerai	31.5	34.7	–	–
	3,409.4	3,226.1	162.7	626.0
Bahagian semasa	3,270.4	3,033.3	162.7	626.0
Bahagian bukan semasa	139.0	192.8	–	–
JUMLAH BELUM BAYAR PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN	3,409.4	3,226.1	162.7	626.0

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

35. BELUM BAYAR PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

- (a) Termasuk lebihan dana anak-anak syarikat yang diuruskan dan dilaburkan oleh Syarikat, yang dikenakan bayaran faedah seperti yang dinyatakan dalam nota 44(b)(ii).
- (b) Peruntukan program-program pemisahan sukarela untuk anggota-anggota yang layak

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan terus mengumumkan beberapa siri tawaran di bawah program-program pemisahan sukarela. Anggota-anggota yang layak dan menerima tawaran pemisahan sukarela telah diberi pampasan menerusi insentif-insentif khas serta faedah-faedah yang ditetapkan dalam jangka masa 12 bulan.

Kesan kewangan yang dijangka bagi skim ini yang melibatkan bayaran pampasan dibuat dalam *tranche* secara berperingkat dalam tempoh 12 bulan bagi tahun kewangan di mana penerimaan dibuat, telah diiktiraf dalam penyata kewangan berdasarkan bilangan anggota yang telah menerima tawaran ini pada akhir tahun kewangan tersebut.

Sejumlah amaun belum bayar perdagangan dan akruan telah tertakluk kepada pengimbangan dengan belum terima perdagangan di mana baki ini adalah daripada urus niaga yang dibuat dengan pihak berurusan yang sama dan diselesaikan pada asas bersih, diringkaskan seperti berikut:

	2024			2023		
	Jumlah kasar belum bayar perdagangan dan akruan RM	Jumlah kasar belum terima perdagangan yang ditolak dengan belum bayar perdagangan dan akruan (nota 32) RM	Jumlah bersih belum bayar perdagangan dan akruan RM	Jumlah kasar belum bayar perdagangan dan akruan RM	Jumlah kasar belum terima perdagangan yang ditolak dengan belum bayar perdagangan dan akruan (nota 32) RM	Jumlah bersih belum bayar perdagangan dan akruan RM
Kumpulan	1,848.7	(30.1)	1,818.6	1,734.7	(66.7)	1,668.0
Syarikat	4.2	–	4.2	0.3	–	0.3

Tempoh kredit bagi belum bayar perdagangan dan lain-lain tidak termasuk akruan berbeza-beza antara 30 hingga 90 hari (2023: 30 hingga 90 hari) bergantung kepada terma-terma kontrak.

36. DEPOSIT PELANGGAN

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
Perkhidmatan telefon	87.7	127.2
Perkhidmatan data	8.8	8.3
JUMLAH DEPOSIT PELANGGAN (nota 46)	96.5	135.5

Deposit pelanggan akan dikembalikan sekiranya pelanggan menamatkan perkhidmatan yang diberikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

37. ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Kendalian berterusan				
Penerimaan daripada pelanggan	11,406.3	12,115.2	354.3	–
Pembayaran kepada pembekal dan anggota (Pembayaran kepada)/Penerimaan daripada wang dipegang dalam amanah/deposit bercagar	(6,710.0)	(7,726.0)	(468.3)	–
Pembayaran kepada pembekal untuk pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah	(135.7)	20.1	–	–
Pembayaran kos pembiayaan	(34.1)	(34.9)	–	–
Pembayaran cukai pendapatan dan zakat (bersih)	(217.5)	(284.2)	(64.4)	(77.3)
Dividen diterima	(298.4)	(404.1)	(12.3)	–
	–	–	1,383.8	703.6
	4,010.6	3,686.1	1,193.1	626.3
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti kendalian bagi kendalian dihentikan	–	–	–	(59.0)
JUMLAH ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN	4,010.6	3,686.1	1,193.1	567.3

38. ALIRAN TUNAI (DIGUNAKAN DALAM)/DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Kendalian berterusan				
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	–	–	(1.8)	(426.2)
Sumbangan daripada geran Kerajaan bagi pembelian hartanah, loji dan peralatan	265.5	321.7	–	–
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	5.8	6.8	–	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara	(1,380.9)	(2,193.1)	–	–
Perolehan entiti yang dikawal bersama	(1.8)	–	–	–
Pelupusan/Kematangan pelaburan semasa pada FVOCI	24.1	8.8	24.1	8.8
Pembelian pelaburan semasa pada FVOCI	(26.1)	(11.6)	(26.1)	(11.6)
Pembelian pelaburan pada FVTPL	(2.8)	(7.3)	(2.8)	(7.3)
Pelupusan pelaburan pada FVTPL	24.6	27.1	24.6	27.1
Depositi jangka panjang	(16.6)	(16.6)	(16.6)	(16.6)
Depositi dengan kematangan melebihi 3 bulan	(1.5)	(2.1)	–	–
Pinjaman tambahan kepada anak-anak syarikat	–	–	(5.0)	–
Pembayaran balik daripada anak-anak syarikat - pinjaman dan pendahuluan	–	–	15.6	14.6
Pembayaran balik pinjaman oleh anggota	14.7	18.6	–	–
Pinjaman kepada anggota	(23.1)	(19.4)	–	–
Pelupusan pinjaman perumahan	–	127.6	–	–
Faedah/Keuntungan diterima	105.9	88.7	24.7	24.8
Dividen diterima	10.0	6.9	–	–
	(1,002.2)	(1,643.9)	36.7	(386.4)
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan bagi kendalian dihentikan	–	–	–	(471.9)
JUMLAH ALIRAN TUNAI (DIGUNAKAN DALAM)/DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	(1,002.2)	(1,643.9)	36.7	(858.3)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

39. ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Kendalian berterusan				
Hasil daripada peminjaman	–	30.0	–	–
Pembayaran balik peminjaman	(1,223.7)	(605.4)	(0.2)	(262.7)
Pembayaran balik pajakan liabiliti	(394.9)	(455.3)	–	–
Dividen dibayar kepada pemegang saham	(1,074.5)	(649.6)	(1,074.5)	(649.6)
Dividen dibayar kepada kepentingan tak mengawal	(15.4)	(7.5)	–	–
	(2,708.5)	(1,687.8)	(1,074.7)	(912.3)
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pembiayaan bagi kendalian dihentikan	–	–	–	(58.7)
JUMLAH ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN	(2,708.5)	(1,687.8)	(1,074.7)	(971.0)

Perubahan liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan:

	Pada 1 Januari 2024 RM	Aliran Tunai RM	Perubahan bukan tunai				Pada 31 Disember 2024 RM
			Pertambahan Faedah RM	Pergerakan Pertukaran Asing RM	Pajakan Baru RM	Lain-lain RM	
Kumpulan							
Peminjaman	(4,763.2)	1,223.7	(1.4)	50.0	–	–	(3,490.9)
Pajakan liabiliti	(1,857.6)	394.9	(96.2)	–	(154.3)	13.3	(1,699.9)
	(6,620.8)	1,618.6	(97.6)	50.0	(154.3)	13.3	(5,190.8)

	Pada 1 Januari 2024 RM	Aliran Tunai RM	Perubahan bukan tunai				Pada 31 Disember 2024 RM
			Pertambahan Faedah RM	Pergerakan Pertukaran Asing RM	Pajakan Baru RM	Lain-lain RM	
Syarikat							
Peminjaman	(1,112.1)	0.2	(0.2)	32.7	–	–	(1,079.4)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

39. ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN (SAMBUNGAN)

Perubahan liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan: (sambungan)

	Pada 1 Januari 2023 RM	Aliran Tunai RM	Perubahan bukan tunai				Pada 31 Disember 2023 RM
			Pertambahan Faedah RM	Pergerakan Pertukaran Asing RM	Pajakan Baru RM	Lain-lain RM	
Kumpulan							
Peminjaman	(5,269.3)	575.4	(1.6)	(67.7)	–	–	(4,763.2)
Pajakan liabiliti	(1,774.5)	455.3	(98.6)	–	(439.8)	–	(1,857.6)
	(7,043.8)	1,030.7	(100.2)	(67.7)	(439.8)	–	(6,620.8)

	Pada 1 Januari 2023 RM	Aliran Tunai RM	Perubahan bukan tunai						Pada 31 Disember 2023 RM
			Pertambahan Faedah RM	Pergerakan Pertukaran Asing RM	Pajakan Baru RM	Lain-lain RM	Penyusunan semula dalam (nota 52)		
							Dipindahkan daripada anak-anak syarikat RM	Dipindahkan kepada TM Tech RM	
Syarikat									
Peminjaman	(4,672.5)	262.7	(0.4)	(44.9)	–	–	(9.6)	3,352.6	(1,112.1)
Pajakan liabiliti	(729.3)	58.7	(6.3)	–	(1.7)	1.2	(45.6)	723.0	–
Belum bayar kepada anak syarikat	(552.2)	–	(0.1)	(6.7)	–	–	–	559.0	–
	(5,954.0)	321.4	(6.8)	(51.6)	(1.7)	1.2	(55.2)	4,634.6	(1,112.1)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

40. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN

Berikut adalah urus niaga dan baki penting pihak berkaitan, selain urus niaga dan baki pihak berkaitan yang dinyatakan di bahagian lain penyata kewangan:

(a) Urus niaga penting dengan anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu

Syarikat mempunyai urus niaga penting pihak berkaitan dengan anak-anak syarikat dan syarikat bersekutunya, seperti dinyatakan di bawah:

BlueTel Networks Pte Ltd
Fiberail Sdn Bhd
Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd
GITN Sdn Berhad
TM Technology Services Sdn Bhd
Telekom Malaysia (Australia) Pty Ltd
Telekom Malaysia (Hong Kong) Limited
Telekom Malaysia (S) Pte Ltd
Telekom Malaysia (UK) Limited
Telekom Malaysia (USA) Inc
Telekom Research & Development Sdn Bhd
TM Facilities Sdn Bhd
TMF Autolease Sdn Bhd
Universiti Telekom Sdn Bhd
VADS Business Process Sdn Bhd

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
(i) Penjualan barangan dan pemberian perkhidmatan kepada syarikat bersekutu				
– perkhidmatan berkaitan telekomunikasi	8.0	7.9	–	–
(ii) Pembelian barangan dan perkhidmatan daripada syarikat bersekutu				
– perkhidmatan berkaitan telekomunikasi	44.1	63.6	–	–
(iii) Dividen dan pendapatan faedah daripada anak-anak syarikat	–	–	1,423.7	696.7

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

40. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(b) Baki akhir tahun yang timbul daripada:

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
(i) Penjualan/Pembelian barangan/perkhidmatan				
– belum terima daripada anak-anak syarikat	–	–	0.7	–
– belum terima daripada syarikat bersekutu	–	0.7	–	–
– belum bayar kepada anak-anak syarikat	–	–	108.8	172.2
– belum bayar kepada syarikat bersekutu	3.3	16.6	–	–
(ii) Belum terima dan bayar lain				
– belum bayar kepada anak-anak syarikat	–	–	10.8	322.9
– belum terima daripada anak-anak syarikat	–	–	248.5	1.7

Belum terima daripada/belum bayar kepada pihak-pihak berkaitan di atas, timbul terutamanya daripada urus niaga penjualan/ pembelian yang mempunyai tempoh kredit selama 30 hingga 90 hari. Belum terima/belum bayar tersebut adalah tidak bercagar dan tanpa faedah.

Belum bayar lain kepada anak-anak syarikat merangkumi geran kerajaan yang diterima bagi pihak anak syarikat.

(c) Anggota pengurusan utama

Anggota pengurusan utama adalah anggota yang berautoriti dan bertanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan atau Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Konsisten dengan tahun kewangan yang lepas, anggota pengurusan utama telah ditakrif sebagai para Pengarah (eksekutif dan bukan eksekutif) Syarikat dan ketua atau pegawai pengurusan kanan yang menganggotai Jawatankuasa Pengurusan masing-masing untuk Kumpulan dan Syarikat.

Apabila wujud, urus niaga pihak berkaitan juga merangkumi urus niaga dengan entiti-entiti dikawal, entiti-entiti dikawal bersama atau dipengaruhi dengan nyata sekali, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana anggota pengurusan utama atau oleh ahli keluarga mereka yang rapat.

	Kumpulan		Syarikat	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Pampasan anggota-anggota pengurusan utama [@]				
– yuran	2.5	3.1	2.5	2.3
– gaji, elaun dan bonus	22.4	25.1	–	–
– LTIP	0.3	6.1	–	–
– caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	3.1	3.5	–	–
– anggaran nilai wang bagi manfaat	0.7	1.6	–	–

[@] Termasuk imbuhan para Pengarah (sama ada eksekutif atau sebaliknya) seperti dinyatakan dalam nota 6(b).

Tambahan pula, beberapa anggota pengurusan utama mempunyai ahli keluarga yang berkhidmat sebagai pegawai di Kumpulan dengan jumlah imbuhan sebanyak nil (2023: RM0.2 juta).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

40. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

(d) Entiti berkaitan Kerajaan

Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) adalah pemegang saham utama dengan kepentingan ekuiti sebanyak 20.10% (2023: 20.10%) dan adalah pihak berkaitan Kumpulan dan Syarikat. Khazanah ialah sebuah entiti milik penuh MoF Inc., yang juga dimiliki oleh Kementerian Kewangan, sebuah kementerian di dalam Kerajaan Persekutuan Malaysia. Oleh itu, Kerajaan Malaysia dan badan-badan yang dikawal atau dikawal bersama oleh Kerajaan Malaysia juga merupakan pihak berkaitan kepada Kumpulan.

Urus niaga penting secara individu yang dimeterai oleh Kumpulan dengan pihak berkaitan yang dikenal pasti dan baki sepadan bagi penyediaan perkhidmatan berkaitan telekomunikasi pada tarikh pelaporan masing-masing adalah seperti berikut:

	Jumlah urus niaga penting individu		Baki tertunggak yang sepadan	
	2024 RM	2023 RM	2024 RM	2023 RM
Kumpulan				
Jualan dan Belum Terima	787.3	720.3	53.9	47.5

Kumpulan juga mempunyai kontrak penting secara individu dengan entiti berkaitan Kerajaan lain di mana Kumpulan telah disediakan dana bagi projek-projek di mana pelunasan geran kepada Penyata Pendapatan dalam tahun kewangan semasa adalah sebanyak RM38.0 juta (2023: RM49.8 juta) dengan belum terima sepadan berjumlah RM118.7 juta (2023: RM329.6 juta).

Tambahan daripada yang didedahkan di atas, Kumpulan mempunyai urus niaga penting secara berkumpulan, tetapi bukan secara individu, dengan entiti-entiti berkaitan Kerajaan yang lain berhubung dengan penyediaan perkhidmatan berkaitan telekomunikasi serta perolehan telekomunikasi dan peralatan serta perkhidmatan berkaitan dalam urusan biasa perniagaan.

41. KOMITMEN MODAL DAN LAIN-LAIN

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
(a) Hartanah, Loji dan Peralatan		
Komitmen berhubung dengan perbelanjaan yang telah dilulus dan dikontrakkan	2,249.3	2,355.2

	Kumpulan dan Syarikat	
	2024 RM	2023 RM
(b) Pelaburan pada FVTPL		
Baki komitmen modal Kumpulan di dana pelaburan teknologi (didedahkan sebagai sebahagian daripada Pelaburan Bukan Semasa pada FVTPL Kumpulan)	11.6	14.8

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

41. KOMITMEN MODAL DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM
(c) Amaun yang telah diluluskan dan terikat		
Sumbangan melalui Yayasan Telekom Malaysia	24.8	27.0
(d) ST Dynamo DC Sdn Bhd (ST Dynamo DC)		
(i) Pada 18 Jun 2024, TM DC Educity Sdn Bhd, anak syarikat tidak langsung milik penuh Syarikat yang dipegang melalui TM DC Holdings Sdn Bhd, telah memeterai perjanjian usaha sama bersyarat (JVA) dengan Nxera MY Pte. Ltd dan ST Dynamo DC untuk bersama-sama membangun, menubuhkan dan/atau mengendalikan fasiliti pusat data hijau (greenfield) di Johor, Malaysia melalui Syarikat JV bagi tujuan JVA tersebut.		
(ii) Pada 30 September 2024, Syarikat telah mengumumkan pelaksanaan JVA yang tersebut di atas. Setelah pelaksanaan dan penyiapan perjanjian tersebut, Syarikat secara tidak langsung memegang 51% daripada jumlah modal yang dikeluarkan dan dibayar penuh dalam ST Dynamo DC, syarikat usaha sama tersebut.		
(iii) Baki pembiayaan ekuiti yang dijamin oleh Kumpulan untuk ST Dynamo DC berjumlah RM585.9 juta.		

42. PELAPORAN SEGMENT

Segmen operasi dilaporkan dalam kaedah konsisten seperti laporan dalaman yang disediakan kepada Ketua Pembuat Keputusan Operasi (CODM), yang bertanggungjawab mengagihkan sumber dan memantau prestasi segmen operasi termasuk membuat keputusan strategik secara menyeluruh.

Kumpulan telah mengenalpasti segmen tunggal yang boleh dilaporkan bagi perkhidmatan konvergensi mudah alih-tetap yang menawarkan perkhidmatan bersepadu jalur lebar, mudah alih dan data, kandungan digital serta penyelesaian inovatif lain untuk tujuan pendedahan di bawah MFRS 8 “Segmen Operasi”.

Unit perniagaan konvergen kekal disokong oleh Lain-lain/Perkhidmatan Berkongsi terdiri daripada semua bahagian perkhidmatan bersama, semua bahagian pemboleh perniagaan seperti Rangkaian Kumpulan dan Teknologi Maklumat serta anak-anak syarikat yang tidak tergolong dalam kelompok perniagaan yang dinyatakan di atas.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

42. PELAPORAN SEGMENT (SAMBUNGAN)

Hasil daripada pelanggan luar:

	Kumpulan	
	2024 RM	2023 RM Dinyatakan semula
Perniagaan-ke-Pengguna (B2C)	5,633.3	5,664.0
Perniagaan-ke-Perniagaan (B2B)	2,906.2	2,885.4
Penyedia-ke-Penyedia (C2C)	3,061.4	3,073.0
Lain-lain/Perkhidmatan Berkongsi	282.6	322.6
Antara segmen	(171.1)	(254.8)
Jumlah	11,712.4	11,690.2

Mengikut Lokasi Geografi

Kumpulan beroperasi di beberapa buah negara seperti yang didedahkan dalam nota 50. Oleh itu, pemetaan operasi Kumpulan mengikut lokasi geografi disegmenkan kepada Malaysia dan negara-negara lain. Operasi luar negara tidak diasingkan selanjutnya kerana tiada negara di seberang laut yang menyumbang lebih daripada 10.0% daripada hasil kendalian atau aset yang disatukan.

TM Technology Services Sdn Bhd	100	100	RM5,034.0	RM5,034.0	Penyediaan kemudahan infrastruktur rangkaian, perkhidmatan rangkaian dan perkhidmatan akses terakhir bagi talian tetap dan tanpa wayar yang terdiri daripada jalur lebar, mesej dan suara
Tulip Maple Berhad	100	100	RM#	RM#	Entiti tujuan khas
Universiti Telekom Sdn Bhd	100	100	RM705.6	RM705.6	Mengurus dan mentadbir sebuah universiti swasta yang dikenali sebagai Universiti Multimedia
VADS Berhad	100	100	RM6.1	RM6.1	Penyediaan perkhidmatan rangkaian terurus, perkhidmatan penyepaduan sistem rangkaian dan perkhidmatan yang berkaitan dengan rangkaian. Pemegang pelaburan ekoran penyusunan dalaman
Anak-anak syarikat dipegang melalui TM DC Holdings Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Intelsec Sdn Bhd)					
Inneonusa Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	51	51	RM15.0	RM15.0	Penyediaan perkhidmatan keselamatan sistem ICT dan perkhidmatan bangunan pintar termasuk perkhidmatan sewaan pintar bagi pemilik, pengendali, penghuni dan pelawat bangunan
Lyfe Medini Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	51	51	RM2.0	RM2.0	Penyediaan produk dan perkhidmatan pintar yang berinovatif dan nilai terbaik
TM DC Educity Sdn Bhd	100	–	RM1.8	–	Syarikat pemegangan pelaburan yang memfokuskan kepada penyediaan infrastruktur untuk perkhidmatan pengehosan, perkhidmatan pemprosesan data dan aktiviti berkaitan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

50. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut: (sambungan)

	Kepentingan Efektif Kumpulan		Modal Berbayar		Aktiviti-aktiviti Utama
Nama Syarikat	2024 %	2023 %	2024 Juta	2023 Juta	
Anak-anak syarikat dipegang melalui TM Technology Services Sdn Bhd					
Millercom Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM0.3	RM0.3	Dorman
Packet One (L) Ltd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM#	RM#	Pemegangan pelaburan
Anak syarikat dipegang melalui TM Facilities Sdn Bhd					
TMF Autolease Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Penyediaan perkhidmatan pengurusan kenderaan
Anak-anak syarikat dipegang melalui Universiti Telekom Sdn Bhd					
Unitele Multimedia Sdn Bhd	100	100	RM1.0	RM1.0	Penyediaan latihan dan perkhidmatan yang berkaitan
Telekom Research & Development Sdn Bhd	100	100	RM20.0	RM20.0	Penyediaan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bidang komunikasi, aplikasi berteknologi canggih serta produk dan perkhidmatan dalam perniagaan berkaitan
Multimedia College Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM2.0	RM2.0	Telah berhenti beroperasi
Anak syarikat dipegang melalui Unitele Multimedia Sdn Bhd					
MMU Creativista Sdn Bhd	100	100	RM#	RM#	Penyediaan penerbitan video dan filem digital serta pasca penerbitan
Anak-anak syarikat dipegang melalui VADS Berhad					
Meganet Communications Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM11.0	RM11.0	Dorman
VADS Business Process Sdn Bhd	100	100	RM10.0	RM10.0	Penyediaan perkhidmatan pusat perhubungan yang terurus
VADS e-Services Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM1.0	RM1.0	Telah berhenti beroperasi
VADS Professional Services Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM#	RM#	Dorman
VADS Solutions Sdn Bhd (Dalam Pembubaran)	100	100	RM1.5	RM1.5	Penyediaan perkhidmatan penyepaduan sistem

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

50. SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT PADA 31 DISEMBER 2024 (SAMBUNGAN)

Anak-anak syarikat adalah seperti berikut: (sambungan)

Nama Syarikat	Kepentingan Efektif Kumpulan		Modal Berbayar		Aktiviti-aktiviti Utama
	2024 %	2023 %	2024 Juta	2023 Juta	
Anak syarikat dipegang melalui VADS Business Process Sdn Bhd					
PT VADS Indonesia (secara kolektif bersama VADS Berhad) ^{^*}	100	100	IDR17,052.8	IDR17,052.8	Penyediaan perkhidmatan pusat perhubungan yang terurus
Anak syarikat disatukan melalui kawalan berkesan seperti yang ditakrifkan oleh MFRS 10					
Yayasan Telekom Malaysia ^{^^}	—	—	—	—	Amanah yang diperbadankan di bawah peruntukan Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952, bagi penggalakan dan kemajuan pendidikan, penyelidikan dan penyebaran ilmu

Semua anak syarikat diperbadankan di Malaysia kecuali yang berikut:

Nama Syarikat	Tempat Diperbadankan
PT VADS Indonesia	— Indonesia
Telekom Malaysia (Australia) Pty Ltd	— Australia
Telekom Malaysia DMCC	— Emiriah Arab Bersatu
Telekom Malaysia (Hong Kong) Limited	— Hong Kong
Telekom Malaysia (S) Pte Ltd	— Singapura
Telekom Malaysia (UK) Limited	— United Kingdom
Telekom Malaysia (USA) Inc	— Amerika Syarikat

AUD	Dolar Australia	SGD	Dolar Singapura
AED	Dirham Emiriah Arab Bersatu	GBP	Pound Sterling
IDR	Rupiah Indonesia	USD	Dolar AS
HKD	Dolar Hong Kong		

Amaun kurang daripada 0.1 juta dalam mata wang masing-masing

* Diaudit oleh firma ahli Ernst & Young Global Limited yang merupakan entiti sah berasingan dan bebas daripada Ernst & Young PLT.

** Perundangan dan peraturan tempatan tidak memerlukan penyediaan penyata kewangan yang diaudit bagi entiti ini.

[^] VADS Berhad dan VADS Business Process Sdn Bhd memegang kepentingan secara langsung masing-masing sebanyak 10.0% dan 90.0% dalam PT VADS Indonesia.

^{^^} Sebagai satu entiti yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952, entiti ini mempunyai sumbangan permulaan sebanyak RM13.0 juta dan bukan modal berbayar. Kumpulan mempunyai kawalan *de facto* ke atas Yayasan Telekom Malaysia disebabkan gabungan beberapa fakta termasuk sumber pendanaan dan hak untuk melantik Lembaga Pemegang Amanah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

51. SYARIKAT BERSEKUTU/ENTITI YANG DIKAWAL BERSAMA PADA 31 DISEMBER 2024

Nama Syarikat	Kepentingan Efektif Kumpulan		Aktiviti-aktiviti Utama
	2024 %	2023 %	
Syarikat bersekutu dipegang melalui Telekom Malaysia (S) Pte Ltd			
BlueTel Networks Pte Ltd	29	29	Penyediaan penyelesaian telekomunikasi dan rangkaian
BlueTel Networks Pte Ltd (BTN) telah diperbadankan di Singapura dan akhir tahun kewangannya adalah sama dengan Syarikat.			
Entiti yang dikawal bersama dipegang melalui TM DC Educity Sdn Bhd			
ST Dynamo DC Sdn Bhd	51	–	Pembangunan dan pengendalian kampus pusat data di Johor, Malaysia
ST Dynamo DC Sdn Bhd telah diperbadankan di Malaysia dan akhir tahun kewangannya adalah sama dengan Syarikat.			

52. PENYUSUNAN SEMULA DALAMAN KUMPULAN TM PADA TAHUN SEBELUMNYA

Penyusunan semula dalaman Kumpulan telah dilaksanakan untuk memperkemaskan perniagaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya terutamanya untuk membolehkan Syarikat menjadi pemegang pelaburan dengan TM Tech sebagai entiti kendalian utama untuk meneruskan perniagaan telekomunikasi Kumpulan di Malaysia. Kumpulan berpendapat bahawa struktur korporat susulan penyusunan semula dalaman Kumpulan adalah pemangkin kepada fasa seterusnya dalam perjalanan transformasi berterusan Kumpulan.

Pada 13 Disember 2022, Syarikat dan anak-anak syarikat milik penuhnya yang berikut (setiap satu Pemindah dan secara kolektif, Pemindah-pemindah), memeterai perjanjian penggabungan bersyarat (Perjanjian Penggabungan) dengan TM Tech (sebagai Penerima Pindahan) bagi tujuan pelaksanaan penyusunan semula dalaman Kumpulan:

- (i)

Cybermall Sdn Bhd;
- (ii)

Mobikom Sdn Bhd;
- (iii)

Telekom Applied Business Sdn Bhd;
- (iv)

Telekom Enterprise Sdn Bhd;
- (v)

Telekom Multi-Media Sdn Bhd;
- (vi)

Telekom Sales & Services Sdn Bhd;
- (vii)

Telekom Technology Sdn Bhd;
- (viii)

TM Info-Media Sdn Bhd;
- (ix)

TM Net Sdn Bhd;
- (x)

VADS Berhad (VADS); dan
- (xi)

VADS Lyfe Sdn Bhd.

Pada 21 Februari 2023, Mahkamah Tinggi memberikan perintah letak hak yang meluluskan skim pengaturan dan penyatuan antara Pemindah-pemindah dan Penerima Pindahan di bawah Akta (Perintah Letak Hak). Menurut Perintah Letak Hak, Mahkamah Tinggi telah meluluskan, antara lain, yang berikut:

- (i)

pemindahan dan syarat letak hak Aset dan Liabiliti yang Dikenal pasti daripada Pemindah-pemindah kepada Penerima Pindahan mengikut syarat Perjanjian Penggabungan, berkuat kuasa pada 1 Mac 2023; dan
- (ii)

pembubaran Pemindah Terpilih mengikut terma Perjanjian Penggabungan, berkuat kuasa pada dan mulai 31 Disember 2023.

Pada 1 Mac 2023, Kumpulan telah melaksanakan pemindahan dan letak hak Aset dan Liabiliti yang Dikenal pasti daripada entiti-entiti Pemindah (Syarikat dan 11 anak syarikat milik penuh Syarikat yang dikenal pasti) kepada Penerima Pindahan (TM Tech) sebagai pertukaran untuk penerbitan dan pertukaran saham TM Tech yang baru sebanyak 4,993,959,454 Saham Pertimbangan oleh Penerima Pindahan kepada Syarikat, pada harga terbitan RM1.00 setiap satu, dikreditkan sebagai telah dibayar sepenuhnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

52. PENYUSUNAN SEMULA DALAMAN KUMPULAN TM PADA TAHUN SEBELUMNYA (SAMBUNGAN)

Rentetan itu, perniagaan dan operasi telekomunikasi Kumpulan yang bertapak di Malaysia telah digabungkan secara efektif dan beroperasi melalui TM Tech.

Penyusunan ini tidak mempunyai sebarang impak kepada Kumpulan, namun perniagaan telekomunikasi yang terdahulunya beroperasi melalui Syarikat telah menjadi kendalian dihentikan untuk tujuan pendedahan dalam penyata kewangan tahun sebelumnya. Pendedahan ini diperlukan untuk kendalian dihentikan bagi tahun sebelumnya dikemukakan semula. Maklumat kewangan berkaitan kendalian dihentikan bagi Syarikat adalah seperti berikut:

	2023 RM Dinyatakan semula
Hasil kendalian	1,608.4
Kos kendalian	
– susut nilai, rosot nilai dan pelunasan	(270.4)
– laba/(kerugian) bersih rosot nilai atas aset kewangan dan aset kontrak	8.5
– kos kendalian lain	(984.5)
Pendapatan kendalian lain (bersih)	20.1
Keuntungan kendalian sebelum kos pembiayaan	382.1
Pendapatan pembiayaan	8.1
Kos pembiayaan	(42.7)
Kos pembiayaan bersih	(34.6)
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	347.5
Cukai dan zakat	(183.1)
Keuntungan bagi tahun kewangan daripada kendalian dihentikan	164.4

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

52. PENYUSUNAN SEMULA DALAMAN KUMPULAN TM PADA TAHUN SEBELUMNYA (SAMBUNGAN)

- (i) Nilai dibawa aset dan simpanan bersih yang dipindahkan daripada 11 anak syarikat milik sepenuhnya Syarikat yang dikenal pasti dan daripada Syarikat kepada TM Tech adalah seperti berikut:

	Nota	Dipindahkan daripada anak-anak syarikat RM	Dipindahkan kepada TM Tech RM Dinyatakan semula
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	21	154.1	10,709.5
Hartanah pelaburan		–	97.6
Aset tak ketara	22	30.7	279.6
Aset hak penggunaan	23	43.2	699.6
Belum terima/aset bukan semasa lain		32.9	72.1
Belum terima pada FVOCI	28	–	23.6
Aset Semasa			
Inventori		3.1	235.6
Belum terima perdagangan dan lain-lain		424.3	3,515.9
Aset kontrak	5(b)	3.0	523.5
Aset kos kontrak	31	66.0	437.5
Tunai dan baki bank		18.4	444.6
Belum terima pada FVOCI	28	–	2.5
Jumlah Aset		775.7	17,041.6
Liabiliti Bukan Semasa			
Liabiliti pajakan		5.1	606.7
Peminjaman		6.7	3,077.4
Liabiliti cukai tertunda	20	1.9	1,435.7
Belum bayar kepada anak syarikat		–	559.0
Belum bayar perdagangan dan lain-lain		–	164.2
Liabiliti Semasa			
Belum bayar perdagangan dan lain-lain		267.2	4,292.5
Deposit pelanggan		1.7	175.9
Liabiliti kontrak	5(c)	6.5	1,225.0
Liabiliti pajakan		40.5	116.3
Peminjaman		2.9	275.2
Cukai dan zakat		–	169.7
Jumlah Liabiliti		332.5	12,097.6
Aset Bersih pada 1 Mac 2023		443.2	4,944.0
Rizab-rizab Lain pada 1 Mac 2023		–	0.4

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

52. PENYUSUNAN SEMULA DALAMAN KUMPULAN TM PADA TAHUN SEBELUMNYA (SAMBUNGAN)

(ii) Aliran tunai bersih berkaitan aktiviti kendalian, pelaburan dan pembiayaan daripada kendalian dihentikan adalah seperti yang berikut:

	2023 RM
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti kendalian	(59.0)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(471.9)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(58.7)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai daripada kendalian dihentikan	(589.6)

53. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) kecuali bila dinyatakan sebaliknya.

54. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah pada 8 April 2025.

PENYATA PENGARAH

menurut Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Kami, Dato’ Zainal Abidin Putih dan Amar Huzaimi Md Deris, dua ahli Pengarah Telekom Malaysia Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan di muka surat 27 hingga 133 telah dibentangkan supaya memberikan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2024 dan keputusan serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS dan keperluan Akta Syarikat 2016 di dalam Malaysia.

Selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 8 April 2025.



DATO’ ZAINAL ABIDIN PUTIH
Pengarah



AMAR HUZAIMI MD DERIS
Pengarah

Kuala Lumpur

AKUAN BERKANUN

menurut Seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat 2016

Saya, Ahmad Fairus Rahim, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Telekom Malaysia Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan di muka surat 27 hingga 133 adalah, pada pendapat saya, betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan bersungguh-sungguh mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui benar)
di Kuala Lumpur pada)
8 April 2025.)


AHMAD FAIRUS RAHIM
MIA No. CA 54384

Di hadapan saya:

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur



No. 59, Jalan Telawi
Bangsar Baru
59100 Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli-ahli Telekom Malaysia Berhad
No Pendaftaran: 198401016183 [128740-P] (Diperbadankan di Malaysia)

(Laporan ini telah diterjemahkan daripada versi Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang pencanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi ini, versi Bahasa Inggeris mengatasi versi ini.)

Laporan audit penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Telekom Malaysia Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024 bagi Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan yang material, seperti yang dibentangkan pada muka surat 27 hingga 133.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2024, dan prestasi kewangan serta aliran tunai mereka bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan lebih lanjut di bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap audit penyata kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika yang lain

Kami adalah bebas daripada Kumpulan dan Syarikat selaras dengan Undang-undang Kecil (bagi Profesional Etika, Tingkah Laku dan Amalan) bagi Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA") seperti yang terpakai kepada audit penyata kewangan entiti kepentingan awam dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Perkara-perkara utama audit

Perkara-perkara utama audit adalah perkara-perkara yang mengikut pertimbangan profesional kami, paling penting dalam audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun semasa. Kami telah menentukan bahawa tidak terdapat perkara-perkara utama audit untuk disampaikan dalam laporan kami mengenai penyata kewangan Syarikat. Perkara utama audit untuk penyata kewangan Kumpulan diterangkan di bawah. Perkara ini ditangani dalam konteks pengauditan penyata kewangan Kumpulan secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya, kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara ini. Bagi setiap perkara di bawah, penerangan kami mengenai bagaimana audit kami menangani perkara itu disediakan dalam konteks tersebut.

Kami telah melaksanakan tanggungjawab yang diterangkan di bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap audit penyata kewangan* dalam laporan kami, termasuk yang berkaitan dengan perkara-perkara ini. Sehubungan itu, audit kami merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur yang dirancang untuk respons kepada penilaian kami terhadap risiko tentang salah nyata yang material bagi penyata kewangan. Keputusan prosedur audit kami, termasuk prosedur yang dilaksanakan untuk menangani perkara di bawah, menyediakan asas bagi pendapat audit kami mengenai penyata kewangan yang disertakan.

Pengiktirafan hasil berikutan sistem teknologi maklumat yang kompleks dan hasil daripada kontrak yang dikhususkan untuk Perniagaan-ke-Perniagaan ("B2B") dan Penyedia-ke-Penyedia ("C2C")

(Rujuk Nota 5 – Hasil kendalian, Nota 2(q)(i) – Dasar-dasar perakaunan yang material: Pengiktirafan hasil daripada kontrak dengan pelanggan di bawah MFRS 15 dan Nota 3(a) – Anggaran dan pertimbangan perakaunan yang kritikal: Perakaunan untuk kontrak dengan pelanggan)

Kumpulan mengiktiraf hasil berjumlah RM11,712.4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Kami memberikan tumpuan kepada perkara ini kerana terdapat risiko yang wujud terhadap ketepatan hasil yang diiktiraf memandangkan kerumitan sistem teknologi maklumat dan pengantaramukaan antara pelbagai sistem dan modul yang memproses data yang banyak yang terdiri daripada transaksi bernilai rendah secara individu dengan gabungan produk, harga dan kadar yang berbeza (termasuk diskaun pelanggan dan pengaturan insentif). Ia juga melibatkan pertimbangan dan anggaran penting dalam menggunakan dasar pengiktirafan hasil.

Termasuk dalam hasil ialah kontrak yang dikhususkan untuk B2B dan C2C yang memerlukan pengurusan untuk mengenal pasti pelbagai obligasi pelaksanaan dan menentukan kemajuan untuk obligasi pelaksanaan yang dikenal pasti yang akan dilaksanakan dari semasa ke semasa seperti kerja-kerja pemasangan dan perkhidmatan. Pertimbangan dan anggaran tambahan dibuat untuk menentukan kos kontrak yang ditanggung dan sama ada hak dan obligasi kontrak diiktiraf dengan sewajarnya.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli-ahli Telekom Malaysia Berhad

No Pendaftaran: 198401016183 [128740-P] (Diperbadankan di Malaysia)

Perkara-perkara utama audit (sambungan)

Pengiktirafan hasil berikutan sistem teknologi maklumat yang kompleks dan hasil daripada kontrak yang dikhususkan untuk Perniagaan-ke-Perniagaan ("B2B") dan Penyedia-ke-Penyedia ("C2C") (sambungan)

Respons audit kami

Bagi menangani tumpuan audit ini, kami melaksanakan, antara lain, prosedur-prosedur berikut:

- Kami memperoleh pemahaman tentang, menilai reka bentuk dan menguji keberkesanan operasi kawalan utama terhadap proses pengiktirafan hasil Kumpulan, termasuk melibatkan pakar teknologi maklumat kami untuk menguji keberkesanan operasi kawalan automatik ke atas sistem pengebilan. Kami juga menguji ketepatan antara muka data, di antara sistem pengebilan dan lejar am serta dan juga menguji kawalan bukan automatik termasuk pengemaskinian perubahan kadar yang diluluskan tepat pada masanya dalam sistem pengebilan;
- Kami menilai aplikasi dasar perakaunan Kumpulan oleh pihak pengurusan termasuk pertimbangan dan anggaran penting yang dibuat dan jika relevan, metodologi yang digunakan oleh pihak pengurusan untuk menentukan harga jual berasingan (*standalone selling prices*);
- Kami melakukan *three-way correlation* antara baki belum terima, hasil serta tunai dan baki di bank dengan menggunakan analisis data, termasuk *cash anchor testing* bagi menentukan sama ada tunai yang diterima berkaitan dengan hasil;
- Bagi kontrak yang dikhususkan untuk B2B dan C2C, kami memberikan tumpuan terhadap kontrak material yang mempunyai pelbagai obligasi pelaksanaan dan juga obligasi pelaksanaan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa. Prosedur kami termasuk menguji keberkesanan pengendalian kawalan ke atas pengiktirafan hasil bagi projek-projek dikhususkan, yang terdiri daripada pengenalpastian obligasi pelaksanaan, penganggaran harga jualan berasingan relatif bagi setiap obligasi pelaksanaan dan obligasi pelaksanaan yang dikenal pasti dipenuhi. Kami juga telah membaca terma kontrak bagi memastikan bahawa terma kontrak telah diaplikasikan dengan sewajarnya dan mengesan pengiktirafan hasil kepada bukti sokongan, seperti pesanan penghantaran atau sijil penerimaan untuk sampel terpilih; dan
- Kami juga menilai kecukupan pendedahan Kumpulan berkenaan dengan dasar-dasar perakaunan mengenai pengiktirafan hasil.

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit yang berkaitan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Laporan Para Pengarah dan laporan tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat serta laporan juruaudit kami yang berkaitan.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain tersebut dan, semasa berbuat demikian, kami mempertimbangkan sama ada maklumat lain secara material tidak konsisten dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau pengetahuan yang kami peroleh dalam audit atau sebaliknya menampakkan salah nyata yang material.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami laksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang material bagi maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Para Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang memberikan gambaran benar dan saksama mengikut Piawaian Perakaunan MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman yang ditentukan oleh Para Pengarah sebagai perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, Para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Syarikat atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli-ahli Telekom Malaysia Berhad

No Pendaftaran: 198401016183 [128740-P] (Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab juruaudit terhadap audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhan bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah merupakan jaminan tahap yang tinggi, tetapi ia bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau dalam agregat, mereka secara munasabah dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan sikap profesional skeptisisme sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang material dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan boleh melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Para Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Para Pengarah dan, berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh, sama ada wujud ketidakpastian material yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami perlu melaporkan dalam laporan audit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami perlu diubah. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan audit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan atau Syarikat untuk berhenti sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan tersebut mewakili urusan niaga asas dan peristiwa yang mencapai pembentangan yang saksama.
- Merancang dan melaksanakan pengauditan kumpulan untuk mendapatkan bukti audit yang bersesuaian dan mencukupi mengenai maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan sebagai asas untuk membentuk pendapat mengenai penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas pengarah, penyeliaan dan penyemakan kerja audit yang dilaksanakan untuk tujuan audit kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya kepada pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan Para Pengarah tentang, antara perkara-perkara lain, skop dan masa audit yang dirancang serta penemuan audit penting, termasuk kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Kami juga menyediakan satu kenyataan untuk Para Pengarah yang mengesahkan bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang relevan mengenai kebebasan, dan juga memaklumkan semua perhubungan dan perkara-perkara lain yang secara munasabah boleh mempengaruhi kebebasan kami, dan jika berkenaan, tindakan diambil untuk menghapuskan ancaman atau perlindungan digunakan.

Menerusi komunikasi dengan Para Pengarah, kami menentukan perkara-perkara yang paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun semasa dan oleh itu merupakan perkara-perkara audit utama. Kami menerangkan perkara ini dalam laporan audit kami kecuali jika undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam tentang perkara itu atau apabila, dalam keadaan yang amat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara itu tidak perlu dinyatakan dalam laporan kami kerana kesan buruk berbuat demikian akan secara munasabah dijangkakan melebihi manfaat kepentingan awam untuk komunikasi yang sedemikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada ahli-ahli Telekom Malaysia Berhad

No Pendaftaran: 198401016183 [128740-P] (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai keperluan undang-undang dan peraturan lain

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, kami melaporkan bahawa syarikat subsidiari yang kami tidak bertindak sebagai juruaudit, dinyatakan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan beraudit.

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan hanya untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.



Ernst & Young PLT

202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

8 April 2025



Ahmad Zahirudin Bin Abdul Rahim

02607/12/2026 J

Akauntan Bertauliah

STATISTIK PEGANGAN SAHAM

pada 14 Mac 2025

ANALISA PEGANGAN SAHAM

Saham Terbitan : 3,837,704,681

Kategori Saham : 3,837,704,680 saham biasa
Satu (1) Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa (Saham Istimewa)

Jumlah Pemegang Saham: 32,765

Hak Mengundi : • Satu (1) undi bagi setiap saham biasa.
• Saham Istimewa tidak mempunyai hak mengundi selain dari yang dinyatakan pada nota 13(a) Penyata Kewangan

PENGAGIHAN PEGANGAN SAHAM BIASA

Saiz Pegangan Saham	Pemegang Saham				Saham Dipegang			
	Malaysia		Asing		Malaysia		Asing	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan.	%
Kurang daripada 100	2,126	6.49	35	0.11	37,504	0.00	759	0.00
100 – 1,000	10,669	32.56	139	0.42	6,839,157	0.18	93,775	0.00
1,001 – 10,000	16,591	50.64	268	0.82	50,008,594	1.30	1,128,862	0.03
10,001 – 100,000	1,608	4.91	388	1.18	37,889,841	0.99	17,654,356	0.46
100,001 – 191,885,233*	446	1.36	491	1.50	1,727,137,063	45.00	540,665,622	14.09
191,885,234 dan ke atas**	3	0.01	0	0.00	1,456,249,147	37.95	0	0.00
Jumlah	31,443	95.97	1,321	4.03	3,278,161,306	85.42	559,543,374	14.58

Nota:

* Kurang dari 5% pegangan modal diterbitkan

** 5% atau lebih pegangan modal diterbitkan

KLASIFIKASI PEMEGANG SAHAM YANG MEMEGANG SAHAM BIASA

Kategori	Bilangan Pemegang Saham		Bilangan Saham Dipegang		% Saham Diterbitkan	
	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing	Malaysia	Asing
INDIVIDU						
a. Bumiputera	10,581	0	26,240,711	0	0.68	0.00
b. Cina	15,187	0	51,822,018	0	1.35	0.00
c. India	1,222	0	3,293,240	0	0.09	0.00
d. Lain-lain	132	275	443,653	1,409,196	0.01	0.04
BADAN KORPORAT						
a. Bank/Syarikat Kewangan	107	1	1,023,760,474	5,000	26.68	0.00
b. Pelaburan Amanah/Yayasan/Badan Amal	18	0	728,906	0	0.02	0.00
c. Syarikat Perindustrian dan Komersial	224	7	25,226,103	9,789,067	0.66	0.25
AGENSI KERAJAAN/INSTITUSI	11	0	765,780,070	0	19.95	0.00
PENAMA	3,959	1,038	1,380,862,928	548,340,111	35.98	14.29
LAIN-LAIN	2	0	3,203	0	0.00	0.00
Jumlah	31,443	1,321	3,278,161,306	559,543,374	85.42	14.58

STATISTIK PEGANGAN SAHAM

pada 14 Mac 2025

PEMEGANG SAHAM UTAMA

Bil.	Pemegang Saham	BERDASARKAN REKOD PENDEPOSIT			
		Bilangan Pegangan Saham Biasa		Peratus (%)	
		Langsung	Tidak Langsung	Langsung	Tidak Langsung
1	KHAZANAH NASIONAL BERHAD	771,347,766	0	20.10	0.00
2	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	661,960,357	0	17.25	0.00
3	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	339,138,498	43,391,987	8.84	1.13
Jumlah		1,772,446,621	43,391,987	46.19	1.13

Bil.	Pemegang Saham	BERDASARKAN REKOD PEMEGANG SAHAM UTAMA			
		Bilangan Pegangan Saham Biasa		Peratus (%)	
		Langsung	Tidak Langsung	Langsung	Tidak Langsung
1	KHAZANAH NASIONAL BERHAD	771,347,766	0	20.10	0.00
2	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	657,319,657	0	17.13	0.00
3	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	339,138,498	43,572,287	8.84	1.14
Jumlah		1,767,805,921	43,572,287	46.07	1.14

KEPENTINGAN LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG PENGARAH-PENGARAH DALAM SYARIKAT

Berdasarkan Daftar Pegangan Saham Pengarah

Bil.	Kepentingan dalam Syarikat	Bilangan Pegangan Saham		
		Langsung	Disifatkan Kepentingan	%
1	Amar Huzaimi Md Deris	319,010	0	0.01
2	Datuk Bazlan Osman	10,000	0	0.00
Jumlah		329,010	0	0.01

30 PEMEGANG SAHAM TERATAS

pada 14 Mac 2025

SENARAI 30 PEMEGANG SAHAM TERATAS

Berdasarkan Rekod Ahli dan Pendeposit

Bil.	Nama Pemegang Saham	Bilangan Saham	%
1	KHAZANAH NASIONAL BERHAD	753,926,166	19.65
2	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD	363,184,483	9.46
3	KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)	339,138,498	8.84
4	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM BUMIPUTERA	169,000,000	4.40
5	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD (ISLAMIC)	144,540,218	3.77
6	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EXEMPT AN FOR AIA BHD	76,513,269	1.99
7	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – MAYBANK TRUSTEES BERHAD FOR PUBLIC ITTIKAL FUND (N14011970240)	63,000,000	1.64
8	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN	52,270,200	1.36
9	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – PUBLIC ITTIKAL SEQUEL FUND	50,285,800	1.31
10	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM MALAYSIA 3	47,671,458	1.24
11	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD (NOMURA)	34,616,800	0.90
12	LEMBAGA TABUNG HAJI	32,048,109	0.84
13	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – PAMB FOR PRULINK EQUITY FUND	31,222,263	0.81
14	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2	31,000,000	0.81
15	PERMODALAN NASIONAL BERHAD	30,000,000	0.78
16	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – PUBLIC ISLAMIC DIVIDEND FUND	28,123,639	0.73
17	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (PAR 1)	28,094,689	0.73
18	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – PRUDENTIAL ASSURANCE MALAYSIA BERHAD FOR PRULINK STRATEGIC FUND	27,663,892	0.72
19	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – URUSHARTA JAMAAH SDN BHD (1)	27,293,800	0.71
20	DB (MALAYSIA) NOMINEE (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN FOR STATE STREET BANK & TRUST COMPANY (WEST CLT OD67)	25,813,200	0.67
21	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – PUBLIC ISLAMIC EQUITY FUND	24,000,000	0.63
22	MAYBANK NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – MAYBANK TRUSTEES BERHAD FOR PUBLIC REGULAR SAVINGS FUND (N14011940100)	23,100,041	0.60
23	CARTABAN NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – PBTB FOR TAKAFULINK DANA EKUITI	22,958,329	0.60
24	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM MALAYSIA	22,000,000	0.57
25	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD (AHAM AM)	21,295,056	0.56
26	CITIGROUP NOMINEES (ASING) SDN BHD – EXEMPT AN FOR CITIBANK NEW YORK (NORGES BANK 19)	19,196,000	0.50
27	CITIGROUP NOMINEES (TEMPATAN) SDN BHD – EMPLOYEES PROVIDENT FUND BOARD (CGS CIMB)	19,188,000	0.50
28	DB (MALAYSIA) NOMINEE (TEMPATAN) SENDIRIAN BERHAD – DEUTSCHE TRUSTEES MALAYSIA BERHAD FOR HONG LEONG VALUE FUND	19,130,000	0.50
29	HSBC NOMINEES (ASING) SDN BHD – JPMCB NA FOR VANGUARD TOTAL INTERNATIONAL STOCK INDEX FUND	16,046,498	0.42
30	AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD – AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 3 – DIDIK	16,000,000	0.42
Jumlah		2,558,320,408	66.66

SENARAI SEPULUH HARTANAH TERATAS

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024

Bil.	Lokasi	Penerangan & Penggunaan Sedia Ada	Tahun pemerolehan atau Penilaian Semula	Pegangan (Pegangan Bebas atau Pegangan Pajak)	Kawasan Tanah/ Kawasan Terbina (KP)	Umur Bangunan (Tahun)	Nilai Buku Bersih Dis 2024 (RM Juta)
1	TM Complex Cyberjaya Lingkar Teknokrat Timur 63000 Cyberjaya Selangor	Tanah berserta Bangunan/Pejabat & Pusat Data	2012	Pegangan Bebas	114,549/ 71,047	22 Tahun	293.0
2	TM One Iskandar Putri Data Centre (IPDC) 2, Lingkar Teknologi 1 Taman Teknologi Nusajaya 79250 Nusajaya Johor	Tanah berserta Bangunan/Pusat Data	2019	Pegangan Bebas	32,132/ 29,375	6 Tahun	144.7
3	TM Annexe 2 Lengkok Pantai Baharu 59100 Kuala Lumpur	Menara Pejabat	2007	Pegangan Pajak	876/ 26,875	18 Tahun	48.8
4	TM Pekeliling Sek 63, Lorong Kuda Off Jalan Tun Razak 50450 Kuala Lumpur	Tanah berserta Bangunan/Ibu Sawat (Bangunan Telekomunikasi)	2012	Pegangan Bebas	3,275/ 6,781	21 Tahun	41.0
5	TM Bukit Mahkamah Jalan Raja Chulan Bukit Bintang 50200 Kuala Lumpur	Tanah berserta Bangunan/Pejabat	2018	Pegangan Bebas	4,237/ 14,066	27 Tahun	37.4
6	TM Annexe 1 Lengkok Pantai Baharu 59100 Kuala Lumpur	Menara Pejabat	2005	Pegangan Pajak	909/ 18,562	19 Tahun	34.5
7	Menara TM Melaka (MITC) 2, Jalan Wisma Negeri 75450 Ayer Keroh Melaka	Menara Pejabat	2004	Pegangan Pajak 99 Tahun (7 Mac 2103)	18,290/ 22,956	16 Tahun	31.1
8	TM TTDI Ibusawat Telekom Taman Tun Dr. Ismail Wilayah Persekutuan 60000 Kuala Lumpur	Tanah berserta Bangunan/Ibu Sawat (Bangunan Telekomunikasi)	2012	Pegangan Bebas	6,632/ 11,648	35 Tahun	24.8
9	Lot 1290 Seksyen 57 2, Jalan Punchak Off Jalan P. Ramlee 50250 Kuala Lumpur	Tanah	2012	Pegangan Bebas	3,571	–	23.1
10	TM Kelana Jaya Jalan SS6/3 47301 Petaling Jaya Selangor	Tanah berserta Bangunan/Ibu Sawat (Bangunan Telekomunikasi)	2012	Pegangan Bebas	8,596/ 14,240	21 Tahun	21.8

NILAI BUKU BERSIH TANAH & BANGUNAN

pada 31 Disember 2024

Bil.	Lokasi	Pegangan Bebas		Pegangan Pajak		Tanah Lain*		Tanah Terkecuali**		Nilai Buku Bersih Tanah*** (RM Juta)	Nilai Buku Bersih Bangunan (RM Juta)
		Bilangan Lot	Kawasan ('000 kp)	Bilangan Lot	Kawasan ('000 kp)	Bilangan Lot	Kawasan ('000 kp)	Bilangan Lot	Kawasan ('000 kp)		
1.	Wilayah Persekutuan										
	a. Kuala Lumpur	26	1,528	7	714	1	114	–	–	237.9	198.9
	b. Labuan	–	–	7	511	–	–	–	–	0.5	11.7
2.	Selangor	11	10,144	22	1,378	1	100	69	6,073	549.0	591.6
3.	Perlis	–	–	3	36	–	–	9	678	0.1	3.8
4.	Perak	4	17	22	1,075	2	149	83	5,040	4.1	51.8
5.	Pulau Pinang	3	5,015	16	929	–	–	24	5,826	4.6	40.4
6.	Kedah	20	646	13	922	–	–	45	2,866	22.0	48.5
7.	Johor	7	731	34	1,860	6	155	91	6,270	55.2	193.4
8.	Melaka	2	3	23	2,049	–	–	20	3,588	14.3	114.0
9.	Negeri Sembilan	4	160	18	465	2	155	47	1,840	36.7	21.1
10.	Terengganu	–	–	17	829	–	–	41	5,648	0.5	27.7
11.	Kelantan	–	–	16	701	–	–	35	2,050	0.5	17.4
12.	Pahang	2	66	29	2,118	5	429	60	5,887	3.7	50.8
13.	Sabah	–	–	14	184	4	162	35	2,634	3.7	66.5
14.	Sarawak	4	46	29	986	10	400	75	7,769	18.6	61.4
15.	Hong Kong	–	–	–	–	–	–	–	–	–	63.7
16.	Singapura	–	–	–	–	–	–	–	–	–	0.4
Jumlah		83	18,356	270	14,757	31	1,664	634	56,169	951.4	1,563.1

* Surat ikatan hak milik bagi tanah lain belum lagi didaftarkan atas nama Syarikat. Sehingga penyelesaian dicapai dengan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, tanah-tanah tersebut tidak dikelaskan mengikut tempoh pajakan dan keluasan tanah adalah berdasarkan anggaran.

** Tanah terkecuali ialah tanah yang terletak di luar Wilayah Persekutuan sama ada tanah diberi milik, tanah rizab yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau tanah yang diduduki, diguna, dikawal dan diurus oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan persekutuan (di Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak) sepertimana disebut di dalam Seksyen 3(2) Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti), 1985. Kerajaan telah bersetuju untuk memajakkan tanah-tanah ini kepada Telekom Malaysia Berhad bagi tempoh 60 tahun dengan opsyen untuk melanjutkan tempoh pajakannya, di bawah Artikel 85 dan 86 Perlembagaan Persekutuan.

*** Termasuk tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan tanah dipegang untuk dijual sebuah anak syarikat milik penuh.



Reka bentuk muka hadapan ini mencerminkan transformasi TM menjadi sebuah organisasi yang dikuasakan secara digital dan komitmen kami untuk memperkasakan masa depan dengan teknologi generasi seterusnya. Imej manusia yang dijana AI dengan simbol teknologi mewakili gabungan inovasi manusia dan digital, suatu sinergi yang dipupuk secara aktif oleh TM sebagai pamacu utama transformasi digital Malaysia.

Dengan teknologi baharu muncul membentuk semula industri dan mempercepatkan kemajuan, kami membolehkan alat produktiviti yang lebih bijak, penyelesaian pintar dan perkhidmatan terhubung yang memastikan kebolehcapaian, keterangkuman dan impak yang bermakna untuk semua. Pada masa yang sama, kami terus memajukan keupayaan dan penyelesaian AI kami untuk memastikan teknologi memberikan nilai yang mampan kepada semua pihak berkepentingan, sambil menyokong agenda digital nasional - sejajar dengan aspirasi kami untuk menjadi *Digital Powerhouse* menjelang 2030.

tm.com.my